

DR.28.3.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 28 Mac 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Kewangan menyatakan status Tabung Modal Teroka berjumlah RM500 juta bagi syarikat dalam bidang ICT dan berapa peruntukan telah diedarkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Ke menterian Kewangan pada masa ini telah menubuhkan sebuah syarikat iaitu Malaysia Venture Capital Management Berhad yang akan diletakkan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan bagi mengendalikan Tabung Modal Teroka yang berjumlah RM500 juta tersebut. Modal teroka dari tabung tersebut dijangka akan dapat disalurkan kepada syarikat-syarikat ICT sebaik sahaja syarikat ini mula beroperasi dan ia dijangka akan beroperasi pada separuh kedua tahun ini.

Penubuhan syarikat ini adalah perlu bagi memastikan keberkesanan penyaluran dana tersebut kepada syarikat-syarikat berkenaan yang secara langsung membantu usaha kerajaan mewujudkan masyarakat yang celik IT. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengubah ekonomi negara daripada p-ekonomi kepada keekonomi iaitu satu strategi untuk memperkembangkan pengetahuan dan membina nilai baru dalam ekonomi yang dapat menyumbang ke arah peningkatan produktiviti dan daya saing negara.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kepentingan dan peranan modal teroka dalam ICT dan ini adalah industri yang berisiko tinggi, saya berharap syarikat yang telah ditubuhkan oleh kerajaan, bila syarikat ini membuat penilaian projek-projek, kita tidak boleh menggunakan standard yang biasa, macam projek perumahan dan sebagainya sebab projek ICT adalah projek berisiko tinggi dan biasanya venture capital dalam 10 projek mungkin 9 akan

gagal. Saya ingin tahu apa mekanisme syarikat ini akan ambil supaya kita boleh capai objektif kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali kita akan memberikan keutamaan selain daripada dana yang telah diluluskan pada Belanjawan 2001, di mana tumpuannya akan diberikan kepada bidang ICT. Sebelum ini, kita telah pun menubuhkan satu dana teroka, di mana kita akan memberikan keutamaan kepada beberapa bidang *high-tech* yang berkenaan. Ini merupakan bidang yang tertentu dan selain daripada itu, kita akan menilai daripada potensi dan *viability* projek-projek yang akan disampaikan, dikemukakan kepada pihak kerajaan iaitu syarikat yang akan ditubuhkan kemudian.

Kita juga akan memberikan perhatian kepada beberapa peringkat awal syarikat yang kita akan melakukan pelaburan iaitu di peringkat *c-capital*, peringkat *start-up* dan juga peringkat *early stage* kerana setakat ini beberapa syarikat modal teroka yang telah pun diwujudkan di dalam negara ini adalah lebih kurang 30 buah syarikat. Kalau kita mengkaji daripada objektif kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri dana teroka ini, memang ia tidak begitu selaras dengan objektif kerajaan iaitu kebanyakan modal yang dilaburkan kepada syarikat-syarikat kebelakangan ini adalah ditumpukan kepada peringkat lebih – bukan peringkat awal – iaitu peringkat *c-capital*, *start-up* dan juga *early stage*.

Saya boleh beri statistik di Dewan yang mulia ini. Misalnya dalam tahun 1999, di mana syarikat-syarikat Modal Teroka telah melabur sejumlah RM91.8 juta dalam 41 buah syarikat. Di peringkat awal iaitu *c-capital*, *start-up* dan juga *early stage*, merupakan sebanyak 14.6% sahaja di mana kebanyakan pelaburan adalah dibuat di peringkat *expansion* dan juga pre-IPO, ini tidak selaras dengan hasrat kerajaan. Maka dalam usaha kita menubuhkan syarikat dana teroka yang akan wujud tidak lama lagi, kita akan memberikan lebih perhatian kepada peringkat awal syarikat-syarikat yang akan mengemukakan permohonan. Sekian, terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya difahamkan bahawa Pos Malaysia akan diserahkan kepada salah sebuah syarikat di dalam MSC, mungkin syarikat Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya hendak tanya apa justifikasi kerajaan bertindak demikian sedangkan Pos Malaysia memerlukan lebih banyak lagi pembaharuan yang perlu dilakukan untuk mengharungi industri teknologi maklumat ini. Sekian.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai apa jua maklumat tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan ini telah pun terkeluar daripada soalan asal.

[Soalan No. 2 – Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar] tidak hadir].

3. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan terkini hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Israel khususnya dengan pemilihan Perdana Menteri Israel yang baru.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat. Malaysia telah memberi sokongan yang tidak berbelahbahagi terhadap perjuangan rakyat Palestin untuk mencapai kemerdekaan. Dalam hal ini pendirian Malaysia mengenai hubungan diplomatik dengan Israel adalah jelas. Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel selagi Israel tidak memenuhi syarat-syarat yang telah kita tetapkan iaitu mematuhi resolusi Majlis Keselamatan PBB, 242 Tahun 1967 dan resolusi 338 Tahun 1973.

Keduanya, menyelesaikan isu sempadannya dengan Lebanon dan Syria secara damai dan adil. Dan juga ketiganya, mengembalikan Al-Husa Al-Sharif atau Baitulmuqaddis kepada Palestin.

Dengan kemenangan Ariel Sharon di dalam pilihan raya umum Israel, Februari lalu, Malaysia berpendapat proses damai Timur-Tengah akan bertambah sukar memandangkan Ariel Sharon mempunyai pendirian yang radikal terhadap proses damai Timur-Tengah. Pihak Palestin terpaksa berhadapan dengan kerajaan Israel yang radikal dalam meneruskan usaha mencapai kemerdekaan di Timur-Tengah. Oleh itu pelantikan Ariel Sharon sebagai Perdana Menteri Israel yang baru, dijangka akan menyulitkan lagi proses damai Timur-Tengah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Baru-baru ini kita dengar satu mesyuarat oleh Negara-Negara Islam akan diadakan untuk berbincang tentang kedudukan di Israel yang lebih meruncing dengan pelantikan Perdana Menteri yang baru yang lebih radikal, yang lebih ekstrem ini. Saya minta sedikit pandangan kerajaan tentang perkara ini, sebab saya nampak dari segi isu Palestin ini, Kerajaan Barisan Nasional yang sebenarnya membela dan membantu

mereka. Yang sana cakap sahaja, bahkan masuk jail pun ada tetapi saya hendak bertanya setakat ini apa tindakan baru yang kerajaan akan buat.

Yang keduanya apa peranan parti pembangkang setakat ini kononnya mereka ini menjiwai perjuangan Palestin, tetapi apa pun tidak buat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat itu ingin saya nyatakan, Malaysia terus berusaha untuk membela isu ini bagi pihak negeri Malaysia dan Kerajaan Malaysia kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, dan imej negara kita sebagai Pengerusi Islamic Group dan juga usul Non-Aligned Movement Congress (NAM), kita telah memanggil mesyuarat pada Oktober yang lalu dan seterusnya telah membincangkan mengenai keadaan yang merunsingkan dan seterusnya kita telah meramalkan bahawa keadaan ini akan timbul bila kemungkinannya masa itu pun pilihan Ariel Sharon sebagai Perdana Menteri nampaknya jelas.

Kita telah mengambil tindakan-tindakan dan juga usaha-usaha bekerjasama dengan negara-negara di Timur-Tengah dan kita telah mengemukakan resolusi ke UN Security Council, yang mana kita telah mendapat sokongan iaitu mendapatkan 14 sokongan, dan cuma abstention pihak US. Resolusi ini telah secara keras kita menolak atau *condemn* [Disampuk] mengecamkan kegiatan-kegiatan rusuhan dan *excessive*, menggunakan kekerasan atas pihak Palestinian yang telah mengakibatkan kehilangan jiwa dan rakyatnya.

Kita juga telah berbincang dengan pihak-pihak – kita berharap kita dapat meningkatkan lagi kerjasama dengan ahli-ahli dalam persatuan atau OIC dan juga NAM dalam perkara ini.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan bersama dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sebenarnya telah pun pergi ke Selatan Lubnan dan sebahagian daripada bumi Palestin. Untuk berkata bahawa PAS tidak membela Palestin adalah berbohong di Dewan yang mulia ini [Tepuk] kerana jarak di antara kami dengan tentera rejim Yahudi ialah di antara saya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri. Kami pergi ke sempadan [Disorak]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa soalannya Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Soalan tambahan. Mengecam Israel adalah suatu yang memang telah lama dilaksanakan tetapi saya ingin bertanya apakah polisi Kerajaan Malaysia terhadap sekutu-sekutu Israel khususnya kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan juga sekutu Israel di Asia Tenggara iaitu Singapura sendiri yang mana mempunyai hubungan yang rapat dan menjadi pembela kepada rejim Israel ini sendiri. Satu lagi ialah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Satu sahaja.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di sini, kenyataan Yang Berhormat itu, hadir di sana tidak mencukupi untuk menyatakan pihak Yang Berhormat membelakan Palestin. Yang pentingnya, apa yang kita buat, usaha, dan menggembelngkan tenaga mana-mana pihak yang terlibat dapat menyokong atas isu ini supaya ia dapat dijalankan untuk mencapai matlamat ini. Pada masa ini kita tahu bahawa pemimpin Israel itu memang tidak ada tujuan yang jelas untuk mencapai kedamaian tetapi kita masih berusaha dan kita menggalakkan menggembelngkan tenaga dari negara-negara yang sekitarnya dan juga negara-negara yang menyokong perjuangan kita itu.

Begitu juga hasil yang kita nampak, usaha-usaha kita sampai menggalakkan memberikan kemudahan supaya negara Palestin dapat berhubung dengan negara-negara lain, menjemput pemimpinnya ke Malaysia dan juga mengadakan kedutaannya di negara kita supaya kita dapat memberikan saluran – bila kita mengadakan satu kedutaan di negara kita, kita telah memberi pengiktirafan bahawa Palestin itu adalah sebuah negara. Ini adalah penting untuk kita terus memperjuangkan supaya cita mereka kita sebagai sebuah negara dapat dicapai.

Yang Berhormat, janganlah menyatakan setakat kita pergi ke kawasan itu adalah perjuangan mencukupi. Tetapi ingatlah bahawa pencapaian Malaysia dalam perkara ini kita telah nampak selama ini telah memberi hasil. Tujuan, Yang Berhormat, yang pentingnya kita telah dan juga seterusnya dengan pemimpin yang baru di Amerika Syarikat, kita terus membuat perhubungan supaya mereka ini memahami keadaan ini dan mengingatkan bahawa perkara ini adalah begitu penting bagi pihak negara-negara Islam dan juga perjuangan-perjuangan untuk mencapainya kemerdekaan untuk Palestin. Kita berharap kalau kita bermusuh tidak dapat kita mencapai apa-apa, tetapi yang pentingnya kita dapat berunding, kita dapat duduk bersama untuk mencapai matlamat itu.

4. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan guru, guru besar, pegawai pendidikan, pengarah dan lain-lain jawatan di Kementerian Pendidikan mengikut jantina; dan
- (b) bilakah kali terakhir kerajaan menaikkan gaji guru dan bilakah skim gaji mereka akan dikaji semula.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan

- (a) Terdapat seramai 277,113 kakitangan perkhidmatan pendidikan di Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada pelbagai jawatan di seluruh negara. Dari jumlah tersebut 104,298 adalah lelaki, manakala 172,815 adalah perempuan. Dari jumlah itu juga seramai 267,758 adalah guru, pengetua atau guru besar. Manakala seramai 9,355 adalah pegawai pendidikan termasuk pengarah, timbalan pengarah dan lain-lain.
- (b) Kerajaan telah menaikkan gaji pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah dan lepasan diploma pada tahun 1996, yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1995. Pada tahun 1999, kerajaan juga telah menaikkan gaji guru tetapi hanya untuk pegawai perkhidmatan pendidikan lepasan diploma sahaja melalui pelaksanaan skim perkhidmatan yang baru yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 1999.

Di samping itu, kerajaan telah melaksanakan pelarasan gaji sebanyak 10% pada tahun 2000 bagi kedua-dua Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Lulusan Diploma yang berkuat kuasa mulai 1/1/2000. Kementerian juga telah menghantar satu kertas cadangan Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pada 31 Januari 2001. Kertas tersebut masih dalam kajian agensi berkaitan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas yang angka-angka yang diberi oleh Timbalan Menteri bahawa wanita kurang dilantik. Walaupun jumlah bilangan guru adalah ramai wanita tetapi semakin tinggi jawatannya semasa kini kurang jumlahnya. Apakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengikut apa yang ditandatangani oleh kerajaan dalam CEDAW dan juga di Beijing untuk mencapai 30% participation wanita di dalam semua peringkat jawatan ini.

Yang kedua, adakah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat ya.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak ada diskriminasi antara perempuan atau lelaki. Sebenarnya kalau kita lihat sekarang ini lebih ramai perempuan yang telah menjadi guru dan pada satu masa nanti, kenaikan pangkat sudah tentu akan sampai kepada kaum wanita.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian yang memang ada rancangan untuk menaikkan gaji guru dalam beberapa tahun ini. Selain daripada itu kalau tidak silap saya, tadi saya dengar ada lebih kurang 270,000 guru di negara kita dan memang nyata terdapat kekurangan guru khususnya di sekolah jenis kebangsaan Cina dan saya memang tahu kementerian khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah pun berusaha untuk mengadakan cara-cara untuk menambahkan bilangan guru di sekolah jenis kebangsaan Cina. Jadi, bolehkah Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, menjelaskan rancangan-rancangan yang telah pun kita jalankan dan apakah hasilnya daripada usaha-usaha kementerian untuk menambah guru untuk mencapai matlamat atau sasaran yang kita cadangkan itu.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang masalah guru di sekolah-sekolah Cina. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kementerian Pendidikan memang prihatin tentang masalah kekurangan guru di SJK(C) dan juga

sekolah Tamil dan beberapa langkah telah diambil sejak beberapa tahun yang sudah dan nampaknya langkah-langkah ini sudah memperolehi kesan yang cukup positif.

Beberapa langkah telah kita ambil. Langkah pertama ialah untuk meningkatkan unjuran guru pada tahun ini. Kementerian Pendidikan behasrat untuk mengambil seramai 930 orang guru dalam opsyen pengajian Cina dan setakat ini unjuran itu masih belum kita capai dan Kementerian Pendidikan bercadang supaya pengambilan yang kedua dijalankan pada bulan Julai pada tahun ini.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga melantik guru kontrak bagi guru-guru yang telah bersara dan masih berminat untuk berkhidmat dan guru kontrak ini juga telah kita memperkenalkan – seramai 350 orang guru telah pun dilantik untuk tujuan ini.

Selain daripada itu Kursus Dalam Cuti pun telah diperkenalkan semula untuk memberikan peluang kepada guru sandaran tanpa terlatih untuk mendapat peluang menerima kursus atau latihan pada masa cuti.

Jadi, itu beberapa langkah yang telah kita ambil dan berharap langkah-langkah ini akan membantu kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru di sekolah-sekolah Cina ini.

5. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah kakitangan PBT yang terlibat dengan kes-kes peras ugut serta menyalahgunakan kuasa sejak 3 tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyimpan rekod-rekod kakitangan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan kes-kes peras ugut dan penyalahgunaan kuasa. Biasanya rekod-rekod berkenaan disimpan oleh pentadbiran kerajaan negeri dan PBT atau pihak berkuasa-pihak berkuasa berkenaan apabila ada kes-kes yang diuruskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan susulan yang sesuai, jika benar berlaku kejadian-kejadian seperti peras ugut dan penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan PBT, akan diambil oleh agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Badan Pencegah Rasuah mengikut undang-undang sedia ada. Pentadbiran kerajaan negeri dan PBT akan mengambil tindakan yang sesuai setelah laporan daripada pihak polis atau BPR diperolehi atau apa-apa keputusan daripada mahkamah.

Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat memerlukan maklumat tertentu berkaitan dengan sesuatu kes yang melibatkan mana-mana PBT tertentu, kementerian saya bersedia membantu Yang Berhormat memperolehnya. Sekian.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Soalan tambahan saya, bolehkah kakitangan pihak berkuasa tempatan khususnya yang disyaki terlibat dengan kes peras ugut, ditukarkan bertugas ke pihak berkuasa tempatan yang lain?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jika ada keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak poliskah atau BPR atau mahkamah atau mengikut tatacara kerajaan negeri, memang seseorang kakitangan itu disebabkan ia adalah kakitangan kerajaan negeri boleh dipindah kepada mana-mana tempat yang dirasai sesuai oleh pihak kerajaan negeri.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ekoran daripada jawapan yang diberi oleh pihak kerajaan tadi, salah laku ataupun beberapa kes yang melibatkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak kakitangan PBT ini, saya pernah mengemukakan perkara ini kepada pihak kerajaan negeri. Di antara alasan yang diberikan ialah Akta Kerajaan Tempatan itu sendiri mempunyai kuasa yang tersendiri terhadap kakitangan yang berkenaan.

Oleh kerana itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian untuk memastikan bahawa akta berkenaan boleh dipinda untuk tempoh akan datang bagi memastikan satu tindakan lebih berkesan pihak kerajaan negeri kepada kakitangan-kakitangan pihak PBT, bilakah akta itu akan dipinda bagi memastikan kejayaan dari sudut prestasi dan kecemerlangan kakitangan PBT? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Seperti yang saya jawab, Yang Berhormat, jika sesuatu kes penyalahgunaan kuasakah atau peras ugut dan sebagainya, pihak-pihak yang berkenaan untuk menyiasat sesuatu kes itu memang perlu diadakan dahulu sebelum PBT atau kerajaan negeri boleh mengambil tindakan sebab kita ada cara-cara di mana tindakan disiplin diambil terhadap satu-satu pegawai atau kakitangan itu memang mengikut lunas-lunas yang sedia ada. Kita tidak boleh menggunakan cara-cara yang sewenang-wenangnya. Oleh sebab itu, Akta Kerajaan Tempatan ini memang mempunyai kaedah-kaedah yang cukup terhadap kuasa yang diberikan kepada satu-satu PBT dan sebab kakitangan itu adalah kakitangan kerajaan negeri, maka pihak negerilah yang perlu mengadakan tindakan yang sesuai

terhadap sesiapa yang dianggap bersalah atau dijatuhkan hukuman daripada mana-mana badan kehakiman. Sekian.

6. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah rasionalnya Perdana Menteri membuat lawatan rasmi ke Burma baru-baru ini dan barapakah jumlah pelaburan Malaysia di sana setakat ini.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan lawatan ke Myanmar pada 3 hingga 4 Januari 2001 yang lalu dan lawatan ini adalah di atas undangan Tuan Yang Terutama Senior General Than Swe, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan negara Myanmar. Dalam lawatan ini kedua-dua pemimpin telah berbincang mengenai hubungan dua hala dan juga usaha-usaha meningkatkan lagi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua buah negara. Sehingga tahun ini, tahun 2000, Malaysia telah melaburkan pelaburan di Myanmar bernilai RM2.23 bilion dan pelaburan Malaysia di Myanmar adalah di dalam sektor perusahaan pembalakan, pembinaan dan perhotelan.

Malaysia akan terus mengkaji peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian dan juga kerjasama dalam bidang perikanan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih atas jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita pun hairanlah. Hai, Perdana Menteri melawat Burma pun salah.

Seorang Ahli: Myanmar, Myanmar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Myanmar ini pun salah. Dia 'Burma' dekat sini [*Merujuk kepada Aturan Urusan Mesyuarat*] Saya berharap dalam lawatan-lawatan kerja Perdana Menteri ke luar negara ini saya harap dipertingkatkan lagi ke negara-negara Dunia Ketiga dalam urusan perniagaan. Jadi, apakah peluang pelabur-pelabur kita untuk bersama-sama dengan Perdana Menteri untuk lawatan-lawatan dan kalau boleh bawa Ahli Parlimen sekalilah. [*Ketawa*]

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab, saya memang katakan Yang Berhormat tadi tersilap menyebutkan 'Burma' kerana dalam soalan itu Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu masih menggunakan perkataan itu yang kita tidak terima pada masa kini, ialah bahawa negara itu kita panggil dengan nama baru yang diminta oleh negara Myanmar sendiri, dan kalau tidak silap saya negara yang lain menggunakan perkataan ini ialah negara US mengatakan 'Burma' dan bukan 'Myanmar'.

Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan kita untuk menggalakkan pihak-pihak yang terlibat dalam perdagangan walaupun pada masa kita kegawatan (financial crisis) dua tahun yang lalu memang banyak pelaburan kita telah kurang di negara Myanmar tetapi masa kini kita telah meningkatkan lagi dengan usaha supaya kita percaya bahawa dasar kita untuk memperkuat ekonomi negara jiran kita akan memastikan kedamaian dan pembangunan ekonomi serantau ini yang dapat memperkukuhkan lagi kestabilan rantau ini dan ini harapan kita juga dapat berusaha untuk menjayakan negara itu maju dan juga dapat menyelesaikan apa-apa masalah dalaman yang kita harap me reka dapat selesai dan atasi.

Saya ingin menyatakan di sini nampaknya hasil ini pun sudah nampak ada terang. Potensi untuk mencapai persetujuan itu adalah nampak cerah sekarang.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa sebaik sahaja lawatan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Myanmar, ke Burma, telah berlaku *ethnic cleansing* yang berterusan ke atas umat Islam di Harakan dan dalam hal ini bagaimana sikap Kerajaan Malaysia dalam membuat hubungan dengan regim yang seiras dengan apa yang berlaku di Bosnia dan juga apa yang berlaku di Palestin.

Salah satu lagi adalah dalam konteks hubungan dagang, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa ILO telah membuat satu pengisytiharan dari segi penggunaan buruh paksa di Burma. Didapati lebih daripada 8 juta buruh paksa yang ada di Burma sendiri di mana syarikat-syarikat Malaysia terlibat terutamanya dalam pembalakan yang mempunyai kesan yang pertamanya terhadap penggunaan buruh paksa. Yang keduanya, dalam *environment* dari segi yang berlaku terutamanya yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai hubung kait dengan mereka yang berkuasa di Malaysia ini.

Datuk Dr. Le o Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi jawapannya pendek. Kita akan teruskan kerana kita sedar bahawa perkara-perkara ini terjadi dan kita mengambil kesempatan untuk bersama dapat membincang dan menyatakan harapan kita kepada mereka dan dapat berbincang supaya mereka sedar bahawa ini penting, bahawa bukan sahaja untuk negara mereka tetapi untuk rantau ini dan juga negara-negara jiran dalam ASEAN ini. Kita tidak harus kerana sebab-sebab masalah seperti itu yang kita dapat bincang dan mungkin dapat menyelesaikan bersama, kita terus tutupkan jalan untuk berunding.

7. **Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memandangkan Skim Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) sudah dibentuk mulai 1 Januari 2000, apakah syarat-syarat pinjaman dan berapa ramai yang telah mendapat pinjaman tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Dato' bagi Hulu Langat. Syarat-syarat pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran yang diurus oleh kementerian adalah:

- (i) peminjam itu hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 50 tahun;
- (ii) mereka hendaklah mengikuti Latihan Kemahiran Malaysia atau SKM tahap 1 hingga 5;
- (iii) institusi-institusi latihan tersebut mestilah mendapat pentauliahan daripada Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK);
- (iv) peminjam itu tidak mendapat bantuan kewangan yang penuh daripada agensi kerajaan yang lain.

Pinjaman ini terbuka kepada peminjam daripada institusi awam atau swasta yang mengikuti latihan sama ada secara sepenuh masa atau sambilan.

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini baru sahaja diwujudkan pada 2 Januari 2001. Borang permohonan hanya mula diterima pada akhir bulan Februari 2001 yang berjumlah 1,660 permohonan. Sehingga 20 Mac 2001 jumlah pinjaman yang telah mendapat kelulusan adalah 257 peminjam dengan pinjaman sebanyak RM2.4 juta.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan, buat masa ini baru 257 peminjam yang mendapat, kalau tidak silap daripada penerangan dan soalnya apakah langkah-langkah yang lebih positif untuk menarik lebih banyak remaja khususnya lepasan SPM untuk menyertai ataupun memohon tabung tersebut? Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau kita lihat bilangan yang mendapat pinjaman hanya berjumlah 257 dengan pinjaman sebanyak RM2.4 juta. Data-data ini diperolehi kerana keputusan SPM baru sahaja keluar dan mereka ini masih lagi

menunggu peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran baik di institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta mahupun institut-institut yang menerima pentauliahan daripada MLVK.

Antara tindakan-tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan dilakukan oleh kementerian adalah:

- (i) pelancaran tabung yang akan dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri pada bulan April ini;
- (ii) kita terus mengadakan sesi penerangan melalui media elektronik mahupun media cetak dan juga melalui website www.jaring.my/ksm.

Kita tumpukan sasaran kita kepada lepasan SPM. Kita percaya bahawa 90% daripada mereka yang menerima keputusan SPM tidak akan dapat melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang akademik di IPTA ataupun IPTS, maka 90% ini kita tumpukan kepada mereka dalam golongan ini. Begitu juga kita mengadakan ceramah-ceramah, bengkel dan seminar dan kita tumpukan kepada institusi-institusi yang menerima pen tauliahan daripada MLVK.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian Yang Berhormat kerana kemudahan pinjaman yang disediakan. Permasalahannya ialah setiap kali bakal-bakal peminjam ingin membuat pinjaman, mereka sering berjumpa dengan wakil-wakil rakyat untuk minta jadi penjamin, seolah-olah wakil rakyat sahaja yang boleh jadi penjamin. Kalau boleh saya mintalah Yang Berhormat buat sedikit penerangan sama ada di Dewan ataupun di media-media, apakah syarat-syarat yang membolehkan seseorang itu menjadi penjamin. Di samping itu, saya juga hendak tahu sama ada jumlah pinjaman yang lebih kurang RM5,000 setahun mencukupi dengan kadar kos yang semakin hari semakin meningkat dewasa ini?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin yang prihatin tentang isu-isu kemahiran dan pendidikan. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin tentang pinjaman tersebut. Kita sudah pun menetapkan garis panduan untuk para penjamin. Kita letakkan penjamin mesti dua orang, mesti warganegara, tidak mufliis, pendapatan tidak kurang RM600 sebulan. RM600 ini sebenarnya amat rendah kalau kita lihat paras PPRT, RM466 sebulan. Jadi, RM600 sebulan ini amatlah memadai dan akan membuka ruang dan peluang kepada semua lepasan SPM yang ingin menampilkan diri mereka

dalam bidang kemahiran. Jika penjamin adalah terdiri daripada bapa atau penjaga yang sah, maka syarat pendapatan RM600 ini dikecualikan.

Untuk jawapan soalan kedua tadi, kita memang prihatin bahawa ini adalah kali pertama kerajaan menyediakan bantuan tabung kemahiran untuk bidang teknikal dan vokasional. Kita ada PTPTN di bawah perbadanan yang menyediakan bantuan kewangan kepada mereka yang berminat dalam bidang akademik. Kalau kita lihat maksimum RM5,000 setahun itu memang tidak mencukupi buat masa ini tetapi kita yakin dan percaya bahawa RM5000 ini memadai kerana kita buka kepada peminjam-peminjam bukan sahaja terdiri daripada lepasan sekolah, maksud saya pre employment training tetapi juga intra employment training. Maknanya, kita beri kemudahan kepada pekerja-pekerja yang masih bekerja tetapi ingin meningkatkan lagi kemahiran mereka dan institusi-institusi yang mendapat pentauliahan MLVK ini menggunakan cara flexible hours, dengan izin, supaya para pekerja juga boleh meningkatkan kemahiran mereka melalui pinjaman tersebut.

8. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) usaha Kementerian untuk memastikan taraf hidup dan pendapatan penduduk luar bandar meningkat sejajar dengan pencapaian kemajuan negara; dan
- (b) apakah strategi kementerian untuk menentukan kesejahteraan dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang telah mula dilaksanakan sejak kemerdekaan sehingga kini telah berjaya meningkatkan taraf hidup dan pendapatan penduduk di kawasan luar bandar baik dalam aspek penyediaan kemudahan-kemudahan asas mahupun peningkatan pendapatan. Contohnya, kadar pendapatan bulanan penduduk di luar bandar meningkat dari RM200 pada tahun 1970 kepada RM1,669 pada tahun 1997. Liputan bekalan air luar bandar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak masing-masing telah mencapai 96%, 62% dan 64% dalam tahun 1999. Dan bagi

bekalan elektrik pula adalah 99%, 78% dan 84% dalam tahun 1999 juga.

Kadar kemiskinan di luar bandar juga telah menurun daripada 58.6% dalam tahun 1970 kepada 10.9% dalam tahun 1997. Manakala kadar ketermiskinan pula turun daripada 5.2% dalam tahun 1990 kepada 2.5% dalam tahun 1997. Namun begitu, usaha-usaha untuk memperhebat lagi pembangunan luar bandar dibuat secara berterusan bagi memastikan masyarakat dan kawasan luar bandar terus maju selaras dengan arus perdana pembangunan negara dan ke arah menyeimbangkan pembangunan antara luar bandar dengan bandar.

Bermula pada tahun 1954, rancangan program dan projek pembangunan luar bandar telah dibuat secara lebih terancang dan seimbang berdasarkan kepada falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar ke arah tahun 2020 dengan menekankan kepada tujuh inisiatif yang merangkumi aspek pembangunan manusia, ekonomi, prasarana, kaedah dan jentera pelaksanaan. Inisiatif ini akan diteruskan dan diperhebatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

- (b) Antara strategi yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi menentukan tahap kesejahteraan dan peningkatan pendapatan penduduk luar bandar adalah:
- (i) memberi tumpuan kepada pembangunan manusia agar dapat melahirkan satu masyarakat luar bandar yang mempunyai jati diri dan berdaya tahan di samping mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian mereka;
 - (ii) menyusun semula struktur ekonomi luar bandar supaya ianya tidak lagi dikait dengan sektor pertanian tradisional tetapi memberi tumpuan kepada kepelbagaian aktiviti dan pengurusan secara komersial dan berskala besar serta menggunakan teknologi yang sesuai;

- (iii) memperluaskan liputan dan mempertingkatkan kualiti kemudahan prasarana dan utiliti yang dapat mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kawasan-kawasan pedalaman;
- (iv) memperlengkap kemudahan amenity sosial di kawasan luar bandar berdasarkan satu piawaian kualiti tertentu;
- (v) menggerakkan pembangunan kemudahan ICT di kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang digital antara bandar dan luar bandar;
- (vi) meneruskan program membasmi kemiskinan dengan peralihan fokus daripada PPRT kepada Program Kesejahteraan Rakyat; dan
- (vii) mempertingkatkan pembangunan keusahawanan luar bandar melalui peluasan skop pembiayaan skim pinjaman modal dan dasar sokongan lain.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah pun memberikan jawapan yang panjang lebar. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi memang jelas bahawa pembangunan di luar bandar berbanding pada masa kita mula mencapai kemerdekaan sehingga hari ini memang dapat kita lihat dengan begitu jelas tetapi menjadi hasrat kita untuk melihat supaya pembangunan ini dapat dipertingkatkan dan saya menghargai strategi-strategi yang disebut tadi.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin bertanya, adakah tenaga manusia yang ada dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ada hari ini dapat memenuhi hasrat yang disebut tadi, adakah mencukupi pegawai-pegawai untuk mencapai hasrat yang disebut tadi. Dan bagaimana pula dengan peruntukan, sebab kita merasakan kita mendengar banyak pihak mengatakan bahawa negara kita memberi keutamaan kepada pembangunan mega. Jadi, saya ingin bertanya sendiri kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian merasakan bahawa peruntukan yang diperuntukkan dalam Belanjawan hari ini

mencukupi untuk pembangunan di luar bandar sebagaimana hasrat yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat. Dan apakah kayu ukur pendapatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, sudah banyak itu. Saya benar sudah dua soalan, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Cukuplah. Duduklah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dua sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kakitangan dan peruntukan, dua soalan.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau yang begitu prihatin mengenai pembangunan luar bandar. Jadi, mengenai pegawai-pegawai memang diakui bahawa terdapat juga kekurangan tetapi dengan apa yang ada pun kita mencuba sedaya upaya untuk membawakan segala hasrat khasnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk memastikan bahawa pembangunan di luar bandar dipertingkatkan. Sebagai contoh, di bawah peruntukan Yang Berhormat tanyakan tadi, bagi Rancangan Malaysia Kelapan apa yang kita pohonkan adalah seperti berikut:

- di bawah program Prasarana dan Ameniti Sosial, kita mohon RM6.8 bilion;
- bagi KEMAS, kita memohon RM1.8 bilion;
- di bawah Institut Peningkatan Kemajuan Luar Bandar (INFRA), kita memohon RM94.7 juta;
- di bawah program Kesejahteraan Rakyat, kita mohon RM832.2 juta;
- di bawah Pembangunan Ekonomi Desa, kita memohon RM1.198 bilion;
- di bawah ICT Desa, kita mohon RM392.98 juta;
- di bawah Program Kemajuan Tanah, kita mohon RM2.7 bilion; dan
- di bawah Program Kemajuan Wilayah kita mohon RM1.67 bilion.

Jumlah besar yang kita mohon untuk memungkinkan kita dapat meneruskan segala usaha pembangunan luar bandar adalah RM15.334 bilion. Sebagai kayu ukur, memanglah pihak kementerian telah merumuskan beberapa objektif utama serta kayu yang dicakapkan oleh Yang Berhormat tadi standard iaitu:

- (i) kita hendak meningkatkan pendapatan penduduk desa ke tahap sekurang-kurangnya 80% daripada pendapatan penduduk bandar menjelang tahun 2020;
- (ii) memastikan sekurang-kurangnya 30% penduduk desa terlibat dalam kegiatan keusahawanan desa yang berkualiti;
- (iii) memastikan liputan 100% infrastruktur asas dan utiliti menjelang tahun 2020;
- (iv) memastikan 100% penduduk desa mampu menggunakan kemudahan ICT menjelang tahun 2020 dan kita hendak mewujudkan desa kualiti yang mempunyai ciri-ciri desa yang bersih, sihat, indah dan mesra alam melalui pemuliharaan dan penyediaan kemudahan-kemudahan dan peningkatan pendidikan sivik. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu bahawa garis kemiskinan mula ditetapkan pada tahun 1970 RM300 sebulan. Kemudian baru sekali naik kepada RM460, sedangkan kos hidup sudah berapa kali, lipat kali ganda naik. Jadi, bila dapat angka ini 1970 - 58%, 1997 - 10.9% sedangkan garis kemiskinan tidak *dilevelkan* berdasarkan kepada keadaan ekonomi sebenar.

Jadi, saya hendak tanya sekarang ini peneroka-peneroka FELDA, petani-petani kelapa sawit boleh dikatakan 90% di bawah garis kemiskinan. Apakah angka ini tidak mengambil kira keadaan kelapa sawit yang bukan dalam jangka waktu yang dekat tetapi harga kelapa sawit akan berlaku harga seperti ini dalam jangka waktu yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup. Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Memanglah kami di kementerian cuba memikirkan bahawa garis kemiskinan yang kita ada pada sekarang ini memang telah overcome by time, dengan izin, di mana garis kemiskinan yang digunakan ialah Semenanjung - RM460, di Sabah - RM630 dan di Sarawak RM530. Jadi, oleh yang demikian, memang telah dipanjangkan kepada kerajaan bahawa sekarang ini kita hendak menukarkan pula program PPRT ini kepada program baru namanya Program Kesejahteraan Rakyat di mana garis yang dicadangkan ialah lebih bersesuaian dengan sekarang ini dicadangkan RM1,200.

9. **Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu peneroka FELDA dalam menghadapi kejatuhan harga kelapa sawit dan adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan hutang peneroka FELDA di seluruh negara; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan peneroka menanam apa jua tanaman yang sesuai menggantikan kelapa sawit di tanah rancangan FELDA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:-
 - (i) skim pendapatan minimum di mana tiada potongan bayaran kembali dibuat jika pendapatan peneroka RM600 sebulan atau kurang daripada itu;
 - (ii) penangguhan kutipan bayaran kembali kos pembangunan dan lain-lain potongan daripada FELDA sehingga harga pasaran sawit kembali ke paras yang baik;
 - (iii) Skim Sokongan Harga sebanyak RM12.00 bagi setiap tan buah tandan segar (BTB) dan 15 sen bagi sekilogram getah yang dihantar oleh peneroka ke kilang FELDA;

- (iv) mengurangkan kos pengeluaran melalui mengurangkan penggunaan baja di samping menggalakkan peneroka bekerja sendiri di kebun mereka bagi mengelakkan bayaran upah buruh yang tinggi;
- (v) memaksimumkan penggunaan tenaga kerja peneroka dengan melakukan aktiviti ekonomi sampingan untuk menambah pendapatan; dan
- (vi) meningkatkan produktiviti kebun dengan menggalakkan penggunaan teknologi terkini dan amalan agronomi yang baik.

Seterusnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum lagi bercadang untuk menghapuskan hutang peneroka di seluruh negara.

- (b) Setakat ini tidak ada lagi tanaman lain yang lebih sesuai ditanam di rancangan FELDA bagi menggantikan kelapa sawit dan getah.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih. Setiausaha Parlimen. Di kawasan saya pun banyak kawasan FELDA mungkin kalau tidak silap saya lebih kurang 84,000 hektar keluasannya. Soalannya, orang kampung sudah marah. *[Ketawa]* Bilakah kerajaan mempunyai perancangan sekurang-kurangnya garis panduan memberitahu orang kampung bila kelapa sawit akan naik harga. *[Ketawa]* Kalau tidak apakah sebabnya, tidak ada jalankah, jalan keluar... *[Ketawa]* Untuk memastikan peneroka di FELDA, pekebun-pekebun kecil di luar bandar mendapat pembelaan yang sewajarnya dengan segera. Jangan kita cakap bilion-bilion tetapi tidak sampai kepada orang kampung. *[Ketawa]* Kalau bilion-bilion ringgit ini turun kepada orang kampung tepuk tangan pembangkang, tak ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat kenapa harga sawit itu turun, itu semua semalam saya rasa sudah panjang lebar Yang Berhormat Menteri sudah *explain*kan ya, kena baca balik *Hansard*lah, walau bagaimanapun,

Tuan Bung Moktar bin Radin: Bilion-bilion itu bila turun?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Bilion-bilion ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya akan menyentuh juga apa yang FELDA atau kerajaan telah buat kepada peneroka-peneroka kita dalam konteks FELDA ini, kita telah menghapuskan hutang-hutang peneroka ini daripada tahun 1978 hingga tahun 2000 sejumlah RM520,256,597.

Jadi, kalau Yang Berhormat hendak tahu, saya ada listnya kita ada penghapusan kos pembangunan daripada 1978 macam-macam kos penghapusan telah dilakukan, lepas itu kita ada penghapusan tukar tanaman pun daripada tanam asal kopi dan koko ditukar tanaman pun kita tanggung dia punya kerugiannya berjuta-juta ringgit. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak detailnya, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat interested, boleh kita berikah n.

Yang penghabisan sekali kita ada penghapusan bantuan kepada 26,520 peneroka untuk menghapuskan hutang mereka kepada Felda Trading, ini demand ini, sebanyak RM11.3 juta dan tahun 2000 kita telah hapuskan tunggakan bayaran kembali RM94.6 juta.

Jadi, yang bilion-bilion ini macam-macam lagilah dan selain daripada penghapusan hutang peneroka, kita kena tanggungjawab kita membayar balik pinjaman daripada World Bank, daripada kerajaan, itulah di mana perginya duit-duit yang kita dapat ya.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Dia tidak jawab, saya tanya Yang Berhormat, bilion-bilion bila turun. Duit kerajaan subsidi, bila turun sampai ke tangan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, Kinabatangan, tak usahlah. Yang Berhormat, ini bukan berbahas ini Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Ya, bila turun

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiausaha Parlimen, kalau cukup – cukuplah. Rasa saya itu sudah jelas.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Jadi, semalam menteri dah jawab, jadi saya harap itu sahajalah. Terima kasih.

Tuan Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian dengan langkah yang telah diambil. Cuma saya minta dengan kementerian, di antara langkah yang diambil tadi ialah

menanggihkan bayaran hutang atau bayaran kembali (BK) yang disebut tadi sehingga harga pulih.

Untuk makluman kita semua, bahawa bayaran ini dikenakan bunga, caj faedah riba sebanyak 6.5% ke atas 102,000 orang peneroka. Walaupun bayaran balik ini ditanggihkan sehingga harga pulih, tetapi bunga ini tetap berjalan.

Oleh sebab itu, saya berharap dan adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan kadar bunga 6% di atas peneroka ini selaras dengan laungan pemimpin negara bahawa kita sebuah negara Islam yang terbesar juga dalam negara kita. Di samping itu,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat, itu masa pun saya sudah berikan.

Tuan Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita tanggihkan ini sebenarnya kita tidak ambil potongan langsung daripada bayaran peneroka yang harus bayar baliklah ya. Yang kita adakan potongan sekarang ini, adalah harga kedai yang diambil tiap-tiap hari makan, beras, susu semua sekalilah. Tetapi bayaran seperti baja, itu semua ditanggung oleh FELDA. Kalau kita pinjam, sebenarnya peneroka ini pinjam duit pembangunan. Jadi, kalau pinjam di mana-mana pun, memanglah bukanlah kena riba sebenarnya. Itu adalah pembayaran kos balik. Jadi, saya rasa Yang Berhormat kena fikir yang positif sedikitlah, jangan negatif sangat. Positif ini untuk kebaikan dan untuk penanggungan penanggihan potongan kembali ini, RM50 juta satu tahun kita kena tanggung. Ha, dari mana kita hendak dapat duit tu?

Jadi, peneroka kena bayar baliklah. Jadi, bila harga sudah stabil, kita akan potong balik. Terima kasih.

Seorang Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hm, tak payah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Soalan bagi Jawapan Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 10 hingga 35 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesepuluh.” **[27 Mac 2001]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli sambung lima minit lagi.

11.05 pagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Lagu yang paling popular yang didendangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sepuluh tahun yang lalu adalah Dasar Penswastaaan Negara. Alasan yang digunakan cukup kuat, alasannya ialah kerajaan tidak perlu berbelanja, yang berbelanja hanyalah pihak swasta dan rakyat mendapat manfaat.

Maka lagu ini dijaja di seluruh negara, maka hampir seluruh rakyat terpengaruh dengan lagu dendangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi selepas lima tahun lagu ini didendangkan, kita lihat satu persatu mereka yang

mendapat imbuhan daripada Dasar Penswastaan Negara rebah dan kalau kita kira kalau rebah semata-mata, tidak mengapa, tetapi rebahnya mereka ini terpaksa disokong oleh kerajaan, terpaksa dibantu oleh kerajaan bukan dengan menggunakan wang sesiapa tetapi dengan menggunakan wang rakyat, sama ada KWSP, sama ada Petronas, sama ada KWAP dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita lihat antara yang pertama sekali gugur, yang pertama sekali rebah, kita lihat antara program-program dan projek-projek yang terlibat dengan Dasar Penswastaan Negara, IWK, MAS, HICOM dan lain-lain lagi, tetapi kita lihat umpamanya IWK, kerajaan terpaksa membayar balik hampir RM800 juta.

DRB-HICOM, kerajaan terpaksa memaksa Petronas untuk membeli sebahagian besar saham DRB-HICOM yang melibatkan wang Petronas lebih daripada RM1 bilion. Kemudian yang terakhir sekali, masih lagi hangat diperkatakan ialah MAS, kerajaan terpaksa berbelanja hampir RM1.8 bilion

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya hanya ada lima minit, minta maaf. Kalau saya ada 30 minit, saya buka seluas-luasnya, lima minit tak cukup, minta maaf. Kak Arau, minta maaf kak Arau.

Yang terakhir sekali kita lihat masih hangat dan panas ialah MAS di mana kerajaan terpaksa berbelanja RM1.8 bilion untuk menyelamatkan salah seorang kroni, tetapi kita kena ingat, bukan RM1.8 bilion yang kita nampak itu yang penting, untuk makluman Dewan yang dihormati sekalian, MAS nett tangible asset yakni aset selepas ditolak liabiliti, dibagi dengan jumlah saham, nett tangible asset pada 1997, ini penting ini, jangan tak kemukakan data ini, nett tangible asset MAS, dahulunya 1997 - 5.83, kemudian pada tahun 2000 nett tangible asset MAS – 4.20, maknanya sudah hampir 30% nett tangible asset telah berkurangan.

Maknanya MAS semakin menurun, nett tangible asset MAS semakin menurun. Selain daripada itu, aset semasa MAS mengikut laporan audit yang terbaru, aset semasa MAS adalah RM3.066 bilion, manakala hutang semasa adalah RM5.45 bilion. Bermakna untuk kerajaan menghidupkan MAS sekarang ini, untuk

kerajaan menjalankan perniagaan MAS ini, kerajaan terpaksa mengeluarkan wang kerajaan RM2.5 bilion, kalau tidak, MAS tidak boleh beroperasi.

Bermakna yang kita lihat RM1.8 bilion, bagaimana kita tidak melihat yang RM2.5 bilion dan keadaan sekarang ini MAS menanggung kerugian harian RM1 juta sehari. Manakala Menteri Kewangan bila mana melaporkan dalam Dewan ini telah memberitahu kepada kita bahawa kalau kerajaan tidak ambil balik, maka yang akan ambil balik MAS ialah syarikat-syarikat luar negara, apakah kita tidak pernah membaca laporan-laporan luar negara? Hampir keseluruhan laporan luar negara mengatakan bahawa Lufthansa mula-mula berminat untuk membeli MAS, Swiss Air, Swiss Group mula-mula berminat untuk membeli MAS, tetapi bila mereka melihat kedudukan MAS, mereka menarik diri, bukan setakat itu bahkan mereka juga telah memberhentikan operasi penerbangan persinggahan syarikat tersebut daripada KLIA yang diagung-agungkan sebagai airport yang boleh menandingi Changi Airport dan juga Dong Muang Airport di Bangkok.

Tetapi apa yang terjadi, KLIA kita yang berbelanja hampir RM10 bilion sekarang ini menjadi lebih kurang feeder airport kepada Singapura, feeder airport kepada Dong Muang Bangkok.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Shah Alam.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, sekarang ini, saya memberitahu dalam Dewan ini total liability MAS ialah RM14.82 bilion.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Beri laluanlah, Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sekarang ini kita memberitahu, kita tidak marah, kalau benar apa yang diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekiranya Dasar Penswastaan Negara tidak melibatkan wang rakyat, tetapi rakyat yang mendapat manfaat, yang berhutang adalah pihak swasta tetapi malangnya sekarang ini lagu itu sudah tidak popular lagi, yang menanggung beban adalah seluruh rakyat jelata termasuk Ahli Parlimen Rompin, termasuk Ahli Parlimen Shah Alam sendiri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, berilah jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, gulung sekarang ini,

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sudah sebut nama, berilah jalan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sekarang ini, kita beritahu kita tidak suka kepada penswastan fasal apa, ini kunci orang berniaga, kita tidak bersetuju dengan penswastan kerana dalam penswastan tidak ada persaingan, bila mana satu-satu syarikat membina membuat pembinaan, ia akan mark up, ia akan mengambil keuntungan semaksimum mungkin .

Sebab itu saya merayu kepada kerajaan pagi ini, pada 28 Mac 2001, saya merayu kepada kerajaan sekarang perbanyakkanlah tender terbuka, bukan tender runding kerana dengan tender terbuka nescaya negara dapat menjimatkan wang rakyat berpuluh-puluh bilion ringgit dengan projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. *[Tepuk]* Kalau hendak data lengkap, kita bincang di luar Dewan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, besok pihak kerajaan akan memberi jawapan, jadi untuk perbahasan hanya tinggal satu hari lagi, jadi bagi membolehkan lebih ramai dapat peluang mengambil bahagian, saya terpaksa mengurangkan masa untuk membahaskan daripada setengah jam kepada 20 minit bagi setiap orang. Yang Berhormat Serdang, sila.

11.12 pagi

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Peristiwa berdarah yang berlaku di Jalan Klang Lama baru-baru ini telah meragut enam nyawa. Ini terjejas sedikit sebanyak perpaduan negara. Khabar-khabar angin yang disebarkan telah menjadikan satu perasaan bimbang kepada rakyat jelata. Walau bagaimanapun, ini menjadi satu iktibar kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita harapkan ialah supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, sebuah kementerian terpenting dalam penyatuan rakyat perlu difungsi lebih gigih lagi. Peristiwa yang berlaku itu pada ketika ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi anggota masyarakat yang belum memahami konsep kehidupan masyarakat makmur. Kita wajib menginsafi perbezaan pendapat mesti bertunjangan kepada rasional dan keharmonian bukan kerana nafsu politik semata-mata sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang mengambil tindakan untuk menyusun semula Rukun Tetangga di mana pada masa dahulu Rukun Tetangga telah memberi satu

program untuk menyatu dan mencapai persefahaman kejiwaan di kawasan tersebut. Tetapi masih terdapat bahawa fungsi Rukun Tetangga yang semakin tinggal nama sahaja dan tidak seaktif dahulu perlu digerakkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, menyusun semula Rukun Tetangga ini satu langkah yang wajar diteruskan dan hendaklah disampaikan ke sanubari hati rakyat tempatan itu. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional perlu menyegerakan bagi membincang sedalam-dalamnya isu perpaduan antara kaum, kerana isu perpaduan antara kaum dan persefahaman antara perkara tidak boleh kompromi dalam negara kita ini.

Mengikut pengalaman yang telah diperolehi oleh pemimpin-pemimpin negara kita, di mana telah melancarkan pelbagai program untuk menyatupadukan perpaduan negara. Dengan adanya pengalaman sedemikian, saya yakin bahawa negara kita akan terus untuk mencapai satu tahap yang penting, tetapi saya harap sindiran daripada bekas Perdana Menteri Singapura terhadap sistem pendidikan pelbagai aliran ini tidak akan mempengaruhi fikiran kita semua.

Tidak lama dahulu, bekas Perdana Menteri Singapura pernah mengadakan kenyataan-kenyataan yang telah menyinggungkan hati masyarakat Melayu dan kini kenyataan-kenyataan itu juga telah dikeluarkan dan tidak boleh diteirma oleh masyarakat Cina tetapi dengan kenyataan-kenyataan demikian penuh dengan motif politik dan mungkin dengan adalah agenda-agenda yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, meninjau kembali sejarah negara kita semasa bekas Perdana Menteri Singapura yang menyertai aktiviti-aktiviti politik dalam arena negara kita ini, sikap beliau pada ketika itu begitu angkuh yang telah mengambil taktik-taktik yang tidak boleh diterima oleh lapisan masyarakat di Malaysia ini.

Cogan kata 'Malaysian Malaysia' yang tidak boleh diterima oleh masyarakat tempatan tetapi masih ada parti pembangkang di dalam Malaysia sekarang ini diteruskan untuk mendendangkan lagu cogan kata 'Malaysian Malaysia' ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu dengan kegiatan politik bekas Perdana Menteri Singapura pada ketika itu yang menyertai aktiviti-aktiviti politik di negara kita itu, tidak dapat diterima oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Cina, akhirnya terpaksa negara Malaysia dan Singapura dipisahkan. Ini sejarah pahit yang telah dilakukan akibat dengan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan begitu teruk di negara kita oleh bekas Perdana Menteri Singapura itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rekod-rekod aktiviti-aktiviti politik yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri Singapura tidak boleh diterima dan tidak boleh menyambut baik oleh masyarakat tempatan dan pemimpin-pemimpin negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kenyataan-kenyataan yang dinyatakan oleh Menteri Kanan Singapura ini, semata-matanya supaya membangkitkan dan menyedari beliau masih ada dalam arena politik boleh mempengaruhi negara asing, ini semata-mata satu taktik politiknya supaya masyarakat yang jirannya tidak akan lupakan, beliau masih wujud dalam arena politik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bekas Perdana Menteri Singapura menjalankan dasar pendidikan di Singapura itu dan menunjukkan bahawa kini Singapura telah wujudkan satu sistem seperti United Kingdom di Asia ini. Biarkan sistem United Kingdom untuk menggantikan nilai-nilai kebudayaan Timur dan juga untuk menggantikan ciri-ciri kebudayaan Asia di rantau ini, maka dengan demikian dasar pendidikan yang diamalkan di negeri Singapura itu, maka sebahagian besar rakyat Singapura tidak bermaruah.

Sebagai negara yang dalam benua Asia ini, ciri-ciri kebudayaan Asia dan nilai-nilai kebudayaan Asia ini tidak dapat lagi ditimbulkan di negara Singapura itu. Mereka tidak ada lagi dan tidak boleh mengambil berat lagi nilai-nilai Asia yang begitu penting yang diamalkan di negara-negara Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian dasar pendidikan yang diamalkan itu dan juga dengan menutup Nanyang Universiti di Singapura untuk menyesuaikan keadaan Singapura. Singapura jadikan satu sistem atau satu society seperti yang dilakukan di United Kingdom muncul di Singapura. Dengan demikian, sebahagian besar rakyat Singapura dijadikan 'banana men' dan dengan dasar pendidikan di Singapura itu telah menghilangkan identiti Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan demikian kerana sebagai masyarakat Cina di Malaysia ini perlu mengatakan pandangan dan terhadap apa yang telah disindir-sindir oleh bekas Perdana Menteri Singapura terhadap sistem pendidikan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak apa sebab sesetengah pihak di dalam negara ini boleh menyahut, memberi pandangan sependapat dengan pandangan daripada bekas Perdana Menteri Singapura itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerana bekas Perdana Menteri Singapura tidak memahami sistem pendidikan yang diamalkan di negara kita ini, sebab sistem pendidikan yang juga pelbagai aliran bahasa di negara kita ini ialah satu permuafakatan yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin negara kita dahulu. Tetapi beliau tidak faham permuafakatan itu telah begitu lama wujud di negara kita ini, maka sindiran itu tidak boleh diterima langsung.

Dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya haraplah

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Yap Pian Hon: asas pendidikan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Dato' Yap Pian Hon: ...minta maaf, saya tidak cukup masa sebab panjang lagi. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, dasar pendidikan sangat-sangat nyata dalam Perkara 12 dan Perkara 152 dalam Perlembagaan Negara kita, apa pasal masih ada orang untuk mempertikaikan perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Negara kita ini. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, manifesto Barisan Nasional dalam pilihan raya beberapa penggal yang lalu telah menunjukkan, telah memberi satu komitmen pelbagai aliran bahasa diteruskan, dikekalkan di dalam negara. Sebab itu dapatlah sokongan kuat daripada masyarakat Malaysia dan terus memerintah di negara kita ini. Inilah komitmen yang mesti dan harus diingati. Sesetengah pihak yang tidak lagi mengingati perkara yang telah berlaku di negara kita supaya dasar pendidikan itu begitu sensitif.

Kalau sentuh Islam itu begitu sensitif kepada bangsa Melayu, begitu sensitif pendidikan kepada masyarakat Cina, maka dengan demikian pada tahun 1995 semasa membentangkan Rang Undang-undang Pendidikan, Menteri Pendidikan pada ketika itu pernah berkata saya petikkan yang berbunyi, *"Menyedarilah bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan berdasarkan permuafakatan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara dahulu. Rang undang-undang ini telah digubal dengan mengambil kira kepentingan dan sensitiviti semua kaum di negara ini. Oleh itu Fasa 151 mengekalkan status-quo*

sekolah rendah kebangsaan Cina dan Tamil. Ini dasar yang dibentangkan melalui kerajaan, tidak boleh dipertikaikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian kita harap sistem pelbagai aliran bahasa di negara kita diamalkan, tidak ada masalah beratus-ratus tahun. Yang Berhormat bagi Senai hari ini dilantik Timbalan Yang di-Pertua, sebab dia berasal dari aliran bahasa China. Yang Berhormat Senator Dato' Michael Chen Wing Sum, dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, beliau juga berasal daripada aliran bahasa Cina. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat ijazah daripada Universiti Nanyang Singapura, walaupun telah ditutup oleh PAP di Singapura tetapi beliau berasal daripada aliran sekolah China, berjiwa untuk berkhidmat kepada negara, taat setia kepada negara telah dilantik sebagai Menteri. Ini mempertingkatkan lagi bahawa sistem pelbagai aliran bahasa di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagai seorang yang asal daripada aliran bahasa Cina tetapi pihak MCA 95% daripada pelbagai aliran bahasa Cina ini sentiasa memantau atau memberi sumbangan untuk memperkembangkan sekolah-sekolah Cina yang telah diberi sokongan yang kuat oleh Barisan Nasional itu. Tetapi parti-parti pembangkang seperti DAP adakah memberi sumbangan kewangan *[Disampuk]* kepada sekolah-sekolah tersebut, tidak ada. Hanya untuk mencari publisiti.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Yap Han Hon: ... dalam Dewan ini sahaja sebagaimana untuk memperjuangkan kepentingan *[Tepuk]* sekolah Cina itu. Ini satu hakikat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi DAP.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Yap Pian Hon: ...tidak payahlah, saya masa tidak cukup lagi. *[Disampuk]* Nanti ada peluang, ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Yap Pian Hon:seperti yang dikatakan tadi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat bagi Kota Melaka

Dato' Yap Pian Hon:apa yang dikatakan oleh Bukit Mertajam baru-baru ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat, Yang Berhormat ada peluang beucap Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon:masalah Sekolah Jenis Kebangsaan Damansara itu. Beliau dalam ucapan begitu hangat tetapi setelah dengar hujah-hujahnya ialah bohong. *[Disampuk]*

Saya sebagai Ahli Parlimen yang mewakili Barisan Nasional dan juga daripada MCA, dia kata saya tidak pernah pergi untuk menemui dengan ibu bapa dari Sekolah Jenis Kebangsaan Damansara. Tetapi ini bohong, telah memberi satu hujjah begitu mengelirukan Dewan yang mulia ini. Tetapi sebenarnya saya pernah bertemu dengan wakil-wakil daripada ibu bapa untuk mendengar apa masalah yang dihadapinya. Itulah kenyataan DAP memang diragui tetapi beliau tidak tahu, tetapi hanya untuk mencari publisiti murah. Di mana DAP untuk memperjuangkan untuk sekolah Cina tetapi ini pun tidak pernah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu sepanjang masa ini dalam pelbagai aliran bahasa di negara kita seperti aliran sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah kebangsaan, beratus-ratus tahun ini tidak ada menghadapi masalah. Selepas darjah enam dalam aliran bahasa Cina dan Tamil, murid-murid ini akan dinaikkan ke tingkatan satu dalam sekolah menengah yang dianjurkan oleh kerajaan.

Masyarakat Cina, India, Melayu sama-sama satu bumbung ke sekolah menengah untuk sama-sama belajar.

Jadi, sistem ini diteruskan. Macam mana dikatakan pelbagai aliran bahasa sekolah rendah ini sebagai penghalang kepada perpaduan negara. Kalau yang demikian, saya dengan Yang Berhormat bagi Senai itu tidak boleh berada di sini, kita sebagai penghalang, sebagai asas daripada aliran bahasa Cina. Ini tidak pernah, tidak munasabah tuduhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian semasa murid-murid daripada sekolah Cina dan Tamil selepas darjah enam telah naik ke tingkatan satu hingga ke tingkatan lima, sama-sama dengan murid Melayu daripada sekolah kebangsaan untuk menjalankan pendidikan mereka di situ, maka itulah sefahaman dan perpaduan perlu dipupukkan di peringkat sekolah menengah itu.

Inilah satu caranya Kementerian Pendidikan perlu juga mengambil berat cara mana untuk eratkan semula hubungan murid-murid yang berbilang bangsa di dalam sekolah menengah yang di bawah Kementerian Pendidikan.

Satu lagi kurikulum yang dijalankan di sekolah Tamil dan sekolah Cina ini adalah telah diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan terus diajarkan di sekolah itu. Ini untuk menggalakkan, memahami kedudukan negara kita yang sebenarnya supaya mereka mencintai negara kita ini, tidak ada langsung kaitan dengan apa yang dikatakan menghalang perpaduan negara berlaku di situ.

Tuan Yang di-Pertua, kalau bahasa – bahasa merupakan satu penghubung untuk memahami satu sama lain. Saya sebagai seorang keturunan Cina boleh berbual dengan masyarakat India, masyarakat Melayu melalui Bahasa Kebangsaan kita. Ini tidak ada halangan, kalau dikatakan bahasa itu merupakan satu penghalang untuk perpaduan, saya tidak bersetuju. Saya tanya kenapa negeri China dengan Taiwan berkonfrontasi? Kenapa? Kenapa Korea Selatan dan Korea Utara berpisah tidak boleh campur sekali sebagai satu negara? Mereka ialah satu bangsa, satu bahasa, budaya sama, istiadat sama tetapi masih terus bertentangan, terus berkonfrontasi antara satu sama lain. Ertinya ini bukan bahasa, ini isu politik.

Dan juga di Indonesia ramai masyarakat Cina sudah dijadikan 'Hartono', mereka bertutur dalam bahasa Indonesia, bercampur dengan mereka tetapi masalah keadaan huru-hara masih berlaku di situ.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Yap Pian Hon:minta maaf. Dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, kita mesti faham kedudukan yang sebenarnya berlaku di negara kita ini, jangan hanya dapat sedikit sindiran daripada bekas Perdana Menteri Singapura, sistem pendidikan kita adalah silap, tidak berkesan.

Sebenarnya kita hanya menjalankan sistem ini begitu bagus, dapat diterima oleh semua masyarakat tempatan, dengan demikian memberi sokongan kuat kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja ini tetapi telah menarik 60,000 murid-murid daripada masyarakat bukan Tionghua untuk menyertai dalam sekolah tersebut. Mereka telah bertutur dalam bahasa Cina, bukan sahaja bertutur dalam bahasa Mandarin, tetapi mereka juga fasih dalam Bahasa Kebangsaan dan English kerana dalam sekolah jenis kebangsaan (Cina) bahasa Mandarin walaupun sebagai penghantar utama tetapi Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.

Inilah sebab itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Yap Pian Hon:ramai murid 60,000 lebih bukan masyarakat Cina telah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat masa cukup.

Dato' Yap Pian Hon:menghantar anak mereka ke situ untuk mendapat ilmu itu. Dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tentu tidak ada rakyat Malaysia yang berjiwa besar yang sanggup melihat negaranya hancur dan bangsanya lebur semata-mata kerana kepentingan fahaman politik sempit dan fahaman perkauman cetek yang tidak bertunjang di bumi Malaysia yang tercinta ini.

Wajarliah kita sentiasa dapat mengamalkan permuafakatan bagi sama-sama menjamin kesejahteraan bangsa Melayu di pentas dunia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lanang.

11.35 pagi.

Dato' Tiong Thai King [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan pendapat saya berhubung beberapa isu rakyat yang telah didedahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Antaranya adalah isu berhubung perpaduan rakyat, membasmi kemiskinan serta masalah rasuah yang terus dihadapi oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menyatakan pendapat dan cadangan saya berhubung isu-isu tersebut.

Perpaduan rakyat –

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat merupakan asas utama dalam pembangunan dan kestabilan sesebuah negara. Tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan telah berusaha dalam memupuk dan mewujudkan perpaduan rakyat di negara kita. Namun didapati tahap perpaduan di negara kita ini berada di tahap yang semakin membimbangkan iaitu terdapatnya ciri-ciri keretakan pada perpaduan rakyat di negara kita.

Pertama, ketika berada di saat-saat yang genting ini kita harus sentiasa menilai diri kita tentang sebanyak manakah usaha dan perhatian yang telah kita gerakkan dalam menangani masalah perpaduan rakyat ini sama ada apa yang kita

lakukan itu memadai ataupun masih terdapat ruang untuk diperbaiki. Namun yang penting, kita mesti sedia menghadapi segala kelemahan dan kekurangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian sekalian bahawa tindakan sebilangan rakyat yang tidak mengundi Barisan Nasional seolah-olah memberikan satu petanda bahawa mereka kurang puas hati dengan kerajaan dan ini secara tidak langsung menunjukkan terdapatnya perpecahan di kalangan rakyat.

Hal ini harus dijadikan asas kepada kerajaan untuk menilai dan memperbaiki diri. Selain itu tindakan sesetengah pihak atau parti politik yang sengaja menyampaikan unsur-unsur yang akan mengancam perpaduan rakyat untuk mencapai sesuatu motif atau kepentingan diri juga tidak boleh dipandang ringan oleh pihak kerajaan dan patut dihapuskan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, ketika negara sedang menuju arah globalisasi yang memihak kepada yang berkuasa dan kuat, maka perpaduan rakyat semakin penting dalam menentukan kemajuan dan perkembangan sesebuah negara.

Justeru itu, pihak kerajaan harus memastikan wujudnya kerjasama, hormat-menghormati serta sikap bertoleransi di kalangan rakyat jelata dan kerajaan agar perpaduan rakyat dapat dibentuk dan dikekalkan. Sikap saling mengutuk, salah-menyalahi serta menolak tanggungjawab bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah malah akan membawa kepada perpecahan rakyat dan seterusnya tidak membawa kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu perpaduan rakyat memainkan peranan penting dalam menentukan masa depan sesebuah negara, maka segala cadangan yang dikemukakan untuk menyelesaikannya haruslah diberi pertimbangan yang serius. Cadangan sesetengah pihak agar gunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan di semua sekolah sebagai cara untuk menyelesaikan masalah perpaduan rakyat dilihat sebagai satu cadangan tidak matang.

Ini kerana ia bukan sahaja bertentangan dengan sistem pendidikan negara, malah bertentangan dengan amalan kerajaan yang sentiasa menekankan kebebasan mengamalkan budaya, bahasa dan beragama masing-masing demi memupuk semangat bersatu padu di kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu perpaduan rakyat merupakan satu isu yang amat kompleks dan sukar kerana ia berhubung kait dengan berbagai isu seperti pendidikan, budaya serta agama. Saya berpendapat bahawa cara yang berkesan untuk menangani masalah perpaduan rakyat adalah dengan menanam nilai-nilai

murni yang mampu dan penting dalam memupuk semangat perpaduan dalam sanubari setiap rakyat. Antara nilai-nilai tersebut adalah hormat-menghormati, bertolak-ansur dan bermaaf-maafan. Tanpa nilai-nilai ini, perpaduan rakyat sukar diwujudkan dan kestabilan negara akan terancam.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, rasuah. Rasuah adalah salah satu isu yang serius dibincangkan dan dikaji oleh pihak kerajaan kerana amalan ini bukan sahaja akan mengancam kestabilan dan kekuatan sesebuah negara malah dapat menghancurkan sesuatu bangsa dan negara. Walaupun usaha membanteras rasuah tidak pernah diabaikan oleh kerajaan, namun usaha yang dicurahkan untuk menghadapi masalah ini didapati masih tidak mencukupi serta tidak mendatangkan kesan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, tamakkan wang merupakan salah satu sifat semula jadi manusia. Demi wang mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk tindakan yang menyalahi undang-undang. Malah rasuah adalah dijadikan satu cara untuk mencari rezeki oleh sesetengah pihak. Hampir semua negara menghadapi masalah rasuah. Ini termasuk negara-negara maju. Dengan itu, masalah ini harus diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Dunia yang penuh dengan berbagai cabaran dan persaingan ini telah menjadikan manusia semakin materialistik dan mendorong ramai orang menerima rasuah demi mencapai cita-cita mereka.

Tidak dapat dinafikan bahawa wang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Namun, kita harus sentiasa memperingatkan diri bahawa terdapat unsur-unsur lain dalam kehidupan kita yang lebih penting daripada wang iaitu pendidikan, budaya dan agama kita. Oleh itu perlu wujud keseimbangan antara wang dan kesihatan sahsiah agar masalah rasuah dalam masyarakat kita dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan sistem pentadbiran yang teliti dan berpandangan jauh oleh pihak kerajaan turut memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah rasuah. Hukuman dan peraturan yang ketat bukanlah cara yang paling berkesan untuk membanteras masalah rasuah. Pembentukan moral yang tinggi melalui pendidikan formal serta ajaran agama adalah lebih penting kerana amalan rasuah dapat dikurangkan dengan adanya sifat jujur, keikhlasan dan kesetiaan pada setiap rakyat.

Masalah rasuah harus dapat dibendung dengan segera kerana ia bukan sahaja menjadi penghalang kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah negara,

malah menghancurkan sesuatu bangsa dan negara. Hanya negara yang bebas daripada gejala rasuah dapat berkembang maju dan rakyatnya dapat hidup dengan aman dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, kemiskinan. Kemiskinan di kalangan rakyat bukan sahaja merupakan unsur utama sesebuah negara itu kucar-kacir dan huru-hara bahkan turut menjadi penghalang kepada perkembangan dan pembangunan negara. Justeru itu, membasmi kemiskinan di kalangan rakyat perlu dijadikan matlamat utama bagi pihak kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia demi kebaikan dan kesejahteraan semua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha merancang pembangunan masyarakat, kerajaan harus memastikan agar setiap orang mempunyai peluang yang sama dalam menikmati kehidupan yang lebih baik khasnya penduduk di kawasan luar bandar. Kerajaan patut memastikan agar penduduk di kawasan luar bandar dapat menikmati kemudahan yang sama seperti mana yang ada di kawasan bandar. Antaranya adalah peluang menikmati kemudahan asas perubatan, komunikasi serta pendidikan . Kita sedia maklum bahawa pembahagian kekayaan yang tidak seimbang adalah faktor utama terjadi situasi huru-hara di sesebuah negara. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan bahawa, oleh kerana Sarawak merupakan sebuah negeri yang besar, maka faktor fizikal ini telah menjadikan perbezaan taraf hidup penduduk di kawasan bandar dan luar bandar amat ketara.

Oleh itu demi kebaikan penduduk Sarawak khasnya dan seluruh penduduk Malaysia amnya, saya dengan hati yang khlas berharap Kerajaan Pusat dalam usaha membasmi kemiskinan rakyat akan memberikan perhatian khas kepada negeri Sarawak atas faktor yang dinyatakan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata -kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah.

11.48 pagi.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan yang ingin saya sentuh di sini ialah soal keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada dua tiga hari yang lepas pihak polis telah pun menyambut hari ulang tahun yang ke 194 dengan penuh adat istiadat polis di pusat

latihan polis di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Walaupun di dalam suasana hujan yang lebat tetapi sambutan ini terus dirayakan dan hari itu merupakan hari peringatan penubuhan pasukan polis yang kita tahu bahawa secara rasminya polis telah pun berada di negara kita sejak tahun 1807 lagi dan hari itu merayakan hari ulang tahun yang ke 194. Tetapi kalau kita lihat semakin lama umur polis, semakin polis tidak mendapat sokongan yang padu daripada pihak masyarakat dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana kita tahu biasanya semakin lama, semakin matang seseorang itu dan semakin lama di dalam perkhidmatan, maka dia akan lebih dihormati oleh masyarakat.

Kalau kita menemu bual pihak-pihak tertentu iaitu polis yang telah pencen ataupun yang telah lama berkhidmat di dalam kerajaan, mereka mempunyai tanggapan yang berbeza dengan pihak polis yang ada pada hari ini. Mereka mengatakan bahawa masyarakat dahulu jika dibandingkan dengan masyarakat hari ini lebih jauh menyanjung perkhidmatan mereka dan sebab itulah kita lihat bahawa pada hari ini ramai di antara polis yang pencen, yang telah tamat perkhidmatan masih lagi dihormati di kampung-kampung. Mereka ini masih lagi kekal dengan gelaran-gelaran 'Datuk', 'Tok' dan sebagainya dan di samping itu kita lihat bahawa mereka juga mendapat sokongan dan mendapat tempat di dalam masyarakat.

Mereka diberi tempat seumpama dalam kegiatan-kegiatan sukarela, jawatankuasa masjid, jawatankuasa dalam khairat kematian dan sebagainya. Tetapi, di dalam hal ini saya ingin menyentuh, di dalam siaran yang dibuat oleh pihak media terutamanya televisyen Malaysia yang mengambil pandangan masyarakat dan menyatakan bahawa masyarakat memandang serong terhadap pasukan polis pada hari ini.

Jadi, kita lihat pihak media telah pun menemu bual anak-anak polis, isteri polis dan sebagainya di atas tajuk bahawa bagaimana perasaan mereka sebagai anggota polis, sebagai keluarga polis yang dipandang serong oleh masyarakat dan sebab itu kita lihat ada di kalangan anak-anak polis yang terpaksa menjawab bahawa kami anak-anak polis merasa bangga kerana bapa kami adalah polis dan menjalankan tugas menjaga keselamatan. Begitu juga kepada isteri-isteri polis, mereka menyatakan bahawa mereka bangga sebagai isteri polis walaupun terpaksa mengharungi berbagai-bagai karenah masyarakat dan sebagainya.

Jadi di dalam soal ini, saya ingin mengetahui siapa sebenarnya yang memandang serong kepada pihak polis sebab masyarakat tahu perkhidmatan polis

yang sebenarnya dan kita lihat peranan ini dimainkan oleh kementerian terutamanya Kementerian Penerangan sendiri yang cuba melagakan masyarakat dengan pihak polis. Sepatutnya kalau sambutan Hari Polis yang ke 194 itu disambut dengan baik, disambut dengan perasaan yang gembira dan kalau kita lihat juga pada hari ini berlaku serangan terhadap balai polis kalau dahulu peristiwa bersejarah Bukit Kepong. Ia dilakukan oleh musuh kerajaan ataupun pihak komunis tetapi pada hari ini peristiwa serangan Balai Polis di Guar Cempedak, peristiwa Sauk yang mana tidak diketahui motif dan tujuan sebenar. Apakah peristiwa-peristiwa ini menunjukkan bahawa keselamatan negara kita tidak lagi begitu terjamin?

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini kita dapat rasakan apabila Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri yang mengesyorkan perintah berkurung jika keadaan keselamatan di Kampung Medan tidak reda. Sebagai rakyat yang cintakan keamanan, kita juga hairan, mengapa kejadian-kejadian serangan terhadap orang awam di sekitar Jalan Klang Lama ini masih berlaku walaupun pihak polis telah menempatkan lebih kurang 1,000 orang anggota polis untuk menjaga keselamatan di kawasan tersebut. Sampaikan Presiden MIC dua tiga hari yang lalu menyatakan bahawa mereka mahu supaya pihak polis dikekalkan di kawasan berkenaan dan bimbang kekacauan akan berlaku semula.

Saya menyambut baik kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara yang menyatakan daripada jumlah 337 orang yang ditahan untuk membantu siasatan, tidak ada seorang individu pun yang dikaitkan dengan mana-mana kumpulan ataupun parti politik dan insiden ini berlaku berpunca daripada masalah sosial dan ekonomi. Sedangkan sebelum ini kita lihat dan kita dengar ada pihak-pihak yang membangkitkan peristiwa ini dengan Gerakan Reformasi yang dianjurkan oleh Barisan Alternatif, lebih-lebih lagi ada yang mengaitkan dengan penangkapan saudara Ezam Mohd. Noor, Ketua Pemuda Parti KeADILan yang disabitkan di bawah Akta Hasutan dan kenyataan beliau untuk mengadakan demonstrasi jalanan pada setiap hari. Jadi, apakah pihak kerajaan tidak dapat membezakan di manakah kenyataan yang sebenar dan juga kenyataan yang berupa gurauan ataupun sendaan.

Kalau kita lihat perkara-perkara yang terpapar di akhbar ini dan dianggap sebagai benar, saya juga ingin bertanya pada perlumbaan *Formula 1* di Sepang di mana kita tahu pada hari tersebut cuaca telah berubah daripada yang begitu panas menjadi hujan dengan tiba-tiba, malah hujan ribut tetapi apa yang dinyatakan oleh

Perdana Menteri apabila dia di *interview* oleh pemberita, dia mengatakan bahawa saya telah memanggil awan tetapi yang datangnya lebih hingga menjadikan hujan lebat. Jadi, ini merupakan gurauan.

Seorang Ahli: Gurauan.

Tuan Saupi bin Daud: Gurauan pada pandangan kita. Tetapi kalaulah kenyataan itu dianggap benar, maka Perdana Menteri juga kita boleh dakwa beliau di bawah mengamalkan ajaran sesat. Ini pada pendapat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegur ucapan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara di Hari Ulang Tahun tersebut di mana beliau menyatakan demonstrasi jalanan dengan unsur-unsur keganasan, kekerasan dan tindakan mencabar undang-undang telah mencetuskan rasa kebimbangan masyarakat umum di atas keselamatan diri, keluarga dan harta benda. Ini berbeza dengan perlakuan jenayah seperti rompakan mahupun kecurian di mana rasa keselamatan masyarakat umum tidak tergugat. Ini saya petik daripada *Utusan Malaysia* pada hari Isnin, 26 Mac 2001.

Ini adalah bagi saya ucapan yang berbau politik di mana Ketua Polis Negara yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keamanan dan keselamatan tidak sepatutnya berucap sebagaimana yang dipaparkan oleh akhbar. Adalah mustahil rakyat di negara ini lebih takutkan demonstrasi jalanan berbanding dengan dirompak ataupun kena curi atau dengan kata lain, biarlah kegiatan rompak dan mencuri berleluasa asalkan tidak ada demonstrasi.

Sedangkan kita tahu bahawa seluruh rakyat di negara ini tahu, demonstrasi jalanan yang diadakan adalah sebahagian daripada gerakan reformasi yang ditaja dan disertai oleh rakyat sendiri terutamanya masyarakat kota yang menolak segala bentuk penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, kronisme dan nepotisme. Dan kita lihat semua orang juga tahu yang takutkan demonstrasi ini yang sebenarnya mereka adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Mereka takut dengan kedudukan mereka, mereka takut kedudukan mereka tergugat dan kemewahan yang mereka miliki juga akan turut terkubur.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini juga secara tidak langsung memperlihatkan kepada kita bahawa rakyat tidak perlu risau dan bimbang walaupun harta dan wang ringgit mereka yang berjumlah beratus-ratus juta, malah berbilion ringgit dicuri dan dirompak oleh pihak-pihak tertentu di negara ini melalui penyalahgunaan kuasa ataupun rasuah.

Kita juga merasa kesal di atas tangkapan yang telah dibuat oleh pihak polis kepada Saudara Ezam di mana kalau kita dengar ucapan-ucapan yang dibuat oleh Saudara Ezam secara terbuka di khalayak ramai bahawa beliau telah ditangkap terutama sekali pada malam-malam hari raya. Pertamanya, malam Hari Raya Aidilfitri yang dulu. Kemudian peristiwa yang kedua beliau ditangkap semasa beliau pulang daripada umrah, daripada Tanah Suci setibanya di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA). Beliau tidak sempat lagi menemui keluarga mereka tetapi terus dibawa ke balai polis dan ditahan di dalam lokap. Dan yang ketiga yang terbaru, kita lihat beliau sekali lagi ditahan atau ditangkap pada malam Hari Raya Aidiladha.

Inilah kita rasa perkara-perkara yang mengecewakan kita. Sepatutnya pihak polis boleh bertindak dan Saudara Ezam ini dalam ceramahnya telah menyatakan bahawa beliau bersedia pada bila-bila masa untuk hadir ke mahkamah dan balai polis, asalkan diberitahu bila mereka memerlukan beliau hadir tetapi perbuatan-perbuatan ini kalau kita lihat adalah satu perkara yang tidak bertimbang rasa dari segi adat Melayunya.

Sebab kalau kita lihat kepada cerita P. Ramlee sendiri, umpamanya di dalam cerita yang popular iaitu Ali Baba dengan 40 orang penyamun di mana penyamun hendak membunuh seorang yang saya lupa namanya tetapi apabila hendak diletakkan pisau di tengkuknya, sempat lagi kawan itu minta supaya sebelum dibunuh dapat digaru gatal dia dahulu. Jadi, inilah dan di dalam cerita tersebut memberi iktibar bahawa seseorang itu sepatutnya diberi peluang terutama sekali macam Saudara Ezam. Apabila beliau pulang dari Tanah Suci, biarlah beliau sempat berjumpa dengan ibu, anak-anak dan isterinya dahulu sebelum beliau dibawa ke balai polis.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat bahawa keadaan ini juga mellihatkan kepada kita bahawa pihak-pihak yang diamanahkan pada hari ini telah menyalahgunakan kuasa di mana telah memberi layanan yang istimewa seperti kes bekas pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang kita kenali iaitu Sharma Kumari, umpamanya. Beliau telah mendapat layanan istimewa dan kepada satu lagi kes iaitu kes bunuh yang berlaku di sebuah pub di Taman Trivijaya pada 14 Januari yang lalu di mana yang tertuduh telah dibebaskan dengan jaminan polis sebanyak RM100,000 dengan dua orang penjamin.

Kita lihat bagaimana komen yang telah dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais Yatim yang telah melahirkan rasa hairan mengapa perkara ini boleh berlaku kerana kes di bawah Seksyen 302, Kanun Keseksaan tidak boleh dibebaskan dengan jaminan polis, malah pembebasan ini juga dianggap luar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang untuk membincangkan kes ini kerana ia terletak di bawah bidang kuasa mahkamah. Cuma yang kita ingin nyatakan bahawa kalaulah seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga hal-ehwal undang-undang di negara kita ini merasa hairan dengan kes tersebut, apatah lagi rakyat yang tidak tahu dan tidak begitu arif tentang undang-undang yang berlaku dan peraturan-peraturan yang ada di dalam perkhidmatan polis dan sebagainya.

Saya juga ingin merujuk kepada kes-kes jenayah dan juga kes-kes kemalangan yang berlaku di mana pada hari semalam, saya terbaca di dalam akhbar yang telah diucapkan oleh Ketua Polis Labuan iaitu Superintendan Sidin Abdur Karim yang di dalam akhbar semalam, 27 Mac 2001, beliau melahirkan rasa kesal di atas segelintir masyarakat kita yang pada hari ini yang enggan melaporkan kes-kes jenayah dan juga kes-kes kemalangan kepada pihak polis walaupun kes-kes jenayah tersebut berlaku di hadapan mata mereka.

Sepatutnya adalah menjadi tugas dan tanggungjawab orang awam yang melihat kejadian jenayah untuk melaporkan kepada polis kerana ini penting untuk membantu polis di dalam mendapatkan maklumat serta bukti yang mencukupi dan tepat sebelum mengambil sebarang tindakan ataupun membuat penyiasatan selanjutnya. Daripada apa yang difahamkan dan juga temu bual yang pernah dilakukan di dalam kes-kes jenayah dan kemalangan yang sering kita dengar dan temui, kita lihat mangsa-mangsa kemalangan sering kali terdampar, tertiarap dan terlentang di tepi jalan tetapi orang-orang awam hanya datang menyaksikan kemalangan tersebut tetapi bukan datang untuk memberi pertolongan.

Apabila ditinjau perbuatan-perbuatan ini, kita lihat kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh orang awam. Pertamanya, mereka tidak mahu terheret sama di dalam kes tersebut. Yang keduanya, mereka merasa susah di mana mereka juga akan turut menjadi saksi sekiranya ada perbicaraan ataupun kes-kes itu akan dibawa ke mahkamah. Dan yang ketiganya, kita lihat mereka juga tidak memahami dari segi

undang-undang di mana kalaulah pertolongan diberi bahawa mereka akan disoal siasat terlebih dahulu di balai polis.

Saya ingin meminta pihak-pihak berkenaan supaya memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat kita pada hari ini di mana kita sering kali terjumpa dan terlihat kemalangan-kemalangan yang dahsyat yang berlaku tetapi orang ramai hanya lalu dan membisu sahaja dan sering kali kita terbaca di dalam akhbar, pendapat-pendapat dan juga gambaran-gambaran yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu supaya kes-kes ini tidak berulang lagi dan kita minta konsep ataupun pengenalan masyarakat penyayang di negara ini betul-betul diamalkan dan cara mana pihak-pihak tertentu bolehlah memikirkan bagaimana konsep ataupun saranan kerajaan untuk melancarkan atau menjalankan kegiatan ataupun gerakan masyarakat penyayang ini dapat dihayati betul-betul.

Kita juga lihat pada hari ini, saya ingin menyatakan bahawa semua masyarakat kita mahu melihat kewibawaan polis serta keyakinan orang ramai terhadap polis hendaklah segera dikembalikan dan sempena Ulang Tahun Polis Ke-194 ini serta sempena dengan sambutan Maal Hijrah yang hampir sama dengan tarikh sambutan polis ini, saya merasakan slogan Mesra Rakyat yang selalu dipaparkan dan dikatakan oleh pihak polis, biarlah memberi makna dan juga membawa seribu erti kepada gerakan polis itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes keganasan sering kali berlaku di negara kita oleh mereka yang tidak bertanggungjawab tetapi kadang-kadang kita juga dikejutkan apabila kes-kes keganasan ini dikaitkan dengan kakitangan kerajaan sendiri yang melakukannya. Saya ingin mendapat penjelasan dengan peristiwa kakitangan beruniform iaitu penguatkuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di mana sekumpulan 45 orang anggota penguatkuasa MPSJ telah mengganas di sebuah pasar mini Taman Industri Bandar Baru Puchong dengan memecahkan barang-barang dan juga mencederakan pekerja pasar mini berkenaan pada awal bulan lepas dan kes ini dipercayai kerana pemiliknya enggan membayar wang perlindungan yang berjumlah RM500 sebulan.

Mengapakah orang yang diharapkan untuk menjaga keamanan, menguatkuasakan undang-undang malah bertanggungjawab melindungi orang lain tetapi telah bertindak demikian? Inilah yang benar-benar dikatakan "harapkan pagar, pagar makan padi".

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada kejadian tersebut, masyarakat Malaysia amat kesal apabila dilaporkan bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menerima sebanyak 831 maklumat berhubung kegiatan rasuah dan wang perlindungan yang melibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara sepanjang tahun lalu tetapi saya merasa kesal tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab dan dikatakan bahawa dia tidak menerima sebarang laporan berhubung dengan kes-kes pihak PBT di seluruh negara. Ketua Pengarah BPR, Dato' Ahmad Zaki Husin menganggap perangkaan itu sebagai membimbangkan .

Kalau dahulu yang mengambil wang perlindungan adalah gengster, sekarang sudah terbalik, pihak berkuasa yang mengambil wang bulanan. Ini adalah kata-kata yang dipetik oleh Pengarah BPR sendiri. Apakah faktor-faktor sebenar yang telah berlaku di dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan atau lain-lain agensi? Apakah pendapatan bulanan mereka jauh daripada mencukupi untuk menyara keluarga ataupun kehidupan golongan miskin ataupun kehidupan golongan miskin di kawasan bandar yang dilaporkan lebih teruk berbanding dengan luar bandar seperti kata Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Profesor Madya Dr. Kamaruddin Mohd Said.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon pihak-pihak berwajib untuk melihat perkara ini dengan serius kerana terdapat lebih ramai lagi warganegara kita dan juga warganegara pendatang asing yang melaporkan kegiatan-kegiatan ini dan mereka juga tidak senang berada di negara kita kerana pihak-pihak berkuasa dan pihak-pihak yang beruniform ini selalu memeras ugut mereka. Bukan sahaja mengambil pasport mereka tetapi wang mereka juga telah diambil.

Saya minta pihak-pihak tertentu menjalankan siasatan dan saya juga mempunyai banyak bukti tentang hal ini. Saya minta semua pihak yang terlibat bertanggungjawab dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran. Tuaran. Oh, tidak ada.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Setiu, Setiu!

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Tampin.

12.10 tgh.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Saya

terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian untuk menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah ucapan sempena perasmian Parlimen pada 19 Mac yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya berasa bersyukur kerana negara masih lagi berada dalam keadaan aman damai, tenteram dan terpelihara. Ini membolehkan rakyat di negara ini yang berbilang kaum dan bangsa terus berusaha mencari rezeki dan kemewahan di bumi bertuah ini. Di dalam memperkukuhkan daya saing dan meningkatkan kualiti hidup di kalangan rakyat Malaysia secara menyeluruh berbagai aspek perlu ditekankan. Salah satu aspek utama adalah peluang mencari kekayaan yang seimbang di kalangan masyarakat Malaysia tidak kira di mana mereka berada. Sekiranya dilihat prestasi ekonomi negara pada tahun 2000 yang telah berkembang di mana boleh dilihat sendiri melalui indeks pengeluaran perindustrian yang telah meningkat sebanyak 19.3%. Ini jelas menunjukkan kerajaan berkeupayaan untuk memulihkan ekonomi negara dari kegawatan ekonomi 1997 dan secara langsung meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini.

Namun demikian, persoalan pada hari ini kadar pertumbuhan di bandar-bandar terus jauh meninggalkan kadar pertumbuhan penduduk desa ataupun di luar bandar. Perangkaan menunjukkan pendapatan isi rumah di bandar-bandar bagi tahun 1989 hingga 1995 secara puratanya telah meningkat sebanyak 8.2% setahun manakala purata bagi isi rumah di luar bandar secara puratanya meningkat sebanyak 5.3% dalam tempoh jangka masa yang sama. Ketidakseimbangan ini berkemungkinan kerana kurangnya aktiviti-aktiviti yang boleh menarik generasi muda untuk menyumbangkan tenaga mereka di luar bandar, kurangnya aktiviti-aktiviti di luar bandar adalah satu fenomena yang akan mendorong masyarakat terutamanya belia untuk berhijrah ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Ini menyebabkan penumpuan pengaliran tunai lebih berpusat di kawasan-kawasan bandar. Kerajaan adalah dicadangkan untuk mengadakan satu sistem di mana kawasan-kawasan industri tidak hanya tertumpu setempat ataupun mengadakan satu cara yang mana memberi peluang kepada penduduk-penduduk di luar bandar dapat meninggikan hasil pendapatan mereka.

Apa yang saya ingin tekankan dan tegaskan di sini ialah seluruh rakyat Malaysia sama ada yang tinggal di bandar ataupun di luar bandar sepatutnya berpeluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka khasnya dari segi ekonomi

asalkan mereka ini berusaha bersungguh-sungguh secara tidak langsung. Sekiranya keadaan ini berjaya diwujudkan, maka ianya akan mengurangkan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar yang begitu ketara pada hari ini dan menyebabkan begitu banyak kampung-kampung tradisi seolah-olah tidak berpenghuni ataupun terhapus ditelan zaman. Penyediaan infrastruktur yang lengkap dan sempurna adalah asas penting untuk memastikan kawasan luar bandar boleh terus membangun dan bakal membuka peluang yang lebih luas bagi membangunkan kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial di samping menjadikan kawasan luar bandar lebih menarik.

Seterusnya kerajaan juga seharusnya atau sepatutnya terus membuat kajian penyelidikan dan pembangunan untuk masyarakat luar bandar agar dapat mencari jalan membantu masyarakat luar bandar meningkatkan pendapatan mereka. Kajian penyelidikan dan pembangunan ini termasuklah memberi perhatian di dalam perkara-perkara yang melibatkan cara hidup masyarakat luar bandar, menangani sosial ekonomi mereka agar penduduk luar bandar tidak terlalu bergantung kepada aktiviti-aktiviti pertanian semata-mata atau penangkapan ikan secara tradisional sebaliknya mula beralih kepada kegiatan-kegiatan yang lebih tinggi nilai serta skala yang lebih besar. Ini saya nyatakan kerana walaupun kita sudah 44 tahun negara merdeka, masih ramai masyarakat luar bandar dihipit kemiskinan. Saya maklum walaupun di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat begitu ramai rakyat mereka yang miskin, namun saya yakin kerajaan negara ini lebih berkemampuan untuk menangani isu-isu kemiskinan.

Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa berusaha mengurangkan kadar kemiskinan terutamanya masyarakat luar bandar menerusi berbagai bentuk peruntukan dan kaedah tetapi kadang-kadang atas beberapa perkara di luar jangkaan masih banyak masalah kemiskinan membelenggu masyarakat luar bandar. Sebagai contoh, mengikut kata-kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sebelum negara mengalami kegawatan ekonomi pada tahun 1997 kadar kemiskinan berada dalam lingkungan 10% tetapi ketika negara menghadapi masalah ekonomi maka kadar kemiskinan menokok menjadi 12%.

Baru sahaja negara hampir menyelesaikan masalah kegawatan atau kekalutan ekonomi, terbaru kejatuhan harga bahan-bahan komoditi seperti getah dan kelapa sawit yang begitu teruk sekali lebih menghimpit kehidupan golongan pengeluar bahan komoditi ini khasnya peneroka-peneroka di tanah rancangan.

Syukurlah kerajaan bertindak cepat menyediakan RM500 juta untuk membantu mereka yang terlibat dalam industri ini. Langkah kerajaan yang menjanjikan bantuan khas ini kepada peneroka-peneroka dan mereka yang terlibat secara langsung dalam kejatuhan harga komoditi-komoditi ini adalah manifestasi kerajaan Barisan Nasional yang mesra rakyat. Jumlah sebesar ini harus diingat bukannya satu janji pilihan raya kerana kita berada di luar musim, sebaliknya melambangkan betapa kerajaan Barisan Nasional yang memerintah pada hari ini jelas melindungi nasib golongan yang teruk terhimpit dek kerana kemerosotan ekonomi.

Namun demikian, saya dengan rendah diri mengharapkan agar kerajaan lebih bermurah hati memikirkan supaya boleh ditambah peruntukan RM500 juta yang telah disediakan itu kerana sesungguhnya petani-petani yang tinggal di luar bandar ini amat memerlukan bantuan dari kerajaan. Kejatuhan teruk harga komoditi telah menyukarkan kehidupan mereka yang serba kesederhanaan selama ini. Langkah kerajaan untuk membantu sesungguhnya terpuji dan wajar dihargai. Di masa yang sama, pihak kerajaan juga perlu memikirkan peluang masa depan industri getah dan kelapa sawit. Ini saya nyatakan kerana walaupun kerajaan menggalakkan penanaman semula getah dan kelapa sawit secara besar-besaran untuk mengurangkan hasil pengeluaran agar harga meningkat yang mana sesungguhnya ini merupakan satu langkah jangka pendek sahaja bagaimanakah pasaran bahan komoditi ini di masa hadapan apatah lagi apabila negara jiran seperti Indonesia menanam kelapa sawit begitu banyak pada hari ini. Di sinilah pihak kerajaan sepatutnya lebih banyak membuat perancangan supaya jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin tidak menjadi lebih ketara di masa hadapan. Di masa yang sama, penyelidikan dan pembangunan masyarakat harus dijalankan agar impian kerajaan untuk melihat rakyat di negara ini mencapai keseimbangan dalam pendapatan menjadi realiti.

Program-program penyelidikan dan pembangunan pada satu ketika dulu yang telah banyak melahirkan Amanah Ikhtiar dan Tekun merupakan hasil-hasil penyelidikan yang dapat memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar. Ini membantu golongan yang memerlukan. Keperluan pendidikan dan pembangunan adalah titik-tolak kepada kejayaan sesebuah negara atau institusi. Selain daripada itu, bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melihat negara ini menjadi negara maju pada tahun 2020 amatlah penting dan wajar

kerajaan menekankan aspek pendidikan dan pembangunan yang banyak boleh membantu.

Kerajaan harus bersedia memperuntukkan lebih kurang 3% daripada KDNK negara ini untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan selaras dengan peruntukan pembangunan dan pendidikan oleh negara-negara maju lain di dunia seperti Amerika Syarikat, Jepun mahupun United Kingdom. Kegagalan melihat pendidikan dan pembangunan sebagai industri penting akan membantutkan pencapaian dan perkembangan ekonomi sesebuah negara. Begitu juga kesannya kepada pembangunan kawasan luar bandar. Adalah diharapkan dengan bertambahnya program-program penyelidikan dan pembangunan maka lebih banyak idea-idea baru dapat kita ketengahkan untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar.

Seterusnya, sebagaimana kita bersama maklum Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah berkait rapat dengan apa jua perkara yang membabitkan pembangunan luar bandar sama ada ianya pembangunan dari segi infrastruktur, ekonomi dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Saya juga menyambut dengan hati yang gembira apabila Menteri di Kementerian Pembangunan Luar bandar dengan berani mengakui selepas setahun menjadi Menteri di KPLB beliau mengenal pasti banyak kelemahan-kelemahan yang boleh diperbaiki dalam kementeriannya. Pihaknya sedang merombak semula organisasi hampir semua agensi-agensi yang terbabit di bawah kementeriannya yang ditugaskan untuk membangunkan masyarakat luar bandar. Di antara kelemahan yang diakui oleh Menteri KPLB mengatakan KPLB hanya mengetahui jumlah peruntukan yang dikeluarkan dan untuk program yang disalurkan. Bagaimana pula laporan lengkap prestasi dan kemajuan bantuan yang dihulurkan itu tidak dapat dinilai keberkesanannya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat ya.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Sekejap ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin. Kita memang sedar dan tahu banyak subsidi bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat di luar bandar bahkan itulah yang kita harapkan untuk mengubah taraf hidup rakyat jelata. Cuma saya ingin bertanya kepada Tampin, adakah setakat kita hanya memberi bantuan, tidak kiralah

jenis bantuan sama ada dari segi ternakan dan sebagainya, dengan tidak kita memantau selepas mereka mendapat bantuan ini bagaimana keadaan hidup mereka. Adakah cukup setakat mereka diberi subsidi dan bantuan. Itu yang pertama.

Keduanya, masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah ada juga mereka yang menerima bantuan ini bertopengkan UMNO tetapi selepas itu mereka menyokong pembangkang. Jadi saya minta penjelasan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sebagaimana yang saya katakan tadi saya ucapkan tahniah kepada Menteri di Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini kerana beliau mengakui terdapat sedikit kelemahan di dalam kementeriannya yang boleh diperbaiki.

Soalan yang kedua Yang Berhormat yang mengatakan bahawa ada di kalangan masyarakat luar bandar yang bertopengkan parti politik untuk mendapat kemudahan. Bagi saya secara peribadi, yang pentingnya masyarakat luar bandar itu perlu dibangunkan waima dari parti mana asalkan kebaikan untuk negara ini. Tetapi terlebih dahulu haruslah dibantu mereka yang menyokong kerajaan yang ada pada hari ini.

Jadi, saya tidak berhajat untuk bagi banyak laluan kerana masa terhad. Semoga usaha-usaha murni Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar ini mendapat sokongan dari seluruh kakitangan di bawah kementeriannya dan bukan sekadar retorik atau make-up tambahan sahaja. Saya yakin dan percaya dengan peruntukan yang begitu besar setiap tahun kepada kementerian adalah sewajarnya KPLB dapat membantu memajukan lagi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat, belakang itu.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Saya ingat masa tidak begitu mengizinkanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dia tidak bagi jalan ya.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Ha, bagilah.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Sudah Tun ya. Sudah runding.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tampin. Ini Yang Berhormat ada menyebut bahawa Menteri

Pembangunan Luar Bandar mengakui banyak kelemahan-kelemahan yang dapat dikenal pasti. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa dengan memperakui dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang berlarutan yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar. Dan apakah Yang Berhormat setuju bahawa kementerian ini perlu lebih agresif untuk memastikan bahawa pembangunan di luar bandar ini sampai ke sasarannya. Kalau boleh dipastikan peruntukan-peruntukan yang berbilion-bilion ini sampai sebelum pilihan raya 2004 baru kita ada 'umpph' kata orang. Terima ka sih.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya bagi saya setidak-tidaknya seseorang itu perlu terlebih dahulu menyedari kelemahan sebelum dapat memperbaiki. Yang menjadi masalahnya kadang-kadang ada pihak-pihak yang tidak langsung dapat menyedari kesilapan atau kelemahan diri sendiri yang mana biasanya dilakukan oleh pihak pembangkang asyik mencerca, kelemahan diri sendiri tidak dapat dicari. Tidak sama dengan kerajaan yang ada pada hari ini. Sebab itu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pembangunan Luar bandar kerana berani mengakui kelemahannya dan berusaha untuk memperbaikinya.

Begitu juga kepada kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai jumlah penduduk termiskin yang teramai seperti di Kelantan buktikanlah bahawa sesungguhnya kerajaan PAS di Kelantan yang telah lebih 10 tahun memerintah negeri tersebut yang selalu membuat komen dan menyalahkan Kerajaan Pusat dalam banyak perkara berjaya membawa rakyat negeri tersebut yang dibelenggu masalah kemiskinan keluar dari kemiskinan ini kerana sesungguhnya kemiskinan boleh membawa seseorang itu rapat kepada kekufuran. Tidak perlulah Menteri Besar Kelantan pergi melawat penternak babi di Bukit Pelanduk sebaliknya tunjukkanlah kemajuan memerintah negeri Kelantan terlebih dahulu.....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Cukuplah Tun. Cukup Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Allah, dia sudah cuit-cuit saya. Bagi dulu, Tun. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tun, terima kasih sahabat terdekat saya Yang Berhormat bagi Tampin. Saya pasal Yang Berhormat bagi Tampin sebut Bukit Pelanduk ini. Jadi saya hendak tanya keganjilan PAS. Apabila UMNO mengajak berunding macam-macam syarat dan kadang-kadang ditangguhkan tetapi berjumpa dengan penternak babi tidak ada pula syarat, apa komen agaknya Yang Berhormat?

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Saya tidak berhajat untuk komen Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa mungkin masanya agak lapang untuk berjumpa dengan penternak ini lebih lama kalau hendak bandingkan dengan berjumpa orang UMNO ini rasanya susah. Tetapi bagi saya mereka hanya mencari alasan supaya tidak diadakan pertemuan ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pertemuan dengan penternak babi tidak ada syarat, ini yang saya pelik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading jangan buat macam itu.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: ...perpaduan dan keharmonian negara. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Kita merasa bersyukur dan bertuah..

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: ... kerana negara kita yang mempunyai rakyat berbilang kaum bangsa dan agama..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanah Merah dia tidak beri jalan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: ... masih berada dalam keadaan aman, damai, tenteram dan dijauhi dari segala bentuk bencana yang boleh menghancurkan keharmonian ini. Pada hari ini walaupun terdapat golongan-golongan yang sering cuba untuk mengganggu ketenteraman dengan mengadakan demonstrasi khasnya di kalangan pemimpin-pemimpin parti KeADILan yang berminat menjatuhkan kerajaan melalui demonstrasi jalanan dengan mengajak golongan muda termasuk pelajar-pelajar atau bekas-bekas pelajar pusat pendidikan tinggi menyertainya namun sambutan yang diterima tidak sehebat yang digembar-

gemburkan. Ini jelas menunjukkan betapa jauh lebih besar dan betapa jauh lebih ramai lagi golongan belia atau pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi di negara ini yang tidak merestui tindakan-tindakan pemimpin-pemimpin parti KeADILan yang cuba mengheret belia-belia dan pelajar-pelajar pusat pengajian ke arah demonstrasi jalanan.

Mereka yang menghargai keamanan ini khasnya pelajar-pelajar di pusat pendidikan tinggi tahu tugas dan tanggungjawab mereka adalah untuk belajar ketika berada di kampus agar tidak mensia-siakan harapan ibu bapa penjaga ataupun harapan kerajaan untuk melihat lebih ramai warga negara ini menjadi insan yang mempunyai pendidikan tinggi. Penyerahan memorandum beberapa persatuan berbilang bangsa dan kaum baru-baru ini seperti Persatuan Pemuda Negara Malaysia, Persatuan Warga Warisan Melayu Malaysia dan Persatuan Graduan Muda Malaysia adalah di antara isyarat yang begitu jelas menunjukkan bahawa golongan belia dan pelajar-pelajar universiti menolak demonstrasi jalanan.

Segelintir kecil yang melibatkan diri ketika mengadakan demonstrasi jalanan adalah kerana terpengaruh dengan hasutan dakyah pemimpin-pemimpin pembangkang yang tidak tahu menghormati generasi muda yang masih lagi menuntut di pusat-pusat pengajian. Lebih menyedihkan lagi hari ini kanak-kanak di bangku sekolah rendah mula dilatih dan diasuh mengadakan demonstrasi. Usaha untuk mengheret anak-anak kecil yang masih bersih pemikirannya ke dalam kancah perseteruan politik adalah amat-amat dikesali. Adakah patut keadaan di mana atas nama kepentingan politik anak-anak kecil yang masih bersekolah di heret untuk melakukan demonstrasi di hadapan pejabat kerajaan.

Ini mungkin gara-gara pemimpin DAP yang terikut-ikut cara parti KeADILan, mungkin juga kerana DAP dan KeADILan sudah hendak bercantum, dengan kata lain berkahwin kerana kita maklum ahli-ahli parti DAP pun sudah ramai masuk atau joint parti KeADILan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong golong ya.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Syukur .. sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Syukur jugalah pemimpin-pemimpin senior dalam PAS kurang berminat dengan demonstrasi jalanan kerana mereka tahu dan faham Islam tidak mengajar budaya demonstrasi jalanan, cuma kadang-kadang dua, tiga orang di kalangan pemimpin muda mereka terbabas membuat demonstrasi jalanan kerana tidak begitu menghormati pandangan pemimpin-pemimpin lama dalam PAS, begitu juga

pandangan pemimpin-pemimpin muda PAS yang berlainan atau kadang-kadang kurang bersetuju dengan insiden mereka..

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat bagi Kinabatangan, cukuplah.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: ..apabila PAS ingin berjumpa dan berbincang dengan UMNO. Ketidaksielarian ini..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tampin.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: .. jelas kelihatan di antara pemimpin-pemimpin lama dalam PAS dan pemimpin -pemimpin muda dalam PAS pada hari ini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya..

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Masa tidak cukup..

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Sehubungan dengan keamanan keharmonian ini yang kita kecapai hari ini, saya suka, sedikit Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Okay. Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Okay terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

12.28 tgh.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merayu kepada Tuan Yang di-Pertua supaya mempertimbangkan melanjutkan sesi malam, oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa menasihatkan pembangkang jangan adakan demonstrasi jalanan, oleh kerana kita boleh mengutarakan pendapat dalam Parlimen tetapi sekarang kita semua ramai lagi menunggu. Pembangkang tidak cukup masa. Kalau di sebuah kilang kita beri over time bukan potong masa. Jadi kita haraplah Tuan Yang di-Pertua akan mempertimbangkan rayuan kita ini.

Sebelum saya masuk tajuk saya cuma ingin menjawab kalau boleh bagi pihak PAS berkenaan dengan isu penternak khinzir itu. Oleh kerana saya dapati bahawa Ahli-ahli Parlimen bila kita sebut khinzir itu dia cuba memutar belitkan, seolah-olah ini adalah satu perkara yang mempunyai elemen perkauman. Saya kata di sini bahawa penternak khinzir tidak pernah merampas royalti PAS. Mereka tidak mengacau permit *Harakah*.

Beberapa Ahli: Ya. [*Tepuk*]

Tuan Kerk Kim Hock: ..mengapa kita hendakkan apa-apa prasyarat. Jadi jangan mainkan isu sedemikian. Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Sila-sila teruskan Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 43 tahun. Namun demikian kita masih menghadapi berbagai masalah yang begitu asas dan penting sekali, salah satunya ialah kelemahan dalam perpaduan rakyat walaupun pada keseluruhannya tahap keharmonian kaum boleh dianggap sebagai memuaskan. Maka adalah penting sekali apa sahaja falsafah politik dan perbezaan fahaman kita semua parti dan rakyat hendaklah memastikan bahawa dua elemen atau faktor sentiasa wujud dalam negara majmuk kita iaitu keamanan dan semangat muhibah.

Ideologi politik dan teologi agama boleh memecahbelahkan rakyat. Oleh yang demikian semangat muhibah yang boleh mempromosikan sikap toleransi dan hormat- menghormati haruslah dipereratkan. Falsafah politik kita boleh dan tetap berbeza tetapi matlamat kita akhirnya hendaklah menuju ke arah yang sama iaitu untuk mewujudkan satu masyarakat demokratik dan sekular yang aman, adil, saksama bersatu padu dan makmur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Kerk Kim Hock: Wayang baru mula hendak tahu cerita.

Seorang Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini soal khinzir, babi ini, khinzir ini cakap arab, babi itu cakap Melayu. Tetapi saya hendak minta sedikit penjelasan, saya harap Yang Berhormat agak berhati-hati kerana di dalam kenyataan Yang Berhormat Kota Melaka tadi mengatakan elemen agama boleh membuat perpecahan. Islam tidak membawa perpecahan, tandanya

macam DAP boleh berpakat dengan PAS. Jadi saya harap berhati-hati sedikit kerana agama bukannya elemen yang membawa perpecahan, jadi Yang Berhormat harus berhati-hati sedikitlah. Agama Islam tidak membawa perpecahan, Islam ialah agama yang boleh membawa kebaikan dan keharmonian seluruh umat di dunia ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Itulah pandangan Yang Berhormat terpujulah. Keamanan dan semangat muhibah adalah pra syarat untuk merealisasikan kata-kata dengan izin *all roads can lead to Rome*, tanpa wujudnya pra syarat ini dalam negara majmuk kita dengan izin *all roads can lead to ruins*. Dalam alaf yang baru ini negara kita menghadapi dua ancaman yang utama iaitu ekstrem perkauman dan agama yang juga merupakan musuh kepada sistem demokrasi dan masyarakat yang berbilang bangsa, budaya dan agama. Maka adalah tugas dan tanggungjawab semua rakyat untuk berjaga-jaga dan bersedia melawan kuasa ekstrem ini sama ada mereka ini adalah individu atau organisasi seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung yang suka bermain api dengan isu perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bantahan sekeras-kerasnya parti DAP terhadap cadangan untuk melaksanakan sistem pendidikan satu aliran di negara kita. Walau apa sahaja alasan yang boleh diberi oleh mereka yang merupakan extremist yang telah ketinggalan zaman dalam pemikiran mereka. Cadangan ini adalah cadangan yang tidak boleh diterima sama sekali baik pun dari segi aspek prinsip, konsep, teori dan pelaksanaannya. Begitu juga dengan cadangan agar subjek sejarah dan pendidikan moral di SJK diajar dalam Bahasa Kebangsaan. Cadangan ini yang sebenarnya akan menjejaskan identiti di SJK tidak boleh diterima langsung.

Bahasa bukanlah alat yang memecahkan rakyat dan ia tidak harus digunakan sebagai alat untuk menjalankan sesuatu agenda politik yang boleh membawa akibat buruk kepada negara majmuk kita. Soalan perpaduan rakyat memerlukan usaha pelbagai aspek dan satu aspek yang penting sekali ialah bahawa kerajaan haruslah melaksanakan polisi adil dan saksama. Kalau sistem pendidikan satu aliran boleh mempereratkan perpaduan maka hari ini tidak akan kita mendengar seruan demi seruan supaya diadakan perbincangan perpaduan Melayu.

Dasar asimilasi secara paksaan yang bertujuan memupukkan perpaduan nasional sudah pun terbukti gagal di negara lain dan ia akan gagal di mana-mana sahaja. Haruslah kita ingat bahawa bahasa jiwa bangsa, Barisan Nasional yang

telah tewas di pilihan raya kecil Lunas hendaklah mengambil iktibar dari pilihan raya ini dan menolak dengan secara bulat apa sahaja cadangan yang boleh menjejaskan identiti SJK. Kerajaan hendaklah melalui perlindungan undang-undang yang jelas dan polisi yang adil membuktikan komitmennya untuk menghormati hak pendidikan bahasa ibunda seperti termaktub dalam Perlembagaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan parti politik boleh bermusuh tanpa menjejaskan keamanan dan semangat muhibah negara kita semua pemimpin parti politik hendaklah menunjukkan komitmen terhadap dua perkara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Kacau lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan kacau, dengan izin saya hendak bantu. Yang Berhormat macam menolak ekstrem tetapi Yang Berhormat berucap pun ekstrem juga.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya mempertahankan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Adakah Yang Berhormat bermaksud apa yang saya katakan dalam mengenai bahasa ibunda itu ekstrem.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap, ucap jangan bercakap dengan dia ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia hendak melawan saya

Tuan Yang di-Pertua: Dia bertanya jawablah.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia tidak pernah membaca perlembagaan, ini semua hak yang termaktub dalam perlembagaan, ini bukan satu pandangan yang ekstrem.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bercakap macam itu tetapi janganlah bercakap dengan dia.

Tuan Kerk Kim Hock: Tetapi saya hendak tengok muka dialah. *[Ketawa]*

- (i) menghormati dan sedia melaksanakan prinsip dan semangat demokrasi yang tulen;
- (ii) menerima hakikat bahawa negara kita adalah sebuah negara majmuk dan sentiasa memahami, menganggap dan menangani masalah rakyat dari sudut perspektif orang Malaysia tanpa mengira kaum, budaya dan agama.

Maka semua parti hendaklah berpegang kuat kepada sistem demokrasi berparlimen manakala kerajaan hendaklah juga merealisasikan konsep demokrasi di mana minoriti boleh menjadi majoriti dengan cara aman. Konsep demokrasi ini hanya boleh direalisasikan dengan wujudnya satu keadaan di mana rakyat boleh memberikan izin *freely given consent* mereka. Syarat-syarat *freely given consent* hanya wujud sekiranya dengan izin Tuan Yang di-Pertua,

- (i) when there is no physical coercion or threat of coercion employed against expression of opinion;
- (ii) when there is no arbitrary restriction placed on freedom of speech, press and assembly;
- (iii) when there is no monopoly of propaganda by the ruling party;
and
- (iv) when there is no institutional control over the instruments of facilities of communication.

Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak telah dilaporkan mengenai perbincangan perpaduan Melayu. Pada hemat saya sekiranya kaum Melayu menghadapi satu masalah yang besar ia juga adalah masalah rakyat Malaysia dan harus diberikan perhatian serius. Akan tetapi sehingga hari ini UMNO masih tidak dapat meyakinkan rakyat jelata bahawa memang wujudnya masalah perpecahan Melayu atau hak mereka telah diancam. Sebenarnya sehingga hari ini juga UMNO masih tidak boleh menjawab dengan memuaskan. Mengapa perbincangan perpaduan Melayu tidak boleh dijadikan perbincangan perpaduan nasional seperti yang dicadangkan oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12 Mac tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa '*Malays must fight*' as one apabila beliau menyentuh topik perpaduan Melayu. Seruan sedemikian adalah dikesali oleh kerana ia memang bertentangan dengan konsep Wawasan 2020 dan bangsa Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menjelaskan bahawa perpaduan untuk mempertahankan empat perkara iaitu hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan Islam dan Bahasa Kebangsaan dan status raja-raja Melayu. Tetapi rakyat tidak yakin bahawa adanya ancaman terhadap hak-hak ini yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri haruslah berterus terang siapakah yang telah mengancam hak-hak ini dan jika benar apakah sebabnya kerajaan telah

gagal untuk mengambil tindakan terhadap mereka. Oleh kerana perkara ini kalau tidak silap dianggapkan sebagai menghasut kalau disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, pada 20 Mac tahun ini semasa menjawab soalan lisan di Dewan ini Yang Berhormat Menteri..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tebrau bangun, hendak beri jalan? Dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan dengan panjang lebar sebab mengapa..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh Yang Berhormat ..

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau saya ada masa saya balik kembali.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sekejap sahaja ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menjelaskan dengan panjang lebar sebab mengapa kerajaan tidak membenarkan sekolah asal SJKC Damansara diteruskan sebagai sebuah sekolah komuniti seperti dituntut oleh penduduk tempatan. Walaupun penjelasan Menteri Pendidikan itu lengkap akan tetapi ia dengan jelasnya menunjukkan bahawa beliau hanya pandang masalah itu dari sudut kementerian sahaja. Bagaimana masalah itu dapat diselesaikan sekiranya kerajaan tidak bersedia menangani masalah itu dari sudut penduduk tempatan dan juga orang awam.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa berkata bahawa, the silent majority should speak up. Rakyat telah pun menunjukkan pendirian mereka dengan begitu jelas sekali. Sekolah asal ini harus diteruskan sebagai sebuah sekolah komuniti. Janganlah kerajaan bergantung kepada MCA untuk mengetahui maklum balas dan pendapat komuniti Cina oleh kerana parti itu telah hilang kredibilitinya dalam isu ini. Terdapat ahli-ahlinya dan juga pemimpin-pemimpinnya yang telah memberontak melawan pendirian yang dipegang oleh kepala ikannya... *[Tepuk]* Seperti dalam kes Sekolah Wawasan yang akhirnya telah menyebabkan kekalahan Barisan Nasional di Piliharaya Kecil Lunas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lunas, Lunas.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian,

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat ...

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat Menteri Pendidikan haruslah melawat sekolah asal itu dan mengadakan satu dialog dengan penduduk tempatan

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Beri.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya akan bagi kalau ada masa ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ada ini, sikit.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya habiskan SKJ(C) dahulu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ala, duduk lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Pendidikan haruslah melawat sekolah asal itu dan mengadakan satu dialog dengan penduduk-penduduk tempatan untuk menyelesaikan masalah ini. Adalah tidak bertanggungjawab bagi seorang menteri untuk lari daripada masalah itu dengan menganggap masalah itu telah selesai apabila hakikatnya ialah sebaliknya. Yang Berhormat Menteri juga harus menjelaskan peranannya dan timbalannya, Dato' Hon Choon Kim dalam kes di mana Profesor Madya Chia Ai Ping telah dikenakan surat tunjuk sebab oleh Naib Canselor Universiti Malaya berhubung dengan beberapa kenyataannya melalui Internet berkaitan dengan isu SKJ(C) Damansara.

Surat yang bertarikh 6 Februari tahun ini telah dikeluarkan setelah Naib Canselor Universiti Malaya dimaklumkan oleh pegawai khas kepada Menteri Pendidikan berkenaan dengan kenyataan Profesor Chia. Perkara ini ada satu insiden yang begitu memalukan dan telah menjejaskan imej Universiti Malaya sebagai universiti tempatan yang unggul. Apakah salahnya seorang bekas anggota PIBG menjelaskan perkara yang sebenarnya di perbincangan Internet. Adakah beliau dikenakan surat demikian oleh kerana dendam politik daripada Timbalan Menteri Yang Berhormat Dato' Hon Choon Kim yang terlibat secara langsungnya dalam kisah sebenar yang dibongkarkan oleh Profesor Chia.

Adakah tindakan pegawai khas, Dr. Omar bin Osman memberikan laporan demikian kepada Naib Canselor di atas arahan Menteri Pendidikan atau Timbalannya. Di manakah autonomi universiti jikalau kementerian boleh

mengarahkan atau mempengaruhi tindakan disiplin universiti. Menteri Pendidikan mestilah memberikan satu jawapan yang memuaskan kepada Dewan yang mulia ini.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: Ada masa lagi, saya bagi.

Puan Chong Eng: Bolehkah Yang Berhormat Kota Melaka menjelaskan, apakah yang dikatakan oleh Profesor Chia Ai Peng, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya rasa saya kemungkinan tidak mempunyai masa yang cukup. Sebenarnya beliau telah menjelaskan satu insiden yang melibatkan tanah.. *[Ketawa]* Itu satu cerita Cina yang saya tidak dapat membuat terjemahan. Ceritanya, seorang putera ditukarkan dengan musang dan orang yang terlibat dalam kes ini adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat bagi Seremban *[Disorak]* Jadi kita harap dia akan memberi satu penjelasan yang lengkap, yang baik oleh kerana semenjak insiden ini didedahkan dalam surat khabar, banyak cabaran telah dibuat kepada beliau dan sehingga hari ini beliau tidak pernah menjawab apa-apa pun dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menjelaskan bahawa ini adalah terpulang kepada kuasa Universiti Malaya untuk mengambil tindakan tetapi apa yang jelas di sini ialah bahawa pegawai khususnya, Dr. Omar bin Osman yang telah memberikan laporan itu. Jadi kita haraplah bahawa Menteri Pendidikan akan bertanggungjawab dan mempunyai satu sikap yang baik dan datang ke Parlimen ini dengan sendiri untuk menjawab soalan ini. Saya bagi jalan kepada yang akhir.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya, terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut bila Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka menyebutkan masalah tuntutan empat yang disebutkan itu tadi. Perkara ini timbul kerana kes tuntutan daripada kumpulan Suqiu yang membangkitkan berpuluh-puluh perkara yang menyinggung perasaan orang-orang Melayu. Itu Yang Berhormat bacalah betul-betul.

Yang kedua, Yang Berhormat membangkitkan berhubung dengan sekolah wawasan Damansara. Sekolah wawasan ini dipolitikkan oleh pihak pembangkang DAP. Dia mengatakan sekolah itu hendak ditutup. Sebenarnya bukan kerajaan hendak tutup, tetapi orang bawah yang tidak faham, dia menyangkakan sekolah Cina hendak ditutup. Kerajaan bertujuan hendak menggaulkan semua kaum - Sekolah Cina, India, Melayu tetapi dia beritahu orang bawah Sekolah Cina hendak ditutup, tentulah marah. Dia menang kerana dipolitikkan, diputar belitkan isu itu.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kemudian dia timbulkan

Tuan Kerk Kim Hock: Masa habis...saya habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh, nantilah, ini sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dia cerita bila orang Melayu, Melayu campur Melayu itu hendak runding lepas itu barulah kita cerita yang lain tetapi Yang Berhormat hendak menuduh membuta tuli sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya telah kata bahawa sekiranya kerajaan bergantung kepada maklum balas daripada MCA, inilah akan berlaku seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Serdang tadi. Bila orang ini ada dalam DAP, semua dia cakap baik, dia bantai kerajaan. Hari ini dia terbalik cakap pula. Ini lah orang-orang yang memberikan maklumat yang palsu kepada kerajaan. Oleh kerana saya tidak pernah sebut, kerajaan telah tutup SKJ(C) Damansara. Saya kata bahawa sekolah asal itu harus diteruskan, itu sahaja. Itulah orang-orang yang baca surat khabar yang tidak melaporkan kebenaran, orang-orang yang mendengar apa-apa yang dikatakan oleh pihak MCA akhirnya kalah di Lunas.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah sampai, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, tiga ayat sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik cadangan kerajaan untuk menggubal satu dasar sosial negara demi membina sebuah masyarakat yang sihat dan teguh dalam semua bidang supaya dapat memperkukuhkan perpaduan antara kaum. Saya menyeru supaya tujuh golongan diberikan keutamaan oleh kerajaan semasa menggubal Dasar Sosial Negara iaitu golongan warga tua, golongan cacat, golongan uzur, golongan yatim piatu yang tidak berupaya

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Kaum wanita, kaum kanak-kanak dan golongan minoriti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya, ya, Teluk Intan.

12.48 tgh.

Tuan Mah Siew Keong [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membeli peluang saya untuk turut menjunjung kasih ke atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, senario ekonomi yang kita hadapi hari ini adalah tidak begitu cerah berbanding dengan satu tahun yang lalu. Dengan permulaan kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat dan masalah ekonomi yang berterusan di Jepun, kerja untuk membangunkan ekonomi negara bertambah sukar. Mengikut statistik MIDA hanya dapat 47 permohonan pelaburan projek bernilai RM979 juta pada Januari. Ini telah jatuh 21% berbanding dengan tahun dahulu. Trend sekarang adalah perpindahan pelaburan ke negara China dan ini akan bertambah apabila China menyertai World Trade Organisation, dengan izin harga komoditi negara juga telah jatuh dan industri.....

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Yang Berhormat. Apakah trend pelabur-pelabur yang berpindah daripada Malaysia ini ke negara-negara lain itu akibat daripada tidak yakin kepada kepemimpinan negara sekarang.

Tuan Mah Siew Keong: Ini tidak ada kena mengena sebab trend bukan dari Malaysia sahaja, dari seluruh negara di Selatan Asia, trend nya telah berpindah ke China bukan sahaja Malaysia dan Malaysia adalah lebih baik jika berbanding dengan negara jiran. *[Tepuk]* Saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab harga komoditi telah jatuh dan industri elektronik adalah tidak stabil, kita mesti mencari avenue yang lain untuk memajukan pertumbuhan ekonomi dan selain daripada bergantung kepada industri tradisional, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi lebih fokus dalam satu industri yang negara Malaysia dapat memajukan dengan jayanya dan ada masa depan yang begitu cerah. Industri yang saya hendak cadangkan supaya dibangunkan adalah membangunkan negara Malaysia sebagai pusat pendidikan untuk rantau Asia kerana ini ada potensi menjadi satu foreign exchange earner yang begitu lucrative. Negara kita sudah ada infrastruktur yang mencukupi untuk memainkan peranan sebagai center of education excellence di Rantau Asia. Pada tahun dahulu terdapat 15,000 pelajar dari luar negara dan angka ini dijangka akan naik. Ramai pelajar dari negara seperti China, India, Middle East dan lain-lain hendak belajar di Malaysia.

Mereka suka Malaysia sebab tahap pendidikan di sini adalah tinggi dan negara kita adalah satu negara yang multicultural, multilingual, aman dan selesa. Banyak yang belajar Bahasa Inggeris di sini sebelum pergi ke negara Amerika

Syarikat dan Kanada untuk melanjutkan pelajaran mereka. Walaupun kerajaan telah mengumumkan hasrat negara menjadi satu pusat pendidikan tetapi bagi saya, belum ada langkah serius dan insentif yang telah diberikan untuk mencapai hasrat ini. Di sini saya ingin membuat dua cadangan.

Yang pertama, kerajaan hendak relax entry requirement dengan izin, untuk pelajar terutamanya dari negara China dan India. Kita mesti memupuk imej sebagai satu student friendly country. Baru-baru ini pejabat imigresen tanpa notis kepada kolej swasta dan pelajar luar telah mengenakan fees tambahan RM500 untuk menukar sosial pass kepada student visa. Polisi ad-hoc secara ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, persepsi bahawa semua pelajar dari China datang ke Malaysia untuk bekerja sebagai GRO di karaoke atau kelab malam adalah salah dan tidak adil. Pada masa kini terdapat 49 pelajar Negara China di Universiti Islam Antarabangsa dan 5,792 lagi di Institusi pengajian tinggi swasta. Semua pelajar dari China ini diwajibkan melalui 12 atau 13 tahun pendidikan di negara sendiri sebelum datang ke Malaysia. Oleh itu kita tidak boleh ada prasangka yang semua pelajar China hendak jadi GRO sahaja. Sebahagian besar adalah Chinese student dan kita sepatutnya mesti mengadakan lebih promosi dan road show untuk menarik lebih ramai pelajar ke Malaysia dan bukan untuk menyekat kedatangan mereka.

Kedua, kita mesti membenarkan kolej swasta mengadakan program yang menarik kepada pelajar luar negara. Kita mesti menjadi lebih kompetitif dan mengadakan lebih bidang pelajaran. Jika pelajar dari Indonesia atau China hendak kursus tertentu, apa salahnya untuk membekalkannya. Sekarang, satu isu yang selalu dibangkitkan oleh pelajar luar negara adalah sebab mereka diwajibkan mengambil tiga mata pelajaran compulsory iaitu Bahasa Malaysia, Moral Studies dan Malaysia Studies oleh Lembaga Akreditasi Negara. Bagi saya, kebanyakan pelajar dari luar negara datang ke negara kita sebagai satu stepping stone ke negara ketiga seperti Amerika Syarikat. Oleh itu tiga mata pelajaran compulsory ini tidak lah begitu berfaedah untuk mereka dan tidak menggalakkan mereka untuk datang ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia mampu menjadi pusat pendidikan untuk rantau Asia. Kita mesti membangunkan industri pendidikan dan bergerak secepat mungkin sebelum negara-negara jiran mengambil kesempatan.

Sekarang, negara berhasrat untuk menjadi destinasi pelancongan yang penting tetapi bagi saya pelancong hanya datang ke sini dan belajar 3 hingga 7 hari sahaja....

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan ketuk ya, rosak ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan hujah-hujah rakan saya itu dan saya ingin minta penjelasan. Kalau kita hendak berniaga dengan jayanya, kita selalu mengatakan bahawa the customer is always right dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ertinya, customer kita datang ke sini untuk berbelanja sesuatu dan kalau dapat janganlah kita dengan cara yang unnecessary itu membebankan mereka, hendak meresapkan nilai-nilai yang tidak digunakan oleh mereka apabila mereka balik ke negara mereka sendiri dan macam mana kalau kita minta Lembaga Akreditasi Negara (LAN) ini dengan serta merta menilai semula metodologi, cara-cara yang akan membuat pelajar-pelajar dari negara lain itu bosan dengan cara kita mengendalikan wawasan kita yang hendak membuat Malaysia sebagai center of world learning.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih dan saya harap Setiausaha Kementerian Pendidikan ada di sini, dia akan ambil pandangan Yang Berhormat.

Akhir sekali saya hendak menegaskan sekali lagi, kita hendak jadi satu destinasi pelancongan dan bagi saya, pelancong hanya datang ke sini dan berbelanja 3 hingga 7 hari sahaja tetapi pelajar luar negara datang ke sini dan bayar yuran kolej, sewa rumah, shopping dan beli makanan untuk satu hingga tiga tahun dan apabila mereka datang ke sini, ibu bapa pelajar juga akan datang mengunjungi anak mereka. So bagi saya ini adalah juga satu cara untuk menarik pelancong.

Oleh itu saya harap kerajaan akan meliberalisasikan pendidikan tinggi untuk menarik lebih pelajar luar negara dan ini tentu akan meningkatkan prestasi ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Teluk Intan turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Rantau Panjang.

12.58 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih kepada Tun yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk sama-sama memberi ucapan menjunjung kasih di atas titah baginda minggu lepas.

Pertamanya, saya ingin menyebut di sini ialah walaupun ini merupakan satu pendedahan. Baru tiga hari yang lepas, pihak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun mengunjungi Kelantan dan telah menyampaikan surat watakah penurunan kuasa kepada beberapa orang penghulu-penghulu ataupun penggawa-penggawa di Kelantan iaitu bagi menambah bilangan mereka yang mempunyai kuasa untuk membasmi atau membanteras penyeludupan yang berlaku berleluasa di Kelantan.

Saya berterima kasih di atas apa yang telah disampaikan kepada pegawai-pegawai di Kelantan itu tetapi apa yang perlu saya dedahkan di sini ialah saya nampak cara penurunan kuasa kepada pegawai-pegawai di Kelantan itu menampakkan seolah-olah di Kelantan sahajalah tempat penyeludupan yang berlaku sama ada penyeludupan keluar ataupun penyeludupan masuk ke dalam negeri Kelantan.

Di sini saya ingin mendedahkan satu perkara yang sepatutnya diberi kuasa pula oleh pihak kementerian kepada pegawai-pegawai perikanan kerana apa yang kita lihat selama ini, akhbar-akhbar sentiasa mendedahkan penyeludupan di Kelantan, penyeludupan beras masuk ke Kelantan, penyeludupan minyak diesel dari Kelantan ke Thailand tetapi penyeludupan diesel yang besar kerana ini berlaku sampai peringkat beribu-ribu liter telah berlaku, penyeludupan melalui kapal laut dalam yang pihak kerajaan masih lagi tidak dapat membuktikan perkara ini tetapi ingin saya mendedahkan di sini, saya minta supaya pihak kerajaan dengan serta merta mengambil kesempatan untuk pergi terus ke beberapa pangkalan tempat kapal-kapal laut dalam termasuk Tok Bali dan sebagainya yang sekarang ini mereka ini mengambil kesempatan semasa pengisian air ke dalam kapal tersebut kemudian diambil kesempatan untuk mengisi minyak-minyak diesel dalam kapal itu sehingga berjuta-juta liter kemudian kapal ini terus ke laut dalam kerana ada berlaku penukaran minyak diesel ini di tengah-tengah laut ataupun di pulau-pulau atau kadang kala kapal ini berlabuh di Pelabuhan Selatan Thai khususnya di Songkla dan di pelabuhan-pelabuhan yang lain di Selatan Thai.

Saya harap oleh kerana perkara ini telah berlaku berbulan-bulan lamanya dan pengusaha-pengusaha kapal laut dalam ini merupakan orang-orang kaya, orang-orang kanan dalam parti ataupun orang-orang yang ada pengaruh dalam parti UMNO khususnya, saya menjangka perkara ini masih lagi tidak diketahui oleh pihak-pihak yang tertentu khususnya menteri yang berkenaan dan kalau perkara ini

diteruskan, kalau tidak diambil tindakan segera, saya yakin, saya percaya, pengeluaran ataupun penyeludupan minyak-minyak diesel melalui kapal laut dalam ini akan berlaku berterusan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat, kita sambung petang ini. Kita sambung petang ini Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mempunyai masa banyak lagi untuk berbincang berkenaan dengan Rancangan Jangka Panjang Ketiga, tiga hari kemudian ada pula Rancangan Malaysia Kelapan. Oleh yang demikian pada fikiran saya, tidak payahlah kita hendak melanjutkan Mesyuarat pada malam ini kerana masa, Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum berucap, bolehlah berucap dalam masa rancangan-rancangan yang saya sebutkan tadi. Lagipun kiranya hendak panjangkan, tidak semua akan boleh berucap, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siapa yang bercakap tadi? Rantau Panjang, sila sambung.

2.31 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai mukadimah sebentar tadi, saya telah menyeru kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya memerhatikan ataupun mengambil tindakan segera terhadap apa yang berlaku di persisiran pantai khususnya kepada kapal-kapal laut dalam yang mengambil kesempatan menyeludup minyak diesel ke negara jiran khususnya negara Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga mengambil peluang sedikit untuk mengucapkan menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Majlis Raja-Raja kerana telah membuat keputusan yang tepat dalam isu penggunaan kalimah 'Islam' ataupun perkataan Islam di dalam pertubuhan-pertubuhan politik ataupun lain-lain pertubuhan.

Saya yakin dengan keputusan tersebut, ada di kalangan pihak-pihak tertentu yang tidak puas hati dan merasa kecewa dengan keputusan itu, dan ini sudah

semestinyalah terdiri daripada ahli-ahli UMNO. Kalau dilihat kepada isu ini, nampak jelas kepada kita siapa yang lebih rasional di antara Majlis Raja-Raja dengan UMNO dan UMNO tidak melihat secara serius sebenarnya dalam perkara ini.

Kita lihat sejarah Islam yang berlaku di Turki dan di Indonesia di mana di Indonesia, parti Mahsumi, suatu masa dahulu iaitu salah satu parti Islam telah digugurkan oleh Kerajaan Indonesia pada waktu itu dan diganti dengan Panca Sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri. Shah Alam.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanyalah kepada Yang Berhormat ini, apa ada kena mengena keputusan Majlis Fatwa dan dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja ini dengan penggunaan nama 'Islam' dengan UMNO ini?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Barangkali semua rakyat telah mengetahui bahawasanya hasil daripada Perhimpunan Agung UMNOlah yang mendesak sewaktu itu supaya perkataan 'Islam' ini digugurkan atau tidak digunakan oleh mana-mana parti politik ataupun mana-mana pertubuhan. Kemudian desakan demi desakan yang dilakukan oleh ahli UMNO dan pemimpin UMNO, sehingga perkara ini dibawa kepada Majlis Fatwa dan Majlis Fatwa pula, oleh kerana barangkali tidak berani ataupun tidak mempunyai kuasa dalam bidang ini, diserahkan pula kepada Majlis Raja-Raja untuk menentu dan memutuskan perkara ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, berdiri lagi, boleh beri jalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Cukuplah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Berilah penjelasan tadi. Tadi soalan mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Selepas ini saya beri, Insya-Allah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Mana boleh beri. Itu semua tidak betul tu, bohong punya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kalau di Indonesia, parti Ma shumi telah digugurkan ataupun diharamkan oleh Kerajaan Indonesia dengan digantikan dengan Panca Sila dengan alasan atau tujuan supaya keselamatan negara terjamin, tidak jadi huru-hara dan sebagainya. Tetapi akhirnya kerajaan Indonesia juga tidak kekal walaupun perkataan 'Islam' ataupun parti Islam itu diharamkan di Indonesia.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun] [Mengetuk pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Tidak payah ketuk-ketuklah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, UMNO serah kepada Majlis Fatwa, bukan mencampuri cerita untuk menghapuskan perkataan 'Islam'. UMNO ada buat dalam Perhimpunan Agung pun ada menyebutkan PAS menyalahgunakan perkataan 'Islam' dengan pelbagai fatwa. Jadi, satu tindakan pun tidak diambil. Tetapi alhamdulillah, Majlis Fatwa dan Majlis Raja-Raja sudah buat keputusan dikekal tetapi ada suatu tindakan yang tegas akan diambil, itu yang kita hendakkan, tindakan tegas sekiranya PAS membuatkan sesuatu isu atau fatwa yang tertentu yang boleh mengelirukan akidah umat Islam. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Barangkali semua akhbar-akhbar telah melaporkan dan semua rakyat kecuali beberapa tokoh UMNO ataupun ahli-ahli UMNO yang barangkali cuba hendak melindungi hakikat yang sebenarnya. Saya tidak berhasrat untuk menghuraikan keadaan ini kerana semua rakyat telah mengetahui, memang itulah hasrat UMNO yang sebenarnya untuk menggugurkan perkataan 'Islam' dalam parti PAS khususnya dan dalam pertubuhan-pertubuhan NGO ataupun pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menambahkan di sini pesanan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat, Sri Gading, hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bagi habis ayat ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bagi habis dahulu ayat itu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya ingin juga menambahkan pesanan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan agar jangan cuba mengikut telunjuk mana-mana golongan yang berkepentingan politik dan politik sempit kerana ianya akan menjejaskan kewibawaan Majlis Fatwa itu sendiri. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Bagi saya sebenarnya tidak seperti yang dituduh oleh Rantau Panjang. Kalau PAS hendak gunakan nama Islam, tidak ada masalah. Seperti juga Tebrau kata tadi, yang kita tidak mahu ialah penyelewengan penggunaan nama Islam itu. Bagi saya, kalau PAS gunakan nama Islam, kalau dia menyeleweng, sebenarnya PAS akan rugi. Jadi, dari segi politik sebenarnya UMNO untung, kalau PAS menyeleweng, membuat ajaran karut, memberikan fatwa karut, PAS untung kerana ramai orang Islam faham tentang agama.

Oleh sebab kita sayangkan akidah orang Islam, itu sebabnya kita mohon supaya nama Islam itu tidak disalahgunakan oleh PAS, tetapi kalau PAS hendak salah gunakan lantak dialah *[Ketawa]* kerana orang Melayu akan tolak PAS kerana nama ini tidak boleh dikesan sangat. Macam satu warung di kampung saya, namanya Warung Sedap, makanan tidak sedap, orang pun tidak datang. *[Ketawa]* Nama tidak penting.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Kalau itulah hasrat yang sebenar UMNO, kita tidak payah bersusah-payah dan Majlis Fatwa pun tidak payah membawa perkara ini kepada Majlis Raja-Raja kalau tu hasrat sebenarnya. Tetapi semua rakyat telah mengetahui, bukan itu hasrat sebenarnya. *[Disampuk]*

Banyak lagi kerja-kerja Majlis Fatwa sebenarnya yang perlu diberi perhatian dan disuarakan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan mereka ini cuba mencetuskan perkara-perkara yang kabur yang dilihat ada kepentingan politik. Walau bagaimanapun, saya yakin hanya seorang dua sahaja daripada anggota Fatwa yang ingin perkataan 'Islam' dihapuskan atau dituliskan atau disebutkan di dalam mana-mana parti politik ataupun pertubuhan-pertubuhan ataupun persatuan-persatuan.

Saya juga ingin memberi peringatan kepada pemimpin-pemimpin UMNO termasuk dalam Dewan ini. Jangan terlalu ghairah dan gelojoh mendesak supaya

apa yang diputuskan oleh Majlis Raja-Raja dilaksanakan segera. Ini kerana saya berpandukan kepada beberapa perkara yang sebelum daripada ini iaitu umpamanya, kenapa pemimpin UMNO tidak melihat keputusan yang telah dibuat oleh Allah S.W.T. tentang judi, tentang arak, tentang riba, tentang hukum-hukum yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran yang telah lama digazetkan oleh Allah S.W.T. tetapi perkara ini semuanya dipinggirkan dan diketepikan oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai yang berdiri, Yang Berhormat. Mana hendak beri ini?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, Yang Berhormat. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia kasi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Buat apa beri kawan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sudah banyak kali. Dua di sana, sini satu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita yang dituduh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Rantau Panjang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa yang banyak melanggar keputusan Majlis Fatwa berhubung dengan langgar terhadap Islam ini ialah UMNO sendiri. Apakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa yang menyalahgunakan Islam ini ialah UMNO?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tidak usah mengaku ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36(6).....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu, dia jawab dahulu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang ke berapa Yang Berhormat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 36(6).

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Baca.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuduhan ini tidak benar, yang dibuat oleh Rantau Panjang ini. Kata UMNO berjudi, arak, tidak ikut Al-Quran

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dia boleh baca peraturan berapa? Peraturan berapa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hormat Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bukan, saya tanya peraturan berapa.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat pakai songkok.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Pont of order, peraturan berapa. Cuba baca sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu bukan Yang Berhormat bertanya, saya yang patut tanya.

[Beberapa Ahli menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuduhan, tuduhan...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 36(6).....ha inilah dia tuduhan, dakwaan.....tak baik...dah itu pula ulama kita tiga empat orang, ini semua betulkah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya setuju, saya pun setuju, terus yang lain Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Oh, nampaknya waktu saya buat tuduhan baru rasa tidak baiknya. Yang pemimpin UMNO berterabur tiga, empat hari ini apa dia? Semuanya baik?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Semua orang tahu tidak baik. Tidak kira, orang PAS pun ramai juga yang minum arak ini, serupa juga. *[Ketawa]* Terus yang lain, Yang Berhormat. Terus yang lain.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, nampak sekarang ini Ahli Parlimen, yang akhirlah, Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini saya berterima kasih banyak kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional khususnya yang berada di negeri Sabah dan Sarawak ini. Nampak di akhir-akhir ini bangun hentam kerajaan,

bangun hentam kerajaan. Jadi, barangkali hasil daripada pembangkang khususnya daripada PAS, DAP....

Tuan Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap, nanti, nanti. Cakap sedikit lagi ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hasil daripada DAP, hasil daripada PAS, hasil daripada Keadilan pergi bersyarah, beri penerangan, penjelasan di Sabah dan Sarawak barulah Ahli-ahli Parlimen

Tuan Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:dari Sabah dan Sarawak ini sedar dan dia juga terikut-ikut sama.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 36(6)

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:mendedahkan kelemahan-kelemahan kerajaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, dua orang ni ha, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, sekejap. Lepas pada ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa ini, apa tuduhan, Yang Berhormat?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Okay, okay. Nanti dulu. Tarik dulu, point of order. Saya cakap dulu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya bagi, saya bagi,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi yang mana, Yang Berhormat? Ya, Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ya, ini kawan. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat tetapi nampak-nampaknya Yang Berhormat cenderung membuat tuduhan-tuduhan liar. Kita wakil rakyat, Ahli Parlimen Barisan Nasional bukan hentam kerajaan. Kita memperbaiki struktur yang tidak begitu baik untuk memastikan bahawa apa juga langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan itu memberi manfaat kepada rakyat kerana PAS ini, pembangkang terutama sekali PAS, walau macam mana kerajaan hendak melakukan yang baik, salah langkah sedikit pun sudah salah, sudah zalim, *undemocratid*ah, bukan Islamlah, apa semua. Jadi, gaya-gaya

pembangkok kena ubah sikit. Jadilah pembangkang yang relevan, yang positif. Kalau macam ini nampaknya pilihan raya PAS kalah lagi teruk ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Cukup, cukup.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini hendak bersyarahkah atau minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Next time saya tidak bagi dah kalau hendak bersyarah. Memang jelas sekarang ini kita memerhati....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, sekejap. Perhabis dahulu.

Tuan Lim Hock Seng: Beri penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ha sila, DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha kawan, sila, sila. Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah Yang Berhormat. Yang Berhormat sebelum membuat.....

Tuan Lim Hock Seng: Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini, ini...dia bagi Bagan dahulu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa ini? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bagi Bagan dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha?

Beberapa Ahli: Bagan, Bagan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kawan, kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia bagi Bagan dahulu ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, dia bagi Bagan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Dalam dua, tiga hari ini perbincangan-perbincangan di dalam Dewan yang mulia ini nampak banyak ahli dari sebelah sana iaitu *Backbenchers*, mereka suka kritik kerajaan kerana mereka sudah tahu ada ramai rakyat jelata sudah bosan dengan kerajaan. *[Tepuk][Sorak]* Jadi, mereka pun ada merasa perkara itu. *[Disampuk]* Sama ada Yang Berhormat setuju dengan pendapat saya bahawa kapal ini sedang bocor *[Sorak]* dan mereka sedang meninggalkan kapal itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sama-sama bocor, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, memang nampaknya kapal sudah bocor, mereka hendak menampung se ndiri tidak berupaya. Jadi, dia orang mintalah supaya kerajaan pergi tampung kapal itu kerana sudah lama pihak pemimpin kerajaan tidak pergi tampung kapal-kapal yang sudah bocor di Sabah dan Sarawak sekarang ini.

Tuan Lim Hock Seng: Selamat sendiri dulu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat...Yang Berhormat...jangan sebut Sarawak kalau....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:....tidak bagi orang Sarawak. *[Yang Berhormat bagi Rantau Panjang menunjuk isyarat tanda memberi laluan]* Haaaa, macam itulah. Saya mintalah Yang Berhormat sudah bacakah *Hansard*. Saya sudah duduk di Parlimen ini 11 tahun lamanya. *[Disampuk]* Jadi, yang saya sedih itu Bagan itu terikut-ikut apa kata kawan di hujung sana. Kawan yang baru tidak pernah baca *Hansard*, tidak tahu *track record* orang di Parlimen boleh buat tuduhan liar, yang bohong, tidak berasas, yang tidak betul. Baca *Hansard* dahulu. Baca *Hansard* kalau hendak tuduh Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak pernah mengkritik kesalahan-kesalahan yang dibuat siapa sahaja, kita terbuka. Biasanya Parlimen ini memang kita selalu mencadangkan kepada kerajaan, membuat rancangan dan sebagainya. Kalau kurang tepat pandangan kita, kita beritahu. Baca *Hansard* sebelum buat tuduhan. Bagan jangan cakap bohong bersama. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng:*[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan ada apa-apa, Bagan? Duduk, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Dia tanya kepada saya, saya boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak ada, tak ada. Dia tanya kepada*[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekarang nampak jelas. Saya pun sepatutnya saya tidak dedah sekarang ini. Sepatutnya saya biarkan beberapa tahun lagi supaya terus menerus Ahli-ahli Parlimen bagi Sabah dan Sarawak ini kritik kerajaan terus menerus barulah menjelang pilihan raya 2004 itu kerajaan akan jatuh tetapi apabila saya dedah awal ini barangkali hari ini, petang ini, besok dia orang bangun tak hentam dah kerajaan barangkali. Itu kesilapan dekat saya tu. Patut saya biarkan dahulu sepatutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus yang lain Yang Berhormat ya. Masa ada tiga minit lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Labuan yang telah bercakap di Parlimen ini mengenai prihatinnya beliau terhadap keselamatan penumpang feri di kawasan beliau. Sepatutnya kerajaan mengambil iktibar terhadap apa yang telah berlaku sebelum ini seperti peristiwa penculikan berlaku di sempadan. Rampasan senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah, yang terbaru ialah peristiwa di Kampung Medan dan sekitarnya.

Kerajaan Barisan Nasional sentiasa terlewat dalam membuat keputusan dan tidak peka terhadap keselamatan rakyat. Masalah kemiskinan, kesesakan dan kepadatan, masalah sosial dan gejala tidak sihat tidak diberi tumpuan oleh kerajaan. Mungkin kerajaan ada kepentingan politik dengan membiarkan suasana buruk itu berterusan. Rakyat miskin memang selalunya kerajaan senang cucuk hidung. Kalau semua rakyat itu mempunyai pendapatan yang senang, selesa, mungkin payah bagi UMNO untuk cucuk hidung mereka itu. Sebab itu kita lihat di Sarawak khususnya sebahagian besar rakyat di Sarawak tidak mendapat tanah, tidak mendapat hak milik tanah kerana kalau mereka itu memberi kemudahan dengan memberi hak milik tanah, rakyat akan berpaling tadah, tidak lagi menyokong Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional tidak berhak untuk menekan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Gulung dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, tentulah. 20 minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sebab itu kita lihat apabila saya meninjau ke Sabah dan Sarawak, saya tengok sebahagian besar sekali ini rakyat Sabah dan Sarawak telah bangkit menentang kerajaan, rasa tidak puas hati kepada kerajaan kerana kerajaan suka melihat rakyat dia sentiasa berada dengan tekanan-tekanan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan teori ini banyak dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional khususnya di Terengganu waktu dahulu.

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: ...Kerajaan Terengganu apabila kita memerintah baru-baru ini kita lihat dengan jelas bahawasanya ramai di kalangan rakyat Terengganu, walaupun UMNO sendiri tidak diberi hak milik tanah kerana kalau Terengganu senang....

Tuan Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: ...untuk mengongkong mereka ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Apabila kita menang kita bagi kemudahan kepada kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Habis dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, habis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Habis, terima kasih, sorry.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, okay.
Saya bagi Shah Alam

Beberapa Ahli: Alahhhhhh.....

2.48 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya memanjat rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana mendapat kesempatan untuk turut serta membahaskan Usul Ucapan Terima kasih kepada Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun dibawa oleh Arau.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad meluahkan rasa kurang puas hatinya dengan tahap penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh rakyat di negara ini. Kebanyakan rakyat juga didapati tidak menunjukkan kesungguhan untuk mempelajari bidang itu khususnya komputer sedangkan kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan bagi memudahkan rakyat memperolehi manfaatnya.

Adalah suatu yang malang apabila segala kemudahan dan kesenangan yang disediakan tidak diambil kesempatan untuk dimanfaatkan. Apa akan terjadi kepada perancangan masa depan negara ke arah menjadi sebuah negara yang berasaskan k-ekonomi jika rakyat tidak menguasai ICT. Pelan induk k-ekonomi yang sedang digubal kerajaan juga akan menjadi sia-sia. Sikap malas dan enggan mengambil tahu mengenai perkembangan teknologi semasa menyebabkan rakyat tidak mendekati ICT. Ia sekali gus menyebabkan rakyat gagal memperbaiki diri dan kesan berangkainya menyebabkan jurang literasi digital yang sedia wujud semakin melebar. Sikap itu bukan sahaja merugikan diri sendiri, juga gagal memajukan masyarakat dan sekali gus menggagalkan usaha kerajaan untuk membentuk negara sebagai *hub* teknologi maklumat dan komunikasi di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan itu kesan sikap negatif rakyat yang enggan mempelajari dan menguasai ICT juga boleh menyebabkan negara gagal melahirkan pakar dalam bidang itu untuk dimanfaatkan dalam projek Koridor Raya Multimedia. Dalam hubungan ini adalah diharapkan negara ini mampu melahirkan lebih ramai pakar dalam pembangunan perisian komputer bagi memastikan gagasan penubuhan MSC mampu mencapai matlamat yang disasarkan. Justeru kerajaan digesa segera menggariskan strategi bagi melahirkan pakar dalam pembangunan perisian komputer. Kita tidak lagi boleh bergantung pada kepakaran dan teknologi yang dibawa masuk dari luar. Dengan wujudnya MSC kita wajar mencipta produk ICT kita sendiri sekali gus menyaingi kepakaran luar.

Kegagalan kita melahirkan pakar dalam pembangunan perisian menyebabkan hampir semua syarikat yang beroperasi di MSC menghadapi masalah

kekurangan sumber tenaga yang mahir dalam bidang tersebut. Justeru, masalah ini perlu menjadi cabaran utama kepada kerajaan dan MSC. Jika tiada masalah kekurangan tenaga mahir yang mampu mencipta dan membangunkan perisian komputer tidak diatasi segera, ia pastinya membelenggu perkembangan MSC ke peringkat seterusnya terutama dalam sektor seperti platform persekitaran, perniagaan dengan perniagaan atau B to B. Pembangunan perindustrian dianggap penting terutama untuk B to B kerana perkembangan ICT. Teknologi Internet selepas ini adalah dalam persekitaran perniagaan yang agak membentuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Minta maaf, ada 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak minta jalan. Dia tak bagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagilah member sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat. Dia tak bagi Yang Berhormat. Bagi? Ha, sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, dia dah bagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam, Yang Berhormat sebut kerajaan menggalak mempertingkatkan dalam bidang ICT. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan itu terutama sekali kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional itu sebagai menindas rakyat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bila saya menyuarakan cabaran yang harus dipikul oleh seluruh rakyat Malaysia ini untuk menguasai ICT ataupun dengan izin, Information Communication Technology ataupun yang sekarang ini dipanggil Information Communication Multimedia Technology (ICMT) kerana pada pandangan saya bahawa dunia teknologi ini akan menguasai zaman yang akan ada pada hari ini dan yang akan datang. Oleh kerana jurang literacy digital ini adalah masalah yang dihadapi oleh semua rakyat dalam Malaysia ini, saya mempunyai keyakinan bahawasanya peluang yang seluas-luasnya mesti dibuka kepada seluruh rakyat untuk menguasai bidang ini. Soal menindas ataupun tidak tak timbul kerana saya fikir bahawa dengan pembentangan belanjawan yang berasaskan kepada k-ekonomi dan pelancaran yang dibuat oleh

kerajaan terhadap MSC adalah satu ruang yang terbuka luas kepada seluruh rakyat untuk menguasainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya ada 12 pages.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi atau tak bagi. Tak bagi ya. Tak bagi cakap tak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi perkembangan dan kemajuan dunia yang begitu pantas sekarang, segala urusan diasaskan kepada perhubungan dunia digital. Hal ini termasuk urusan perdagangan yang menggunakan kaedah perdagangan elektronik, dan ringkasnya 'e-dagang'. Bagaimanapun, satu hal yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan berkaitan tahap penggunaan dan penguasaan e-dagang di kalangan syarikat peniaga atau orang ramai, keadaan ini mungkin disebabkan oleh faktor atau boleh juga dikatakan sebagai sindrom kurang kepercayaan kepada konsep perdagangan elektronik ini.

Sindrom kurang percaya kepada urus niaga e-dagang yang berasaskan melalui Internet ini menjadi punca juaibeli secara elektronik atau e-dagang ini masih di tahap minimum di negara ini. Perlu disedari bahawa kebanyakan syarikat yang menjalankan urus niaga melalui e-dagang ini menghadapi masalah untuk menarik pelanggan berikutan kurangnya keyakinan orang ramai terhadap sistem perdagangan maya ini. Justeru, adalah menjadi satu cabaran besar bagi syarikat yang menggunakan e-dagang untuk meyakinkan orang ramai bahawa urus niaga melalui Internet adalah selamat. Masalah ini sekali gus menjadi halangan utama kepada kemajuan e-dagang di negara ini. Adalah menjadi harapan agar masalah ini diberi perhatian dengan semua pihak memainkan peranan untuk mendidik dan memupuk keyakinan orang ramai terhadap kebaikan dan manfaat yang disediakan melalui e-dagang.

Di sini jelas bahawa halangan utama bagi e-dagang berkembang di Malaysia bukannya kerana kekurangan pengetahuan tentang bagaimana untuk mendapatkan faedah daripada Internet, sebaliknya kerana orang ramai kurang percaya terhadap media yang digunakan ini. Justeru, para pengusaha yang terlibat dalam e-dagang perlu melengkapkan perniagaan mereka dengan mendapatkan sijil SSL Server yang menyediakan pengesahan laman web dan kerahsiaan data kepada inkripsi kukuh

128 bit. Dengan sivil berkenaan usaha seseorang penggadam komputer untuk memecahkan inkripsi atau mencerobohi akaun mereka yang mengurus niaga akan mengambil masa bertrilion tahun. Secara bandingannya, sebuah inkripsi 40 bit biasa yang berada di pasaran kini menawarkan tahap keselamatan yang terhad kerana penyagak atau penggadam komputer hanya memerlukan beberapa minggu sahaja untuk memecah masuk dan mencerobohi komputer.

Tuan Yang di-Pertua, justeru meningkatkan tahap keselamatan e-dagang sekali gus membolehkan syarikat-syarikat mengambil kesempatan penuh daripada kecekapan Internet termasuk penyelidikan dan penebusan pasaran yang semakin tinggi dan juga membolehkan zaman Internet benar-benar berkembang di Malaysia. Kerajaan juga seharusnya memberikan tumpuan khusus kepada sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menceburi perniagaan melalui e-dagang. Ini kerana syarikat IKS menjadi satu tunjang kepada ekonomi tempatan. Jika syarikat IKS menyertai e-dagang secara sepenuhnya, negara ini bakal menyaksikan perubahan keseluruhan senario perdagangan dan ekonomi tempatan. Perkara ini tidak mustahil berlaku walaupun setakat ini syarikat gergasi terkemuka termasuk syarikat multinasional yang berani melaksanakan urus niaga melalui e-dagang.

Perubahan dan kemajuan yang dicapai oleh dunia melalui sesuatu revolusi jelas merubah kehidupan manusia. Selepas era revolusi perindustrian, dunia diperkenalkan dengan era revolusi teknologi maklumat, telekomunikasi dan Internet. Menyedari bahawa setiap kemunculan era revolusi negara kita sentiasa tertinggal di belakang dan akhirnya menjadi pengikut dan bukannya peneraju sesuatu era dalam hal kita perlu bersedia daripada sekarang untuk menghadapi era selepas teknologi maklumat, telekomunikasi dan Internet.

Tuan Yang di-Pertua, kalangan pemikiran revolusi kini menjangkakan selepas era teknologi maklumat, telekomunikasi dan Internet akan muncul satu era yang dikuasai oleh industri biotechnology. Industri ini dikatakan akan menjadi bidang yang paling pesat berkembang dan mendapat tumpuan utama masyarakat seluruh dunia dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang dan sekali gus mengambil alih tempat teknologi maklumat, telekomunikasi dan Internet yang menguasai dunia hari ini. Ini kerana ada yang berpendapat perkembangan teknologi maklumat, telekomunikasi dan Internet hari ini sebenarnya sudah lengkap, manakala industri biotechnology menjadi, dengan izin, the next bitting.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat ini ada kewajarannya di mana biotechnology akan menguasai pertumbuhan ekonomi pada masa depan. Aspek seperti kajian tentang genetic, chromosome dan penyelidikan bagi mencegah barah contohnya sudah menjadi bidang yang akan memberi leverage kepada sesiapa sahaja atau negara yang menguasainya terlebih dahulu. Justeru, kerajaan seharusnya memandang jauh ke depan dengan mempersiapkan diri untuk menghadapi satu lagi era baru kemajuan dunia. Jika bidang ini dapat kita kuasai terlebih awal bermakna dunia akan kita kuasai. Tetapi jika kita terus membiarkan orang lain mendahului kita akan terus ketinggalan dan akan lebih terus bertaraf negara pembeli teknologi dan bukannya sebagai negara pelopor teknologi. Dengan menjadi sebuah negara pelopor teknologi, kelebihan tentunya berpihak kepada kita dari segala segi termasuk penguasaan ekonomi. Ini kerana negara kita akan menjadi sebuah negara pengeksport teknologi. Perkara ini bukan sesuatu yang mustahil jika bermula daripada sekarang kita merintis jalan ke arah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan membangunkan ekonomi negara untuk mencapai tahap global, satu perkara penting yang mesti diberi tumpuan ialah kelemahan ekonomi orang-orang Melayu dan bumiputera. Masalah ini jika kita tidak beri perhatian, lambat-laun jurang ekonomi antara Melayu bumiputera dan bukan bumiputera akan terus melebar di negara ini. Ini kerana pembangunan ekonomi negara untuk bersaing dalam sistem perdagangan bebas di masa depan akan menjadi orang-orang Melayu dan bumiputera terus ketinggalan berikutan kegagalan bersaing. Masalah kelemahan ekonomi Melayu dan bumiputera mungkin dianggap bukan satu isu baru, tetapi hakikatnya kerajaan perlu sedar dan mengambil pengajaran atas catatan peristiwa hitam negara berikutan perbezaan dan jurang ekonomi antara kaum. Melihatkan kepada angka dan fakta barulah kita mengetahui dan menyedari akan situasi sebenar ma salah yang dihadapi ini.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi satu seminar bertajuk 'Pelaburan Beretika Menurut Islam' anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 13 dan 14 Februari 2001 yang lalu dimaklumkan tentang angka dan fakta tentang ekonomi Melayu yang mencemaskan serta meninggalkan banyak tanda tanya yang mungkin sukar untuk dijawab. Malah secara langsung menjadikan kita berada dalam kebingungan, sedang peluang untuk maju sentiasa terbuka untuk semua. Pemilikan modal saham bumiputera misalnya hanya sekadar 19.4% pada tahun 1999, bumiputera hanya memiliki 20% syarikat sahaja daripada keseluruhan syarikat yang

berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Syarikat, tetapi kebanyakan syarikat bumiputera itu pula mempunyai saiz ekuiti yang kecil pula berbanding dengan syarikat bukan bumiputera dan syarikat asing. Jika ditinjau kepada peluang-peluang yang telah dibuka kepada rakyat untuk meningkatkan ekonomi dan pelaburan termasuklah pelaburan yang berasaskan Islam, maka kita dapati peluang tersebut amat banyak dan terbuka. Antaranya di sektor perbankan, pengantara kewangan bukan bank seperti Syarikat Takaful, Tabungan Kredit Perumahan, Tabung Haji, pengurusan zakat, wakaf dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga pasaran kewangan luar pesisir, tukaran asing, se kuriti saham unit amanah dan sebagainya.

Ketiga-tiga kategori sistem kewangan ini mempunyai lembaga syariahnya sendiri yang telah berusaha untuk memberikan input syariah agar ia sesuai dengan nilai dan kehendak ajaran Islam supaya dengan itu bumiputera Islam mempunyai alternatif dalam menjalankan aktiviti perekonomian dan kewangan mereka berlandaskan prinsip Islam.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, hakikatnya perangkaan dan peratusan yang ada sekali lagi menggambarkan keadaan yang meyedihkan. Jumlah aset perbankan Islam umpamanya adalah kurang daripada 5% daripada jumlah keseluruhan aset dalam sistem perbankan. Aset kumpulan wakaf Takaful, wang Takaful hanya 2.2% daripada keseluruhan aset kumpulan wang syarikat insurans pada tahun 1999.

Tidak dinafikan kerajaan memainkan peranannya dalam banyak hal bagi memastikan taraf ekonomi rakyat sentiasa berkembang. Antaranya termasuk pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Tetapi harus diingat kegagalan DEB patut dijadikan pengajaran dan tidak berulang kepada DPN. Jangan sampai apabila tempoh DPN tamat kita sekali lagi gagal mencapai sasaran yang ditetapkan dan baru hendak tercari-cari di mana silapnya.

Kelemahan ekonomi kaum bumiputera di negara ini bolehlah disamakan dengan kelemahan pencapaian pelajar-pelajar bumiputera sama ada di peringkat sekolah mahu pun di universiti. Jalan penyelesaian paling mudah sebenarnya adalah di tangan mereka sendiri terutamanya dari segi menyusun strategi pembelajaran dan menentukan jadual keutamaan dalam kehidupannya sebagai pelajar.

Satu lagi hakikat yang perlu disedari berkaitan masalah kelemahan pelajar bumiputera ini iaitu bilangan pelajar bumiputera yang berjaya menamatkan pengajian adalah lebih kecil daripada bilangan yang mendaftar masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Setiu. Hendak beri jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Mengikut satu statistik di sebuah fakulti di universiti tempatan, daripada 80 pelajar yang mendaftar, cuma 20 pelajar fakulti terbabit berjaya menamatkan pengajian mereka selama empat tahun mengikut tempoh yang ditetapkan. Yang menyedihkan ada pelajar bumiputera yang mula seawal semester kedua lagi, selebihnya, ada yang berhenti separuh jalan atas pelbagai alasan, diberhentikan setelah lebih tiga kali gagal dalam kertas peperiksaan yang sama dan ada yang dilanjutkan pengajian kerana masih belum menamatkan beberapa kursus peperiksaan wajib.

Sebenarnya, punca segala masalah ini adalah kerana sikap negatif pelajar bumiputera itu sendiri yang membelenggu mereka. Antaranya suka ponteng kelas, tidak serius dalam pelajaran, suka berfoya-foya terutama selepas menerima duit pinjaman pendidikan, malas mengulang kaji pelajaran, suka menanggung tugas yang diberikan, suka menghabiskan masa dengan bercinta dan cepat bosan terutama bagi mereka yang gagal menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun punca dan alasan, perkara utama yang harus diatasi adalah dengan mengubah sikap pelajar-pelajar bumiputera itu terlebih dahulu. Ini mesti dilakukan atas inisiatif mereka sendiri. Kerajaan serta pelbagai pihak telah menyediakan banyak kemudahan yang cukup selesa kepada para pelajar. Segala kemudahan itu hendaklah digunakan sebaik mungkin. Ini kerana tugas mereka hanya perlu belajar demi kebaikan dan masa depan dan bukannya merosakkan diri sendiri.

Baru-baru ini, ketika keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, kita sekali lagi dkejutkan dengan masalah dalam bidang pendidikan. Adalah suatu yang malang apabila hampir 50 ribu pelajar gagal memperolehi sijil SPM berikutan kegagalan mereka mencatat keputusan lulus dalam mata pelajaran bahasa Malaysia. Bukankah bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di negara

ini menggunakan bahasa Malaysia, tetapi mengapa masih ada pelajar yang gagal dalam mata pelajaran itu. Di mana silapnya, apa punca dan siapa yang harus dipertanggungjawabkan atas kegagalan itu?

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan memastikan seluruh rakyat pendidikan yang sempurna dalam erti kata memiliki sijil bagi sesuatu tahap pendidikan, kita dikejutkan dengan laporan 600 pelajar di tiga buah sekolah di Gua Musang, Kelantan gagal membayar yuran peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia berikutan masalah kemiskinan dan kesempitan hidup keluarga pelajar terbabit yang rata-ratanya adalah pekebun kecil kelapa sawit. Walaupun masalah ini dapat diselesaikan kemudiannya, namun ia patut dijadikan pengajaran dan iktibar kepada semua pihak agar ianya tidak terulang di tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka menghadapi masalah untuk membayar yuran peperiksaan, bayangkan apa yang mereka dapat lakukan untuk meningkatkan taraf pendidikan mereka ke arah memperbaiki kehidupan. Justeru, saya mencadangkan satu skim bantuan khas pelajar miskin atau tabung khas pelajar miskin diwujudkan. Skim atau tabung khas ini bukan sahaja boleh digunakan untuk membantu pelajar miskin membayar yuran peperiksaan, malah boleh juga digunakan sebagai tabung bantuan rawatan kesihatan pelajar, tabung bantuan kecemasan bagi pelajar yang ditimpa malang dan tabung bantuan pelajar cacat.

Sebenarnya, masalah ini berkait rapat dengan latar belakang keluarga pelajar terbabit yang rata-ratanya sebagai pekebun kecil kelapa sawit yang terjejas teruk atas kejatuhan harga komoditi utama negara itu. Kesannya sebahagian besar daripada 237,564 pekebun kecil kelapa sawit kini mengalami keperitan hidup. Sebelum ini, ketika lain-lain sektor pekerjaan dihimpit kesusahan sewaktu negara dilanda kegawatan ekonomi pada tahun 1997/1998, para pekebun kecil kelapa sawit tidak terjejas kerana harga minyak sawit tetap di paras tinggi. Malah pendapatan negara hasil eksport minyak sawit telah menjadi penimbal kepada hentakan teruk kejatuhan nilai ringgit ketika itu. Bagaimanapun, sebagaimana lain-lain komoditi utama, minyak sawit juga terdedah kepada pasang surut harga pasaran dunia.

Setakat ini kita belum mengetahui jumlah sebenar pekebun kecil yang benar-benar terhimpit kerana belum ada pihak yang tampil menjalankan kajian untuk mendapatkan perangkaannya. Memandangkan harga minyak sawit masih tidak menentu, nampaknya kita perlu segera mendapatkan perangkaan pekebun kecil

kelapa sawit yang terjejas teruk dengan tepat bagi memudahkan kerajaan menyediakan pelan untuk mengatasi dan menangani masalah mereka.

Kita juga mengalu-alukan langkah tiga kementerian, iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pertanian dalam menangani masalah pekebun kecil kelapa sawit dengan duduk semeja bagi membincangkan masalah mereka. Keputusan kerajaan mengeluarkan peruntukan khas berjumlah RM500 juta sebagai bantuan segera bagi menangani masalah kejatuhan harga kelapa sawit dan membela nasib pekebun kecil dilihat adalah wajar dan tepat pada masanya.

Bagaimanapun, memandangkan masalah yang berlaku menimbulkan kesan yang agak mendadak dan belum nampak bila ianya akan berakhir, satu pelan jangka panjang perlu dirangkakan segera agar masalah seumpama itu tidak berulang walaupun pelbagai situasi berlaku di peringkat lain. Itulah sebabnya perangkaan yang lebih jelas amat diperlukan segera. Perlu diketahui jumlah pekebun kecil yang terlibat dalam masalah sampingan mereka yang dihadapi secara mendadak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya gulung ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini adalah wajar kerajaan mewujudkan satu mekanisme baru berbentuk jangka panjang untuk menangani kegawatan pekebun kecil kelapa sawit. Antaranya dicadangkan kerajaan mewujudkan satu tabung khas sama ada bertujuan untuk menstabilkan harga atau sebagai payung kebajikan kepada para pekebun kecil apabila mereka berhadapan dengan situasi gawat ini.

Cadangan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia supaya kerajaan menubuhkan Tabung Penstabilan Harga wajar dipertimbangkan dan dikaji secara mendalam mekanismenya. Cadangan itu dilihat ada kebaikannya tetapi mekanisme dan punca atau sumber kewangannya perlu diteliti serta perancangan lanjut perlu juga diberi perhatian. Ini kerana tabung berkenaan akan memainkan peranan sebagai alat untuk memberikan subsidi harga kepada para pekebun kecil dan ini bererti kerajaan terpaksa menyediakan satu peruntukan yang besar.

Selain itu, dalam masa yang sama golongan yang bekerja sendiri dan berpendapatan tidak tetap seperti pekebun kecil, petani dan nelayan perlu dilindungi melalui satu skim kebajikan khas yang mungkin boleh diasaskan seperti skim insurans jaminan saraan. Ini adalah wajar kerana golongan terbabit tidak dilindungi

oleh sebarang faedah perkhidmatan seperti yang dinikmati oleh para pekerja sektor swasta dan awam yang dilindungi melalui skim KWSP, pencen, rawatan perubatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedia menerima penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah habis masa Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak ada. Kalau tidak ada, saya ucapkan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuaran.

3.10 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas Titah Ucapan Diraja.

Elakkanlah perkara-perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum kerana ini boleh menjejaskan kemakmuran dan kestabilan politik. Begitulah antara saranan yang dititah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya pada 19 Mac 2000 di Dewan yang mulia ini.

Bagi pihak rakyat yang saya wakili di Tuaran, Sabah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tersebut kerana saranan itu sememangnya kena pada tempat dan masanya. Kita akui bahawa kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah banyak melaksanakan program ke arah memupuk perpaduan di kalangan rakyat kita yang berbilang kaum dan berbilang keturunan.

Namun demikian, harus juga kita akui bahawa negara kita belum lagi mencapai satu suasana hubungan kaum yang dicita-citakan sejajar dengan Wawasan 2020 iaitu mendirikan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Beberapa insiden kebelakangan ini yang melibatkan pergaduhan di antara dua suku bangsa yang berlainan di negara kita memberi ingatan dan keinsafan kepada kita bahawa perpaduan yang ada setakat ini masih berada di tahap yang *superficial* dengan izin.

Selama ini masyarakat Malaysia pada luarnya kelihatan punya hubungan muhibah dan harmoni melalui amalan kunjung-mengunjungi semasa perayaan-perayaan yang diamalkan oleh suku-suku bangsa yang ada di negara ini. Tetapi

setelah negara kita dikejutkan dengan insiden Jalan Klang Lama baru-baru ini yang telah melibatkan kehilangan nyawa, maka kita tidak lagi boleh membiarkan hubungan kaum rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini pada tahap kepura-puraan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara yang telah turun padang ke Taman Medan untuk melihat dengan sendiri insiden yang mengerikan itu pada hari yang sama. Ini membuktikan bahawa agensi kerajaan amat serius dalam soal perpaduan. Dalam soal ini, parti saya iaitu UPKO akan terus memberi sokongan kepada semua langkah Kerajaan Barisan Nasional yang berkemampuan untuk mempertingkatkan lagi perpaduan nasional.

Dalam masa yang sama kita juga harus sedar bahawa banyak faktor yang mempunyai kesan secara langsung kepada hubungan antara kaum dan seterusnya terhadap perpaduan nasional yang berada di luar skop program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan mahupun Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu sendiri. Misalannya, dalam soal ketidakseimbangan pembangunan di bandar dan di luar bandar dan juga ketidakseimbangan pencapaian dalam ekonomi di kalangan suku-suku bangsa yang ada di negara ini.

Satu lagi contoh Tuan Yang di-Pertua, ialah kadang-kadang ada pihak yang merasakan dirinya tertindas atau mengalami diskriminasi dalam soal pelantikan jawatan-jawatan dalam kerajaan. Dan apabila pihak ini merasa didiskriminasikan atas perkiraan suku bangsa dan agama, maka orang ini akan merasa kecewa, marah dan kesal. Dan sekiranya perasaan-perasaan negatif seperti ini tidak dapat diluahkan dengan harapan mendapat penyelesaian yang baik, maka perasaan ini akan terpendam menunggu masa untuk meledak bak kata pepatah "*Bagai api dalam sekam*", yang membawa maksud sesuatu fitnah atau pendendam yang berlaku dan sembunyi-sembunyi dan sesudah memuncak barulah diketahui dengan mengejut.

Kadang-kadang juga terdapat gaya hidup yang dikaitkan dengan suku-suku tertentu yang boleh menyinggung perasaan suku kaum yang mengamalkan gaya hidup yang lain. Oleh kerana perkara ini adalah perkara yang agak sensitif dan jika sekiranya perasaan ini tidak dapat diluahkan dengan cara yang boleh diterima dan seterusnya mendapat penyelesaian, maka sekali lagi perasaan yang terpendam ini akan menunggu masa untuk meledak dan akhirnya apabila meletup akan memberi kesan yang amat buruk kepada hubungan antara kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji semua perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum seperti mana yang ditegaskan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jawatankuasa Kabinet ini boleh menerima semua bentuk perasaan yang terpendam daripada rakyat khususnya perkara-perkara yang melibatkan hubungan antara kaum di negara ini.....

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau:saya juga mencadangkan supaya Jawatankuasa Kabinet yang serupa di

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau:ditubuhkan, diwujudkan di semua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Aman ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau:saya teruskan sebab

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beri jalan?

Tuan Wilfred Madius Tangau:panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okay, *[Ketawa]* masa tidak cukup.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau:supaya Jawatankuasa Kabinet yang sama juga ditubuhkan di setiap negeri. Sebagai contoh kalau ada di kalangan pekerja sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta yang merasakan diri mereka dipinggirkan, ditindas ataupun ditukarkan ke tempat-tempat yang bertentangan dengan kehendak kerja atau di luar tatacara yang biasa dan pihak yang terbabit, yakin bahawa perkara-perkara tersebut telah dilakukan atas perkiraan suku kaum ataupun agama, maka mereka boleh membuat aduan rasmi kepada Jawatankuasa Kabinet dan seterusnya boleh mengambil langkah-langkah penyelesaian yang berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak-pihak yang terbabit tidak perlu menunggu sehingga kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet untuk menangani perkara yang amat penting ini.

Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kepada semua kerajaan negeri dan semua kementerian, jabatan, agensi dan syarikat kerajaan supaya memperbaiki keharmonian hubungan kaum di organisasi masing-masing. Jika masih ada institusi kerajaan yang mempunyai masalah diskriminasi dalam pelantikan ataupun dalam kenaikan pangkat, maka keadaan ini hendaklah diperbaiki dengan kadar yang segera apatah lagi apabila ini ada kait mengait dengan soal suku bangsa. Jika sekiranya ada pegawai yang dahulunya berpangkat tinggi tetapi pada hari ini hanya bertaraf Perunding Cara ataupun Consultant yang tidak ada apa-apa tugas hanya kerana pegawai tersebut datangnya daripada suku kaum tertentu, perkara ini haruslah diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengambil langkah-langkah positif ke arah mempertingkatkan lagi kefahaman serta pengenalan di antara suku-suku bangsa yang ada di negara kita. Untuk ini kerajaan harus menjalankan penyelidikan yang menyeluruh tentang latar belakang dan adat istiadat, budaya, sistem kepercayaan serta amalan setiap suku kaum yang ada di negara kita. Seterusnya apabila maklumat-maklumat seperti ini sudah diperolehi kerajaan hendaklah menyampaikan maklumat tersebut kepada seluruh rakyat melalui persatuan-persatuan, badan-badan bukan kerajaan, parti-parti politik, dalam sistem pendidikan dan seumpamanya. Dan ini semuanya boleh dibuat dalam bentuk buku mahupun dalam bentuk media elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memulakan Perayaan Gawai dan juga Pesta Keamatan di peringkat nasional di Kuala Lumpur mulai tahun lepas dan juga tahun ini, mudah-mudahan dengan pesta ini dapatlah suku-suku bangsa di Kuala Lumpur, di Semenanjung ini dapat memahami dengan lebih dekat lagi dua suku bangsa yang terbesar di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran sebanyak 57,179 orang rakyat Republik Filipina yang telah diberi status pelarian di negara kita sejak tahun 70'an juga menjadi salah satu perkara yang boleh merenggangkan hubungan kaum di negara kita. Dalam soal ini dasar kerajaan untuk menangani perkara ini yang berbunyi "*Kalau mereka mahu balik ke negara asal, mereka boleh berbuat demikian.*"

Sebaliknya kalau mereka mahu tinggal di negara ini mereka juga boleh berbuat demikian.” Dasar ini bolehlah dikatakan sebagai *‘Endah tidak endah’* dan kesannya masalah ini akan berterusan tanpa penghujungnya

Kerajaan harus mengambil kira perasaan rakyat Malaysia terhadap pelarian tersebut. Setakat ini belum lagi ada insiden pergaduhan di antara rakyat Malaysia dan pelarian tersebut yang tidak diingini. Yang pasti pada ketika ini ialah rakyat mempunyai anggapan dan persepsi yang pelbagai terhadap pelarian Filipina ini, ada yang negatif dan ada juga yang positif. Ada juga perasaan benci yang sudah mula timbul. Persoalannya pada hari ini ialah apakah kehadiran pelarian ini akan berakhir dengan peristiwa Sampit di Kalimantan. Apakah kerajaan telah membuat perkiraan-perkiraan seperti ini ataupun kerajaan masih mahu mempertahankan dasar *‘Endah tidak endah’* dengan soal pelarian Filipina di Sabah.

Jika kita tidak serius terhadap isu ini, maka faktor pendatang bertaraf pelarian ini akan menjadi titik mula kejatuhan atau kemusnahan perpaduan kaum dan keharmonian dan kemakmuran di negara ini.

Yang sedihnya Tuan Yang di-Pertua, pelarian Filipina ini hidup berkeliaran di merata-rata tempat di Sabah. Dan apa juga langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan setakat ini belum lagi menampakkan hasil yang memberangsangkan. Barangkali inilah dia akibat dasar *‘Endah tidak endah’*.

Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewajibkan kepada semua Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung (JKKK) ataupun JKDB di seluruh negara supaya memberi laporan kepada Pengerusi, Majlis Keselamatan Daerah tentang kehadiran pelarian ataupun pendatang tanpa izin di kampung masing-masing. Laporan ini hendaklah dihantarkan pada tiap-tiap bulan. Majlis Keselamatan Negara dalam soal ini harus menyediakan borang-borang laporan tersebut dan ianya boleh diedarkan di semua pejabat-pejabat daerah di seluruh negara dan kepada mana-mana JKK atau JKDB yang gagal memberi laporan, mereka boleh diambil tindakan yang tegas oleh pihak kerajaan.

Kehadiran pendatang tanpa izin di Sabah yang dianggarkan di antara 100,000 hingga 200,000 orang juga mempunyai kesan sampingan terhadap perpaduan nasional jika sekiranya tidak ditangani dengan segera kerana timbulnya masalah besar kepada negara seperti keselamatan dan pencemaran alam sekitar. Kehadiran PTI khususnya di Sabah sudah mencapai tahap yang amat membimbangkan.

Saya sedia maklum dengan pelbagai langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan dalam soal ini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan beberapa langkah-langkah tertentu yang harus diambil oleh kerajaan seperti berikut:

- (i) janganlah sekali-kali dibenarkan PTI ini menjalankan perniagaan walaupun dengan menggunakan lesen yang disewakan oleh orang tempatan. Tindakan keras harus diambil kepada kedua-dua pihak dalam soal ini;
- (ii) yuran perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan harus dinaikkan terhadap PTI yang meminta rawatan di hospital-hospital kerajaan;
- (iii) hukuman keras harus juga dikenakan kepada PTI yang didapati kembali ke negara ini setelah dihantar pulang dan kerajaan harus mempunyai sistem mengesan PTI yang telah dihantar dan setelah dihantar balik, dia kembali ke negara ini;
- (iv) pendatang tanpa izin yang dihantar pulang hendaklah diberi tanda supaya senang dikesan jika sekiranya mereka balik ke negara ini secara haram;
- (v) janganlah biarkan rakyat tempatan menyewakan tanah atau rumah mereka kepada pendatang tanpa izin. Tindakan tegas harus diambil kerana tindakan orang-orang seperti ini boleh memudaratkan kedaulatan serta keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kita juga harus berhati-hati menangani faktor-faktor politik yang boleh merenggangkan hubungan kaum. Kita bersyukur di Negeri Sabah kerana parti-parti politik yang melampau seperti yang ada di Semenanjung ini tidak ada di Sabah [*Ketawa*]. Sebab itu setakat ini kita masih aman lagi. Mudah-mudahan yang satu parti pembangkang yang di Sabah itu akan bersama-sama dengan kita di Barisan Nasional tidak lama lagi, mudah-mudahan. Setakat ini di Sabah kita bersyukur kerana keharmonian kaum serta juga keharmonian politik masih pada tahap yang terbaik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tahniah negeri Sabah!

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya berharap kerajaan akan terus berpegang pada lunas-lunas dan prinsip yang adil dalam semua perkara termasuklah kerajaan dan Kabinet yang baru dibentuk di Sabah ini supaya dalam

semua perkara terutama sekali dalam soal perkongsian kuasa. Jangan sekali-kali ada pihak yang tersisih atau terpinggir atas nama suku kaum atau agama. Kita khuatir jika ada perkara-perkara yang meminggirkan atau menindas mana-mana pihak tertentu, rakyat yang merasa diri mereka ditindas atau mereka merasa tidak adil, kita takut pula ada parti KeADILan dari Semenanjung datang ke Sabah. Kita tidak suka kumpulan-kumpulan seperti ini datang ke sana sebab kita tidak mahu huru-hara jalanan seperti apa yang berlaku di Kuala Lumpur, budaya seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukurlah walaupun negara kita menghadapi pelbagai cabaran dari segi ekonomi dan juga dari segi politik, tetapi setakat ini oleh kerana kita mempunyai satu sistem perkongsian kuasa yang dianjurkan dan diperkenalkan oleh Barisan Nasional masih lagi dapat meneruskan keharmonian politik, keharmonian perhubungan kaum dan kita berharap dengan institusi politik yang telah dimulakan dan diteruskan di negara kita Malaysia ini, kita akan dapat terus mempertahankan kemakmuran dan juga keharmonian politik negara kita. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh. Si Hitam tak dapat. *[Ketawa]*

3.28 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah teruskan Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kenaikan gaji sebanyak 10% untuk semua kakitangan kerajaan sebelum Pilihan Raya Umum 1999 merupakan satu tindakan yang tidak ikhlas daripada kerajaan kerana kesemua pegawai kerajaan dan rakyat jelata yang tidak menikmati kenaikan yang sebenar tetapi mereka dipaksa menghadapi kenaikan harga bagi hampir semua harga barangan dan perkhidmatan keperluan asas. Misalnya, semua ubat akan dinaikkan harga sebanyak 10%. Para penumpang bas khususnya mereka yang duduk di kawasan Lembah Klang terpaksa menghadapi kenaikan harga tambang bas. Pengguna sekarang juga terpaksa membayar lebih untuk bahan keperluan asas iaitu air. Selain itu para pengguna kelihatan akan membayar lebih untuk satu lagi bahan keperluan asas tidak lama lagi iaitu elektrik selepas Rompin

dilantik menjadi Pengerusi TNB.[*Sorak*] [*Tepuk*]. Begitu juga dengan harga tambang kapal terbang MAS.

Semua kenaikan harga barangan dan perkhidmatan tersebut membayangkan kerajaan sebenarnya menggunakan cara membenarkan kenaikan harga untuk kesemua jenis bahan dan perkhidmatan keperluan oleh institusi kerajaan yang telah diswastakan untuk menebus balik gaji yang dinaikkan untuk para kakitangan kerajaan. Di antara barangan dan perkhidmatan yang mengalami kenaikan harga ini, kenaikan yang paling mencetuskan kemarahan rakyat adalah kenaikan harga air.

Penduduk di kawasan Lembah Klang mempunyai banyak sungutan terhadap pembekalan air oleh Jabatan Bekalan Air Selangor (JBA). Penduduk di sini selalu menghadapi masalah pemutusan air tanpa notis, air yang kotor dan paip bocor. Tambahan pula mereka juga selalu menghadapi masalah apabila menghubungi pegawai JBA. *Hotline* JBA Selangor selalunya sama ada berbunyi tanpa dijawab ataupun pegawai yang bertugas di *hotline* sentiasa menunjukkan sikap yang buruk sehingga para pengguna terpaksa menyalurkan aduan mereka kepada wakil rakyat seperti saya [*Tepuk*] sehingga pejabat saya juga seolah-olah menjadi cawangan daripada JBA Selangor.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Mengejek*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Pengakuan kerajaan bahawa 40% daripada bekalan air yang hilang melalui paip bocor pun menunjukkan prestasi JBA Selangor yang begitu buruk. Perkhidmatan JBA Selangor yang jauh daripada memuaskan ini pun menyebabkan para pengguna berasa marah apabila JBA ingin menaikkan tarif air.

Walaupun kerajaan menggunakan alasan bahawa JBA tidak menaikkan tarif air selama 10 tahun tetapi kami berpendapat alasan ini susah diterima khususnya JBA telah menunjukkan keberkesanan yang begitu rendah selama ini. Baru-baru ini Menteri Kerja Raya mengumumkan bahawa JBA akan diswastakan pada 15 April yang akan datang. Saya ingin tanya sama ada tujuan kerajaan menaikkan tarif air, adakah ini demi memberi lebih keuntungan kepada syarikat swasta tersebut?

Malaysia merupakan salah satu negara yang menerima paling banyak hujan di dunia tetapi kita masih menghadapi masalah ketidakcukupan air dan masalah bekalan air. Apakah ini menunjukkan penswastaaan sesetengah projek JBA yang lepas sebenarnya telah pun menghasilkan ketidakberkesanan dan merugikan rakyat.

Kerajaan haruslah memberitahu Dewan yang mulia ini, syarikat manakah yang diberikan kontrak penswastaaan JBA dan apakah isi kandungan dan nilai kontrak tersebut? Saya telah difahamkan bahawa harga kontrak asal penswastaaan adalah sebanyak RM399 juta tetapi harga ini melompat naik ke RM2 bilion dalam tempoh dua tahun. Apakah angka ini benar?

Kerajaan menggunakan alasan permintaan terhadap air semakin meningkat sebagai alasan untuk membina Empangan Selangor dan Empangan Kelau yang mana akan merosakkan alam sekitar di samping menjejaskan kehidupan Orang Asli di kawasan tersebut. Memandangkan JBA telah mengakui bahawa lebih kurang 40% daripada air di kawasan Lembah Kelang telah hilang disebabkan oleh kebocoran paip air. Apakah ini bermaksud bahawa sekiranya kerajaan memperbaiki kesemua paip air di kawasan ini, jadi kerajaan pun tidak perlu membina kedua-dua empangan tersebut?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seperti apa yang dicadangkan oleh Sonia Renhawa, seorang aktivis Save Our Sungai (SOS) yang berkempen untuk menghentikan projek pembinaan Empangan Selangor dalam artikelnya *Mismanagement of Our Water* yang disiarkan di Malaysia Kini pada 6 Mac yang lepas, beliau berkata penduduk di Selangor menghadapi pelbagai masalah dari segi pembekalan air di mana kita terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan air. Kita hilang sungai yang cantik, manakala Orang Asli di kawasan yang terlibat hilang tempat tinggal mereka, manakala kita masih menghadapi masalah pembekalan air yang tidak tentu.

Keadaan ini bermaksud tibalah masanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Perlu sedikit penjelasan sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini bukan bidang pendidikan. Saya kata tentang Empangan Selangor...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya juga wakil rakyat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, cepat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana Yang Berhormat bagi Seputeh beri jalan. Ya, saya faham. Kalau tidak silap saya, soal air, api dan tanah itu adalah hak kuasa Kerajaan Negeri. Jadi,

apa kena-mengena Yang Berhormat bawa ke sini untuk kita bangkitkan sebab kalau mohon Kerajaan Pusat untuk bertindak, itu boleh dilakukan dan kalau tidak silap saya, Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang juga menjadi Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Jadi, perkara ini boleh dibawa kepada Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih. Itu penjelasan sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Saya wakil rakyat di Wilayah Persekutuan di mana di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan dalam Perlembagaan Persekutuan, kerja-kerja Persekutuan dan kuasa termasuk bekalan air, sungai dan terusan kecuali yang kesemuanya terletak dalam satu negeri. Bacalah Fasal ke-11 ini. *[Menunjukkan buku Perlembagaan Persekutuan]* Biar saya teruskan.

Puan Fong Po Kuan: Dia dari Kedah, dia tidak tahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tibalah masanya bagi kerajaan menunjukkan sikap terbuka dari segi mengadakan penilaian terhadap projek sekarang dan juga ramalan tentang keperluan air. Memandangkan kerajaan akan memperbaiki kesemua paip air dan mengadakan sistem pengumpulan air hujan di kawasan kediaman, bukankah kerajaan harus menilai semula terhadap projek pembinaan empangan tersebut? Selain itu, banjir secara besar-besaran yang berlaku di Rawang baru-baru ini juga menunjukkan bahawa penduduk Rawang akan menghadapi risiko yang tinggi sekiranya berlaku kebocoran di tembok Empangan Selangor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap mengenai rusuhan kaum di Kampung Medan. Banyak ucapan telah pun dibuat oleh pemimpin kerajaan dan juga Ahli Yang Berhormat di Dewan ini mengenai pertempuran kaum yang berlaku di Kampung Medan. Saya merasa kesal kerana jika usul tergepar yang dihantar oleh Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat bagi Tambun dan saya mengenai rusuhan kaum di Kampung Medan dan kawasan persekitaran yang telah mengakibatkan enam orang mati dan lebih daripada 48 orang cedera ini tidak dapat dibaca di Dewan yang mulia ini dengan alasan bahawa satu jam adalah tidak cukup untuk membincangkan ataupun membahaskan isu ini dan perkara ini boleh dibangkitkan sepanjang perbahasan di Dewan ini.

Saya tidak setuju dengan cara pengendalian usul tergepar oleh Tuan Speaker kerana makna usul tergepar adalah untuk menonjolkan kepentingan sesuatu perkara yang perlu menarik perhatian daripada Ahli Yang Berhormat di

Dewan ini dan juga rakyat jelata dan perbahasan terhadap usul tergepar adalah paling sesuai untuk mencapai tujuan ini.

Saya juga merasa kesal bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh

...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... dan Timbalan Menteri....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Rompin bangun..

Puan Teresa Kok Suh Sim: Baik. Biar saya baca ini, sekejap lagi. Saya juga merasa kesal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baca atau hendak berucap?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Berucap, berucap. Saya juga merasa kesal bahawa

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebenarnya Seputeh mampu berucap.

Puan Chong Eng: Menteri pun macam itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya juga merasa kesal bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak hadir di Parlimen sendiri untuk menerima memorandum yang dihantar oleh rombongan kaum India yang datang ke Parlimen pada 20 Mac yang lalu dan kerajaan juga tidak menghantar sesiapa wakil untuk menerima memorandum mereka dan menyambut mereka walaupun rombongan tersebut telah pun menghantar surat dan notis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Rusuhan kaum di antara kaum India dan Melayu di kawasan yang terlibat ini menunjukkan hubungan kaum di negara kita masih lemah. Di samping itu, lawatan kami ke kawasan tersebut juga membuka mata kita semua mengenai keadaan sosial ekonomi yang buruk di kawasan setinggan tersebut yang kebanyakannya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...terdiri daripada kaum India...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat bagi Tampin bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekejap lagi. Perkelahian kaum tersebut juga menunjukkan kemunduran sosial ekonomi masyarakat India yang begitu menyedihkan di seluruh negara. Saya berharap kerajaan dapat mengambil berat

terhadap cadangan-cadangan yang dibentangkan dalam memorandum rombongan kaum India ini.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Perpaduan kaum yang disebut oleh Seputeh tadi, dalam membicarakan soal perpaduan nasional seluruh rakyat negara ini perlu mempunyai satu sikap atau berjiwa besar, bangsa Malaysia yang pasti memerlukan sedikit pengorbanan dari banyak pihak termasuklah semangat bertolakansur dan lebih dari itu, anak-anak kecil, anak-anak yang berada di sekolah perlu dididik untuk memahami realiti bangsa Malaysia yang sebenar.

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Seputeh tentang idea sekolah wawasan merupakan satu permulaan untuk menjadikan anak di negara Malaysia ini berjiwa besar, untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang boleh erat perpaduannya melangkaui sikap perkauman ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat ini tidak relevan dengan tajuk yang saya ucapkan. Saya sebenarnya hendak mencadangkan para Ahli Yang Berhormat dari UMNO dan juga pemimpin Kerajaan BN supaya jangan selalu menekankan perpaduan kaum Melayu tetapi haruslah lebih menekankan perpaduan nasional yang mana ini adalah lebih penting kalau dibandingkan dengan perpaduan sesuatu kaum sahaja.

Saya juga ingin mencadangkan apabila kerajaan mengadakan penempatan semula, para penduduk setingan di rumah pangsa kerajaan adalah penting untuk memastikan bahawa setiap tingkat rumah pangsa mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya kesemua kaum dapat bergaul di setiap tingkat rumah pangsa. Pada masa kini, kerajaan selalu menetapkan penduduk yang sama kaum dalam tingkat yang sama. Cara ini tidak akan memupuk pergaulan di antara kaum sehingga banyak rumah pangsa kerajaan di Kuala Lumpur berlakunya gengsterisme.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang masalah pembatalan projek KL Linear City. Saya merasa amat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...kesal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini KL Linear City bukan di Rompin. *[Ketawa]* Tidak berkenaan dengan TNB. Saya rasa amat kesal terhadap cara kerajaan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak puji Yang Berhormat sebenarnya, dengar saya memuji Yang Berhormat pula.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hendak puji?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya hendak puji. Saya hendak puji. Saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat sebab saya rasa isu bahawa negara kita ini aman dan damai, mesti ada perpaduan bangsa. Kita semua hormat. Barisan Nasional lama sudah mengusulkan perkara ini. Tetapi semenjak PAS ambil alih lagu dia memang lagu lain. Itu cerita dialah hendak hidup dalam politik dia tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat berkenaan isu di Kampung Medan. Saya sendiri pun pergi. Saya rasa jangan kita terbawa-bawa dengan agenda luar di mana yang sebenarnya jangan kita perbesarkan isu itu. Saya rasa rusuhannya bukan berasas kepada rusuhan kaum. Rusuhan mungkin di antara gengsterisme seperti Yang Berhormat katakan tadi. Mungkin kalau orang salah tafsir. Alhamdulillah, kita boleh pergi ke mana-mana di Malaysia, di Kuala Lumpur tidak ada masalah. Kalau dulu Yang Berhormat berjalan sama-sama Ahli Parlimen DAP tidak ada masalah, sekarang Yang Berhormat berjalan dengan wakil rakyat PAS pun tidak ada masalah walaupun tidak boleh bersalam tetapi tidak tahulah dia bersalam dengan Yang Berhormat.

Tetapi namun demikian saya rasa Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, mari kita gunakan kesempatan kita sebagai Ahli Parlimen meyakinkan kepada masyarakat kita bahawa dalam negara kita aman dan damai. Kalau adapun bukanlah satu bentuk perkauman yang besar. Yang sebenarnya hubungan kaum kita amat baik sekali. Yang ada ini mungkin bibit-bibit oleh gengsterisme. Sebab itu saya hendak puji Yang Berhormat ini apakah gengsterisme yang membuat asas berlaku di Kampung Medan yang kita perlu kawal supaya ia tidak terbentuk menjadi isu perkauman yang besar. Itu saya minta pandangan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat sebut tentang gengsterisme itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Ini soalan yang saya tanya, kenapakah kerajaan ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menyambut rombongan kaum India yang datang untuk membentangkan memorandum. Dan Yang Berhormat bagi Rompin selepas banyak desakan daripada kami baru pergi menyambut mereka dan berjumpa di kantin dan dalam mesyuarat itu dia hanya kata, saya berjumpa secara peribadi. *[Sorak]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak. Tidak, saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ..dan bukan bagi pihak kerajaan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya terima sehingga saya sanggup bagi dia minum kopi. DAP hanya hendak ambil sahaja keluaran dalam surat khabar sahaja. Saya bawa dia minum bersama dengan saya. Dan saya mengetahui salah seorang daripada...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, selepas tunggu lima jam di luar Parlimen, lima jam di bawah matahari. *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bermakna saya terima apa Yang Berhormat dari DAP buat baik, berjumpa dengan mereka dan saya berterima kasih kerana beritahu saya dan saya juga terima. Ini satu perkongsian yang bijak di antara

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh membenarkan Yang Berhormat bagi Rompin meminta penjelasan, Yang Berhormat kena duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini perkongsian bijak di antara sebelah sana dan sebelah sini, kerana kita utamakan perpaduan negara kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, cukup, cukup, cukup. Tuan Speaker, saya ingin memuji kerana Yang Berhormat bagi Rompin berjumpa dengan mereka tetapi bukan atas nama kerajaan, ini yang saya rasa kesal. Biar saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya hendak betulkan sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sini dulu. Yang Berhormat bagi Bagan dulu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya hendak betulkan sedikit kenyataan

....

Tuan Lim Hock Seng: Duduk, duduk, duduk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Adakah Yang Berhormat bagi Seputeh bersetuju dengan saya bahawa pada masa sekarang masyarakat tidak ada keyakinan terhadap kerajaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, betul.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada keyakinan kepada backbencher, sebab itu dia lantik banyak Senator jadi Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Sekarang pula ...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa biar Yang Berhormat bagi Seputeh bercakap. Ini cakap merapu. *[Disampuk]* Tidak laku punya cakap ini, biar Yang Berhormat bagi Seputeh bercakaplah. Ini sudah bagi bersaralah. Bagi DAP ini uruskan yang lebih muda yang lagi baik. Idea yang baik. Kamu bersaralah, dengan Lim Kit Siang bersara sekali.

Seorang Ahli: Backbencher tidak laku.

Tuan Lim Hock Seng: Sekarang DAP...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa soalan?

Tuan Lim Hock Seng: Saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Seputeh sama ada beliau setuju dengan pandangan saya....

Datuk Dr. Leo Michael Toyad : Luar tajuk.

Tuan Lim Hock Seng:pada masa sekarang TNB di bawah pimpinan Yang Berhormat bagi Rompin pun tidak ada keyakinan terhadap sistem perbankan negara kita sebab mulai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng:sebab mulai 1 April ini TNB tidak mahu terima cheque untuk membayar TNB bil...*[Disampuk][Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan untuk berucap.

Tuan Lim Hock Seng: Rompin pun tidak ada keyakinan terhadap sistem perbankan Malaysia. *[Disampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya pun rasa kesal. Saya memang setuju pendapat Yang Berhormat bagi Bagan kerana Yang Berhormat bagi Rompin telah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Ketawa]* Kerana Yang Berhormat bagi Rompin telah menjadi Ahli Parlimen sebanyak empat penggal tetapi masih tidak berpeluang untuk dilantik dalam Kabinet.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Speaker, saya ingin betulkan sedikit kenyataan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh tidak beri laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Seputeh, saya ingin betulkan sedikit kenyataan Yang Berhormat mengenai dengan rombongan yang baru hantar memorandum itu. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu tidak betul.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Cukuplah, cukuplah. Biar saya ...bagi saya dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh teruskan kalau tidak beri laluan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya mahu betulkan kenyataan Yang Berhormat kerana tidak betul. Sebenarnya rombongan itu diterima oleh pihak pegawai Parlimen dan juga Datuk Kayveas telah pergi menyambut mereka untuk dapatkan memorandum itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, cukup. Yang Berhormat Seputeh, masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagi dua minit lagi. Yang Berhormat itu ambil masa saya. Bagi saya satu isu lagi, selepas itu saya gulung.

Saya merasa kesal terhadap cara kerajaan cuci tangan atas masalah penduduk setinggan yang dipaksa berpindah dari tapak tebing Sungai Klang demi membuka jalan kepada projek KL Linear City ekoran pembatalan projek tersebut. Mengikut perjanjian di antara pihak penduduk dengan kerajaan Malaysia, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan KL Linear City para penduduk ini diberi dua jenis pampasan perpindahan iaitu sama ada menerima wang tunai sebanyak RM22,000 ataupun diberi bayaran sewa rumah bulanan RM300 sehingga rumah kos rendah dan medium yang terletak di Bukit Jalil siap dibina dan dijual kepada mereka. Pembatalan projek KL Linear City ekoran krisis ekonomi pada tahun 1997 menyebabkan syarikat KL Linear City menjadi domain dan pihak syarikat itu pun berhenti membayar sewa bulanan RM300 kepada para penduduk setinggan sejak bulan Jun tahun lepas sehingga hari ini dan rumah yang dijanjikan oleh mereka juga diendahkan begitu sahaja. Saya pernah membangkitkan perkara ini dalam ucapan saya pada sidang yang lepas ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagi saya gulung sahaja. Saya juga pernah mengemukakan soalan dua kali di sidang Parlimen tetapi saya amat tidak puas hati dengan jawapan yang diberi oleh Menteri kerana mereka sengaja mengelakkan isu sebenar dan jawapan yang diberikan menunjukkan kerajaan tidak ikhlas untuk membantu rakyat yang terlibat dalam menangani masalah.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini di mana penduduk setinggan yang menjadi mangsa dalam projek KL Linear City ini bukan berada di kawasan Seputeh sahaja tetapi ia juga melibatkan penduduk di kawasan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen kerajaan Barisan Nasional iaitu Lembah Pantai, Titiwangsa dan Petaling Jaya Selatan. Penduduk di kawasan tersebut juga telah pun membuang undi kepada Barisan Nasional dan menyumbangkan kepada kemenangan Barisan Nasional. Jadi kerajaan Barisan Nasional haruslah mencari satu formula penyelesaian terhadap penduduk-penduduk tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita ada peluang untuk kita mengambil bahagian semasa perbahasan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga Rancangan Malaysia Kelapan dan nampaknya ramai juga berhasrat supaya diberi peluang, jadi saya mohonlah supaya dipersetujui masa untuk berbahas sekali lagi dikurangkan daripada 20 minit ke-10 minit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua samalah. Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak apa, saya sudah buat keputusan dan harap mematuhi keputusan yang dibuat ini iaitu 10 minit bagi setiap orang supaya lebih ramai dapat berucap. Yang Berhormat bagi Rompin diberi peluang.

3.50 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya hendak membuat satu perkongsian bijak dengan Terengganu tadi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan sedikit perbahasan dalam sesi Dewan ini dengan menggunakan sepuluh minit pada hari ini. Kesempatan saya bersama untuk penyertaan dalam perbahasan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kesempatan ini saya

mulakan mari kita bersyukur kepada Allah S.W.T kerana negara kita aman dan damai. Ekonomi kita terus kukuh, tidak seperti kita lihat di negara-negara yang lain, alhamdulillah. Kesempatan yang saya ambil ialah mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana pada hari semalam kerajaan telah membentangkan satu pakej merangsang ekonomi kita.

Walaupun ekonomi kita alhamdulillah sudah pulih dan tidak seperti negara-negara jiran kita Indonesia, Thailand dan juga Filipina tetapi namun demikian kerajaan sungguh bijak memerintah di negara ini, melihat mungkin apa akan berlaku dengan kejatuhan ekonomi di Amerika Syarikat. Ada yang mengatakan kemungkinan kalau dahulu menggunakan perkataan Inggeris 'soft landing' mungkin kerana 'hard landing', oleh kerana itu kerajaan telah mempamerkan satu pakej yang sangat ekonomi. Ini bermakna kita bijak dan mampu mentadbir.

Tuan Abd.Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ada masa sepuluh minit sahaja Yang Berhormat, minta tolonglah. Kalau masa saya panjang, saya beri. Sepuluh minit, tinggal lapan minit sudah. Sebab kalau ini menunjukkan kita boleh mentadbir tetapi sebelah sana selepas pilihan raya konon mengatakan bahawa PAS ini boleh mampu mentadbir negara. Ini saya rasa hanya gambaran, satu igauan di siang hari sahaja. Kalau dahulu mereka mengambil kesempatan serpihan yang pertama Tengku Razaleigh, ini serpihan kedua Anwar Ibrahim, yang sebenarnya mengambil kesempatan serpihan sahaja bukan kekuatan dalam PAS itu sendiri.

Tidak ada kekuatan pembangkang. Pembangkang yang sebenarnya DAP berapa orang yang tinggal tetapi alhamdulillah kesedaran Yang Mulia bagi Gua Musang..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak sedarkah serpihan pertama.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: .. iaitu sanggup kembali kepada UMNO, alhamdulillah, kita berikan tepukan kepada Yang Berhormat bagi Gua Musang, *[Tepuk]* yang sebelah sana ini akan mesti pelajari daripada Yang Berhormat bagi Gua Musang, apa yang PAS sudah buat kepada Yang Berhormat bagi Gua Musang. KeADILan ingat, DAP ingat, pilihan raya kecil apa berlaku

kepada DAP kena main kayu tiga. *[Tepuk]* Ha! da main kayu tiga, sebab itu kena dengar...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Rompin tidak naik pangkat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab itu kena dengar pengalaman Yang Berhormat bagi Gua Musang.

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Rompin tidak naik pangkat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, mesti dengar. Sebab itu saya rasa igauan mereka untuk kononnya menjadi pentadbir negara sebelah sana itu, Yang Berhormat bagi Tumpat begitu juga dahulu. Yang Berhormat bagi Tumpat boleh percaya depan dia itu, belum tahu.

Sebab itu saya mengatakan bahawa kalau dahulu sebagai contoh PAS menuduh UMNO dengan berbagai tuduhan liar seperti parti perkauman, kemudiannya parti sekular, amanat Hadi mengkafirkan UMNO kerana menuduh UMNO mengasyikkan politik daripada agama. Mereka mengatakan agama suku, politik suku cukup untuk mengkafirkan UMNO. Itu senang sahaja hendak mengkafirkan orang. Yang di bawah yang taksab kepada PAS ikut, ini sebenarnya yang baru-baru ini pula kononnya satu lagi bermain sandiwara. Dibiarnya satu orang kononnya menggunakan perkataan, saya sendiri pun takut hendak bercakap di sini, sanggup untuk membela orang Cina dan sanggup meletakkan diri dia, *[Disampuk]* itu saya tidak hendak cakaplah sebab tidak berapa manis hendak cakap.

Sanggup mengeluarkan kata-kata yang saya tidak sanggup gunakan sendiri, tetapi mereka sanggup menggunakan kata-kata kononnya PAS ini sanggup menjuarai dan membela orang Cina. Barisan Nasional tetap membela semua kaum di negara ini. Sebagai contoh, Barisan Nasional di masa itu Perikatan, Yang Berhormat bagi Gua Musang boleh mengesahkan, pada ketika itu UMNOlah yang membela orang bukan Melayu yang memperjuangkan supaya mereka diberi kerakyatan Malaysia. Pada ketika itu apa pemimpin PAS buat, pada masa itu PAS menentang dengan keras memberi kerakyatan kepada kaum bukan Melayu, tengok sejarah, betul tidak betul, tanya Yang Berhormat bagi Gua Musang.

Ini ingat sedikit DAP, jangan apa yang menimpa kepada keADILan akan menimpa pula kepada DAP akan datang sebelah sana. Yang Berhormat bagi Tumpat pun kena fikir dua tiga kali juga..

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, saya telah bangkitkan isu kerakyatan tidak boleh dipersoalkan dan dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini soal sejarah, saya sedang membacakan sejarah..

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini adalah satu tradisi yang amat bahaya....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini sejarah, saya membacakan sejarah.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ... yang amat suka dimainkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO untuk melagakan antara rakyat berbagai bangsa di negara kita ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini sejarah, saya membacakan sejarah. Yang Berhormat bagi Tumpat, saya hendak membacakan sekarang. Ada orang PAS.... dengar, saya cakap satu lagi.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ... Saya fikir trend seperti ini adalah amat merbahaya dan merugikan semua rakyat Malaysia kerana perbuatan seperti inilah yang akan terus-menerus mencetuskan permasalahan antara kaum dalam negara kita ini.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini kata demokrasi, ini hak saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, saya faham, saya faham.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ... sebagaimana yang ditunjukkan dalam peristiwa yang berlaku di Kampung Medan beberapa minggu yang lalu.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bila di sana bercakap kita mendengar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat, sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bila di sini bercakap tidak boleh hendak mendengar. Ini demokratkah?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Baca, baca.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baru belum lima minit, banyak lagi Yang Berhormat bagi Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, kena jimatkan masa.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa kena jimatkan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, sedikit lagi.

Satu lagi isu konon membela orang Cina, di sini saya ingat dalam Dewan kita katakan bahawa penternak babi orang Tionghua, patut kita bela. Saya malas hendak sebut siapa, ada di sini yang menuduh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, dia kata Badawi di Arab menjaga unta, Badawi di sini jaga apa?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Jaga babi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, masih ingat khinzir. Ini tidak konsisten, kita tidak menolak bahawa seluruh parti di Malaysia membela semua kaum tetapi kita mesti konsisten dengan dasar kita.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak ada masa, sepuluh minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jangan takutlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak takut, bila ada masa besok saya beri. Masa dekat hendak habis, tinggal beberapa minit lagi. Satu lagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat duduk, masa tidak mengizinkan Yang Berhormat bagi Rompin membenarkan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu lagi saya hendak bercerita.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Rompin, minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masa tidak ada Yang Berhormat, sepuluh minit sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, beri saya

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini dekat hendak habis sudah. Dewasa ini saya rasa pelik, ini termasuk Kepong, Kepong termasuk semua DAP saya rasa pelik. Sekarang seolah-olah isu membela orang Tionghua ini tidak dibela oleh DAP lagi, nampaknya MCA banyak membela. Sekarang isu untuk membela orang Tionghua ini diserahkan bulat-bulat dia out-solve subkontrak kepada PAS. Ha! dia subkontrak kepada PAS.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh mendapat penjelasan, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baru-baru ini bila DAP Batu Gajah bercakap dia tidak bercakap untuk membela orang Tionghua di Malaysia, dia suruh bela orang Tionghua dari negeri China pula. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin.....

Puan Fong Po Kuan: Saya minta penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, dia bangun.

Puan Fong Po Kuan: Saya bukan membela orang Cina, saya bela nama negara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kata demokrasi..

Puan Fong Po Kuan: Saya bela nama negara kerana kerajaan tidak menjalankan tugas dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kata demokrasi, tadi Yang Berhormat cakap, saya dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, sila gulung.

Tuan Husam bin Haji Musa: Demokrasi, tolong beri saya satu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang terakhir, saya minta satu cadangan kepada kerajaan....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masa tidak ada, banyak lagi saya hendak bercakap ini. Saya minta sekarang ini banyak usaha yang dibuat oleh kerajaan baik. Semua projek yang dibuat sudah semestinya EPU, agensi kerajaan ada feasibility analisisnya, ada kajian pendapatan dia, return dia, cash flow dia tetapi masalahnya kadang-kadang maklumat ini hanya pada dalaman jabatan-jabatan kerajaan sahaja.

Saya ingin mencadangkan supaya diadakan satu perkhidmatan pangkalan data setempat di mana rakyat Malaysia yang mahu mendapat maklumatnya tentang projek-projek yang baik – sudah semestinya kerajaan bila ia membuat satu projek itu projek yang cukup dengan feasibility nya. Yang Berhormat bagi Tumpat tahu, dia IKD dahulu. Kadang-kadang sebelum bekas Timbalan Perdana Menteri buat projek itu dia suruh IKD buat kajian dahulu. Sebab itu Yang Berhormat bagi Tumpat juga pernah melibatkan dengan projek-projek besar dia. Sebab itu saya minta supaya kerajaan adakan pangkalan data supaya rakyat Malaysia on the ground, semua peringkat mendapat maklumat ini dengan benar supaya tidak disalahfahamkan, diputar-belitkan oleh orang-orang yang ada kepentingan seperti kadang-kadang Reformasi web site, PAS web site, Malaysiakini web site yang dianjurkan oleh George Soros. Kita mesti ada pangkalan maklumat yang boleh menjelaskan projek-projek kita dengan secara kata, hujah yang senang difahami oleh rakyat kita di seluruh peringkat. Kalau satu projek hendak dibuat itu kita mesti sebarkan maklumat dengan tepat, bagi ulasan-ulasan yang baik,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....yang benar supaya tidak diselewengkan oleh belah sana.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dungun.

4.00 ptg.

Tuan Mustafa bin Ali [Dungun]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kerana keizinan untuk saya turut membahaskan Titah Ucapan yang sedang dibincangkan sekarang. Sebelum saya meneruskan dengan beberapa perkara, sementara Yang Berhormat bagi Rompin masih ada... *[Ketawa]* Cuma dua perkataan saya hendak ucapkan, memang tugas orang yang menjaga api ini menjadi batu api. *[Ketawa][Tepuk]*

Puan Chong Eng: Betul, betul. Selalu macam ini. Harap pagar, pagar makan padi juga. *[Sorak]*

Beberapa Ahli: Betuuul.

Tuan Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh satu tajuk sahaja iaitu masalah perpaduan yang telah disentuh oleh banyak daripada kalangan Yang Berhormat, cuma mungkin perspektifnya dari sudut yang agak berbeza. Saya melihat – memang kita menghadapi masalah ini dalam negara kita Malaysia tetapi suka saya menegaskan bahawa perpaduan tidak boleh ditegakkan dengan kebencian. Perpaduan hanya boleh ditegakkan dengan kasih sayang, dengan persaudaraan dan hormat menghormati di antara satu sama lain, tanpa mengira agama dan kaum. Sebab itulah Islam sebagai asas mengajar bahawa semua kita adalah bersaudara. Yang sama-sama beragama Islam mereka adalah saudara seagama, yang bukan beragama Islam, mereka adalah saudara atas nama kemanusiaan.

Atas nama persaudaraan yang seperti inilah maka kita akan dapat mewujudkan perpaduan yang kita kehendaki, apa lagi dalam satu masyarakat majmuk seperti negara kita Malaysia. Negara Islam pertama Madinah adalah diasaskan dalam satu masyarakat yang sifatnya majmuk. Oleh kerana itu, bukan satu perkara yang mustahil kita dapat mewujudkan perpaduan dalam negara kita jika asas-asas keadilan, kemanusiaan yang penuh rasa kasih sayang dan harmoni ini terus ditegakkan.

Tesis yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa “Perpaduan tulen akan tercapai kalau semua orang, kaum yang selain daripada Melayu jadi Islam atas dasar asimilasi, maka kita akan mendapat satu perpaduan tulen”. Ini bukan tesis yang benar, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kajian sosiologi politik walaupun satu negara itu terdiri daripada satu bangsa, satu agama, tetapi keadilan tidak ditegakkan, kita tidak mungkin akan mencapai perpaduan yang kita kehendaki. *[Tepuk]* Sebab itu, amalan perpecahan ini sebenarnya dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang sedang memerintah negara kita sekarang *[Tepuk]* Terutama sekali pemimpin-pemimpin UMNO *[Tepuk]*

Ditimbulkan soal empat perkara yang menjadi sebab kepada perpecahan yang berlaku di kalangan orang Melayu. Maka, dijadikan empat perkara itu sebagai asas kononnya untuk menyatukan PAS dan UMNO. Apa dia empat perkara yang disebut oleh Perdana Menteri – soal kedudukan Raja-Raja Melayu, soal agama

Islam, soal bahasa Melayu dan soal hak keistimewaan. Saya tidak menafikan bahawa dalam sejarah negara kita mungkin di dalam tahun 60-an dahulu wujud orang-orang yang mempertikaikan soal hak istimewa ini tetapi mutakhir ini bermula saya kira tahun 80-an, 90-an tidak ada lagi orang yang mempertikaikan empat perkara yang disebut oleh UMNO, oleh Perdana Menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betulkah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin...

Tuan Mustafa bin Ali: Yang Berhormat, tunggu dahulu saya hendak sebut.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini tidak benar,

Tuan Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua. Secara terus-terang bagi PAS apa yang terkandung di dalam Perlembagaan ini, empat-empat perkara yang terkandung di dalam Perlembagaan ini kami mempertahankan. Tidak perlu dipertikaikan bahawa PAS tidak mempertahankan empat perkara yang disebut sebagaimana wujudnya dalam Perlembagaan negara kita. Saya melihat pimpinan parti politik lain sama ada dalam BN, dalam BA yang bukan daripada parti Melayu, MCA, MIC, DAP, KeADILan dan lain-lain, tidak ada siapa yang mencabar empat perkara yang disebut dalam Perlembagaan ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Suqiu?

Tuan Mustafa bin Ali: ... termasuk Suqiu. Yang dicabar ialah pelaksanaan daripada hak istimewa itu.

Beberapa Ahli: Ya. [*Tepuk*]

Tuan Mustafa bin Ali: Bukan hak istimewa itu.

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Mustafa bin Ali: Pelaksanaan yang tercabar ini oleh kerana kelemahan ataupun penyelewengan yang dilakukan oleh kerajaan yang sedang memerintah hari ini. [*Tepuk*] Oleh kerana itulah persoalan ini timbul sebenarnya kerana gara-gara yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan yang membuat contoh yang diikuti oleh mereka yang di bawah. Kita tidak mempunyai terlalu banyak masa, Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil beberapa contoh.

Barangkali tidak tergambar dalam kepala kita seorang Menteri Besar tidak dibenarkan untuk pergi di dalam kawasan dalam negeri yang diperintah sendiri. Tidak pernah kita terfikir tetapi di Terengganu, seorang Menteri Besar tidak dibenarkan untuk mengadakan perjumpaan dengan rakyat, dengan pegawai dalam

kawasan KETENGAH yang dipunyai oleh negeri Terengganu tetapi ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat. *[Booooo]*

Tuan Lim Hock Seng: Ini perpaduankah?

Tuan Mustafa bin Ali: Atas nama Melayu dan Islam tak ada sekerat pun kalau dalam kawasan KETENGAH itu orang yang beragama lain daripada Islam tetapi inilah jawapan yang diberikan oleh KETENGAH dan saya sendiri sangat dukacita. Surat yang ditulis oleh Setiausaha Kerajaan Terengganu untuk mengadakan satu perjumpaan dengan Menteri Besar negeri Terengganu, hendak melawat KETENGAH, hendak mengadakan perjumpaan dengan rakyat, dengan penghulunya, dengan pegawainya dalam kawasan KETENGAH. Jawapan yang diterima daripada KETENGAH ialah, saya baca Tuan Yang di-Pertua *[Merujuk kepada surat berkenaan]* surat yang bertarikh 18 Mac, "Kepada Setiausaha Kerajaan negeri Terengganu, Dialog Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu Bersama Pegawai dan Pemimpin Masyarakat di kawasan KETENGAH. Adalah saya dengan hormatnya diarah untuk merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan dengan *referencenya* mengenai Dialog Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu bersama pegawai dan pemimpin masyarakat di kawasan KETENGAH – dimaklumkan bahawa arahan Jemaah Menteri tidak membenarkan taklimat dan dialog di antara pegawai dan kakitangan Kerajaan ... *[Boooo]*Persekutuan dengan pihak berkuasa kerajaan negeri Terengganu."

Seorang Ahli: Zalim, zalim.

Beberapa Ahli: Hoi, malulah.

Seorang Ahli: Ini demokrasi ya?

Tuan Mustafa bin Ali: Jemaah Menteri *[Disampuk]* Bukan hanya Perdana Menteri. Ertinya kalau Perdana Menteri mengatakan "Jangan!", semua Jemaah Menteri menjadi burung kakak tua sekali lagi. *[Tepuk][Booo]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Termasuk dengan Rompinkah?

Tuan Mustafa bin Ali: Rompin lagi teruk, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Panas telinga kena *[Ketawa]*

Tuan Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut kalau hendak copy saya akan beri, tidak jadi masalah. Tidak payah diminta saya akan bagi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai gambaran bagaimana sikap yang ditanam oleh pemimpin

kerajaan hari ini. Ertinya mereka mengajar pegawai-pegawai KETENGAH supaya melakukan diskriminasi, supaya tidak menghormati seorang ketua kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat dan KETENGAH itu sendiri dalam negeri Terengganu, dimohon secara rasmi tetapi inilah jawapan yang kita terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh yang kedua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dengar, dengar.

Tuan Mustafa bin Ali: Contoh yang kedua, mengenai... ini surat daripada Kementerian Pendidikan.

Seorang Ahli: Waaaaahhhhh...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mustafa bin Ali: Mahasiswa UKM hendak mengadakan satu khidmat masyarakat di Terengganu, kebetulan dalam kawasan yang saya wakili di negeri Terengganu. Telah diputuskan bahawa oleh kerana Menteri Besarnya, Menteri Besar negeri Terengganu, kawasan negeri Terengganu minta Menteri Besar untuk merasmikan khidmat masyarakat itu tetapi yang diberitahu kepada kami, ubah, perasmianya jangan Menteri Besar tetapi Datuk Naib Canselor.

Yang menutupnya, Timbalan Naib Canselor, bukan wakil rakyat dalam kawasan itu, kebetulan saya. Pelajar-pelajar sudah mengubah, boleh menerima keadaan itu. Ditambah satu syarat lagi, banyak syarat tidak sempat saya nak baca. Yang ditulis di sini ialah oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, saya sebut namanya, Dr. Zaharatulkamar Mahmud, saya pun tidak kenal siapa dia. Surat ini ditujukan kepada Yang Berbahagia Prof. Datuk Muhammad Salleh Mohammad Yassin, antaranya memastikan bahawa penganjur program tidak menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Terengganu ataupun ahli Dewan Undangan Negeri. *[Disampuk]* Inilah dangkalnya pemikiran. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tadi dia kata saya batu api, ini batu api juga ini. *[Ketawa]* Ini bapa batu api kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Saya batu api Rompin, itu batu api Kerajaan Negeri Terengganu. *[Disampuk]*

Tuan Mustafa bin Ali: Memang sifatnya api mudah meletup, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia spark lebih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.

Tuan Mustafa bin Ali: Berapa minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Mustafa bin Ali: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. *[Disampuk]*

Tuan Mustafa bin Ali: Ya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mempunyai banyak perkara lagi, tetapi tidak apalah oleh kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Tuan Mustafa bin Ali: Tetapi saya belum berhenti, hendak akhir, ayat akhir belum saya sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu ayat akhir, boleh.

Tuan Mustafa bin Ali: Bahawa gambaran yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan sebenarnya, sikap mereka inilah yang menimbulkan perpecahan. Mereka menjadi contoh yang tidak baik kepada pegawai-pegawai kerajaan, kepada rakyat, mereka menjadi contoh yang tidak baik kepada pelajar-pelajar universiti. Mahasiswa universiti yang kita hendak tanamkan semangat persaudaraan, keharmonian, hormat-menghormati, mereka diajar jangan. *[Disampuk]* Hormatilah sahaja pemimpin kerajaan yang memerintah, bukan orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Mustafa bin Ali: Sikap pemimpin yang seperti ini menjadikan pegawai-pegawai, semacam tidak ada pemikiran sendiri, hatta universiti pun kelihatan jadi macam bodoh terpaksa mengikut arahan yang tidak betul. Inilah sikap yang ditunjukkan dan ini tidak mungkin kita akan mencapai satu perpaduan yang dikehendaki selama sikap ini masih terus dipunyai oleh pemimpin-pemimpin kerajaan. Saya menyerulah supaya ubahlah sikap, supaya kita menjadi orang-orang yang baik, yang menyeru kepada perpaduan dengan amalannya sekali, bukan hanya dengan cakap-cakap. Terima kasih. *[Disampuk] [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

4.14 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, masa itu Yang Berhormat emas, saya diarah untuk

berucap mengikut masa yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya suka mengingatkan serta memberi amaran kepada ahli-ahli Yang Berhormat semua *[Ketawa]* jangan ganggu kesenangan saya. *[Ketawa]* Jadi, siapa ada yang hendak berucap, jangan beri Yang Berhormat, masa penting. *[Ketawa]* Kalau sesiapa ganggu, saya akan ambil tindakan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sesiapa bangun, saya akan maklumkan kepada beliau bahawa tidak akan dibenarkan oleh Tebrau meminta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Memang layak jadi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini, pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesepuluh pada 19 Mac yang lalu.

Di dalam Titah Ucapan Seri Paduka telah menyentuh beberapa perkara seperti keselamatan negara, pentadbiran, masalah ekonomi, perdagangan luar Malaysia, masalah pertanian, pelancongan, perumahan, perkhidmatan awam termasuk pasukan polis, tentera dan juga perpaduan kaum. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dan masalah sama ada

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan, sila duduk. *[Ketawa]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: Saya mahu tanya, peraturan mana dia pakai *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Ketawa]* Tidak ada masa ini. Masalah sama ada saya... sudah di mana pula saya ini, ganggu betul. *[Ketawa]*

Saya ingin untuk menyentuh beberapa perkara dan masalah sama ada ia dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dewan itu atau sebaliknya, semua berucap mengatakan dia betul, tidak ada yang salah dan tidak ada yang salah termasuk saya juga. Walaupun begitu, saya akan sebut apa yang saya rasa ia munasabah dan betul, orang lain hendak kata, itu hak dia.

Mula-mula saya hendak katakan berkenaan dengan kenyataan dan ucapan Ahli Yang Berhormat bagi Sik tempoh hari. Saya ingin menyentuh berhubung dengan kenyataan dan ucapan Ahli Yang Berhormat tersebut, sejarah ahli Parlimen

yang tersebut banyak berbeza percakapannya, penulisannya dan tindakan yang dibuat.

Saya contohkan semasa Yang Berhormat berkenaan menjadi guru dan pensyarah, beliau menulis buku atau novel pendidikan seperti Ranjau Sepanjang Jalan dan Rentung. Bila beliau masuk terlibat dengan tabligh, beliau menulis buku berunsur agama, baik lagi caranya. Bila masuk Arqam, menulis pula buku novel Al-Syaikul, menceritakan unsur-unsur seks dan hal berkaitan dengan hal seks, yang terlalu lucu bunyinya. Bila dia masuk PAS pula, dia sudah ikut bahasa PAS yang kasar dengan kata-kata mengarut, memaki dan terus menulis buku *SHIT*, yang sama-sama kita tahu bunyi dan ayat buku tersebut.

Inilah dia seorang yang disanjung pada awalnya tetapi apabila dia berada dalam PAS, kata-katanya berubah begitu cepat. Saya tidak hairan kalau dia buat cerita yang sebegini.

Datuk yang berguna.... *[Ketawa]* Eh, Tuan Yang di-Pertua, tidak dengar tidak apa. *[Ketawa]*

Apa gunanya bahasa yang indah didengar itu menyakiti hati orang, apa gunanya mudah sedap didengar tetapi ia mengaibkan orang, buatlah bahasa yang mudah dan senang tetapi disukai orang.

Di Dewan yang mulia ini, saya ingin tujukan kepada Yang Berhormat berkenaan dengan doa, Yang Berhormat sentiasa berada dalam kandungan sihat walafiat, Tuhan panjangkan umur. Gunakanlah mulut dan bibir yang dikurniakan Allah S.W.T. untuk banyak berzikir dan beristighfar, masa kita hidup tidak panjang, umur kita makin meningkat, kita pun makin tua, biarlah tua kita, tua yang baik dan dihormati orang. Mudah-mudahan akhir hayat kita dan akhir kalam kita dengan mengucap dua kalimah syahadah, Insha-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tahniah kepada pasukan polis yang menjaga keselamatan negara dengan baik dan berjaya sebab boleh dapat mengawal pergaduhan dan perbalahan dengan jaya dan berkesan seperti yang berlaku di Kampung Medan, Jalan Klang Lama. Tahniah kepada polis dengan kejayaannya dapat mengawal keadaan tunjuk perasaan dan ambil tindakan segera.

Kita sedia maklum, masalah penunjuk perasaan adalah suatu budaya yang tidak menguntungkan bahkan merugikan negara dan rakyat. Tunjuk perasaan merosakkan ekonomi negara, kalau berterusan pelabur-pelabur takut melabur ke negara kita. Masalah penganggur akan timbul pula. Bila berlaku sedemikian, tunjuk

perasaan menyusahkan dan mengganggu lalu lintas serta menakutkan orang. Tunjuk perasaan juga menyusahkan pasukan polis, belanja pasukan polis pun besar, sepatutnya pasukan polis bekerja lain yang lebih berfaedah lagi.

Saya cadangkan supaya kerajaan haramkan semua kegiatan tunjuk perasaan yang tidak menguntungkan bahkan merugikan negara. Jika berlaku tunjuk perasaan, hukuman berat perlu dilaksanakan dan semua anggota pasukan keselamatan yang terlibat mengawal penunjuk perasaan yang tidak kira masa dan waktu dan berani menanggung keselamatan dirinya dan risiko dirinya patut dibayar satu elaun khas kepadanya kerana kerjanya merbahaya, kena marah, maki, dihina dan sebagainya.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, ada satu kerja polis ini yang saya tidak berapa suka iaitu mengendap orang dan kereta di sepanjang jalan lebuhraya yang mana pihak anggota polis tersebut meniarap dan memakai teropong dan alat perangkap dan kemudian ada pula tembakan yang tidak berbunyi, lepas itu beberapa bulan, kita dapat surat cinta yang kita tidak cinta dan tidak suka terima iaitu surat saman had laju yang 120 k.m.j. atau 90 k.m.j., kita memandu lebih daripada 124 k.m.j. atau 119 k.m.j. akan didenda RM300 atau bayar kompaun RM100, kalau tidak bayar, pergi mahkamah. Apa hendak buat, itu sudah undang-undang, pihak polis menjalankan tugasnya.

Saya cadangkan kepada kerajaan supaya had laju yang sekarang ini ditimbang balik. Dinaikkan lagi sedikitlah daripada 90 kilometer sejam kepada 120 kilometer sejam, daripada 110 kilometer sejam kepada 130 kilometer sejam. Sebab apa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kereta saya sekarang ini ada meter hingga 200 k.m.j. – boleh laju. Kereta nasional pun seperti Kancil atau Rusa pun laju. Kalau tak hendak suruh kereta kita laju sedikit, saya cadangkan supaya meter kereta itu diubah daripada 200 kilometer sejam kepada 110 kilometer sejam sahaja supaya tidak boleh lari laju. *[Ketawa]* Senang tak ada saman, tak ada apa. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kemalangan berlaku bukan hanya kerana lari laju Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tetapi banyak pemandu tertidur sekelip, tertidur sekelip...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lagi baik tidak usah pakai meter. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Lagi tak sedar. Tuan Yang di-Pertua, kemalangan bukan kerana lari laju, yang laju tak kena, yang tertidur ini yang

merbahaya. Saya beberapa kali tengok bila lalu balik ada kereta sebuah, dia termasuk longkang, terbalik, itu semua gejala dia tertidur sekejap. Jadi, ini saya kata tadi bukan kerana laju, jadi naikkan sedikitlah, 110 kilometer sejam ini sedikit benar. Memang – 127 kilometer sejam sahaja sudah kena saman, lebih daripada 112 kilometer sejam. Jadi, kaji baliklah yang sa ya cadangkan tadi itu Yang Berhormat ya.

Seterusnya isu, ini cerita khinzir, banyak diperkatakan. Isu masalah khinzir sering dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dari mula berbangkitnya penyakit JE. Waktu mula penyakit JE ini daripada binatang khinzir begitu serius melibatkan nyawa manusia, maka kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa mengatasi penyakit itu dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Waktu itu penyakit JE berjangkit adalah merbahaya dan nyawa manusia tidak kira kaum dan agama kerana ia merebak begitu cepat dan merbahaya. Semasa pelantikan itu dibuat kepada Timbalan Perdana Menteri, ada suara lantang daripada parti pembangkang yang mengatakan nama pengerusi berkenaan yang membezakan antara gembala kambing dan unta di negeri Arab kaum Badwi dengan negara Malaysia. Katanya, orang Arab Badwi membela unta, kambing atau kibas tetapi orang 'Badawi' di Malaysia membela khinzir atau babi.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat dan renung apa yang dibuat oleh pemimpin tertinggi daripada parti PAS dalam masalah khinzir ini. Mula-mula mengatakan Timbalan Perdana Menteri sebagai 'Badawi' membela khinzir – menghina keturunan TPM...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ha, ini hendak gulung dah. Lepas itu timbul pula Kerajaan Terengganu yang seluruh majoritinya orang Islam membuka negerinya untuk penternakan khinzir. Adakah negeri Terengganu sudah miskin untuk membenarkan negerinya membela khinzir. Yang sepatutnya negeri Terengganu membuka tanah untuk membela ayam, lembu atau kambing. Kita tidak tahu sejauh mana kejujurannya atau niatnya tersembunyi di sebaliknya.

Lepas cerita Terengganu membela khinzir, maka timbul pula kisah rombongan kerajaan negeri Kelantan diketuai oleh Menteri Besar melawat ke kawasan Bukit Pelandok untuk melihat dan meninjau kawasan tersebut, Tuan Yang di-Pertua. Sudah macam-macam jadi, padahal masa lawatan itu sudah tidak sesuai lagi kerana tidak ada penyakit JE. Waktu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh

Timbalan Perdana Menteri ditubuhkan ada masalah timbul. Saya tidak tahu dan faham apakah tujuan yang sebenar membuat kerja-kerja ini. Adakah untuk politik partinya atau untuk kaum-kaum lain. Padahal di peringkat awal saya katakan tadi, ia adalah

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Okay. Habis Tuan Yang di-Pertua? Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, masa cukup.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Masa cukup? Tengah naik semangat suruh berhenti?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Okaylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terpandang oleh saya kira nasib baik.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Okay. Fasal Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sudah tegur itu, saya hormat dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih . Sipitang.

4.24 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan ini. Saya sediakan ucapan 13 muka surat tetapi masa cuma tinggal 10 minit.

Atas kesempatan ini, saya dan rakyat yang saya wakili daripada Parlimen Sipitang menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku pada 19 haribulan yang lalu. Atas kesempatan ini juga saya mewakili rakyat Sipitang ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Sabah yang baru iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Chong Kah Kiat di atas pelantikan dan juga tahniah kepada seorang lagi ahli jawatankuasa UMNO Bahagian Sipitang yang telah menjadi Senator iaitu Yang Berhormat Datuk Hajjah Dayang Mahani Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae yang dilantik pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa kesal dan sedih apa sahaja isu yang ada di negara kita ini memang tidak lari daripada digunakan oleh pembangkang untuk kepentingan politik mereka. Isu Kampung Medan, isu saham turun, isu royalti minyak, isu menyelamatkan MAS, semua digunakan untuk kepentingan politik dan inilah

yang kita lihat tidak sihat. Isu saham turun pun dipolitikkan dan disalahkan kerajaan dan yang terbaru ialah isu rawatan Timbalan Perdana Menteri pun juga dipolitikkan dan seolah-olah kerajaan tidak bersimpati dan menyeksa.

Yang menyedihkan lagi ialah kenyataan doktor dari Jerman iaitu Dr. Thomas Hoogland daripada Alpha Clinic yang menyatakan bahawa rawatan tidak boleh dibuat di Malaysia, dan membuat kenyataan yang boleh menjatuhkan martabat Malaysia iaitu dengan kenyataannya dalam akhbar mengatakan bahawa doktor di Malaysia ini tidak berpengalaman, pakar bius tidak berkemampuan. Saya sebagai seorang doktor perubatan, wakil bagi Permatang Pauh dan juga bagi Kepong adalah doktor perubatan. Kita merasa tersinggung atas kenyataan ini kerana kenyataan ini boleh memberi gambaran dan juga implikasi yang tidak sihat. Kenyataan tersebut pertamanya merendahkan martabat institusi perubatan di negara ini.

Yang kedua, memberi gambaran buruk kepada orang luar bahawa pembedahan di Malaysia adalah tidak selamat.

Yang ketiga, menjatuhkan industri pelancongan dan juga perubatan yang akan merosakkan ekonomi negara.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Inilah kenyataan yang dibuat oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:...doktor German ini. Saya tidak bagi peluang sehingga saya habis dahulu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap sahaja.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Masa sedikit. Sebenarnya doktor-doktor di Malaysia ini adalah doktor yang berpengalaman dan mereka kebanyakannya dilatih di luar negara dan mereka mempunyai kemampuan untuk merawat semua jenis penyakit dan saya mintalah bahawa kumpulan pakar-pakar iaitu pakar bius Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia dan juga Majlis Pengamal Perubatan Malaysia menghalang doktor ini daripada masuk ke negara kita kalau tujuannya untuk memburukkan sistem perubatan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat di Malaysia seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi begitu menyedihkan dan tanggapan beliau, beliau menuduh bahawa orang UMNOlah yang mencetuskan huru-hara ini. Sebenarnya tidaklah sebegitu. Perpaduan penduduk di Malaysia ini di antara

bumiputera dengan bukan bumiputera telah wujud sekian lama, telah berjalan dengan baik. Pada masa ini negara kita semakin maju. Semakin ramai orang Melayu, orang Cina dan orang India yang berpendidikan tinggi dan semakin ramai yang berkemampuan dari segi kemampuan ekonomi.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiu bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya habiskan dulu. Tetapi apa yang menyedihkan kita ialah semakin tinggi pendidikan kita pula khususnya pemimpin PAS ini semakin turun tahap rasional mereka. Perkara ini tidak terjadi begitu sahaja, tentu ada perkara yang membuat ataupun ada usaha yang terlindung di sebalik perkara ini yang ingin mencetuskan perkara ini.

Kalau kita melihat sejarah negara kita bahawa tahap keharmonian kita ini baik sehinggalah apabila parti khususnya PAS telah pun berkembang. Kalau kita lihat PAS bermula dari negeri Terengganu, dari Kelantan, Kedah Utara dan beberapa kawasan di Perak dan Selangor, kalau kita lihat isu yang digunakan ialah isu yang memang boleh memecah-belahkan secara ketara, misalnya isu mengkafir, isu sembahyang dua imam, isu memulau kewajipan fardu kifayah misalnya masa kematian bermula di kawasan ini dan ia beransur-ansur merebak. Pada hal sebelum ini perkara ini tidak berlaku. Ini jelas bahawa dengan kehadiran PAS perkara ini semakin berkembang dan kita merasa sedih. Mudah-mudahan pemimpin PAS juga sedar secara rasionalnya dan juga pemimpin-pemimpin yang lain juga supaya perkara ini kita buangkanlah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita mesti menghala ke arah perpaduan yang betul-betul tulen untuk kebaikan kita. Janganlah kita mengatakan bahawa orang Melayu sudah berpecah kerana sokongan melihat undi Melayu menurun. Apakah kita boleh mengatakan bahawa rakyat Amerika itu berpecah apabila Republikan dengan Demokrat mendapat undi 50:50. Orang Amerika cuma berpolitik masa berkempen sahaja dan selepas itu semua bercakap soal 'I am American' dan saya akan memajukan negara saya Amerika dan kita berharap di Malaysia ini sebegitu juga. Kita bersyukur di Sabah dan Sarawak belum ada lagi gejala seperti ini. Walaupun ada cubaan PAS untuk bertapak di Sabah tetapi gagal.

Saya faham sekarang ini pun ada ceramah-ceramah yang diadakan dua kali se minggu di Sabah dan saya harap dan yakin rakyat Sabah dan Sarawak akan menolak fahaman PAS ini. Di Sabah pergolakan politik memang ada tetapi cuma politik sahaja tidak menjejaskan perpaduan di antara kaum dan kami di Sabah hidup aman damai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal golongan miskin. Golongan miskin ini majoriti adalah golongan petani, nelayan dan buruh yang tinggal di luar bandar, di ladang-ladang dan ada di pulau-pulau. Sebahagian mereka pula adalah penduduk bandar ataupun bandar raya yang tinggal di kawasan setinggan ataupun rumah-rumah haram. Rata-rata mereka ini adalah miskin dan mengalami kesulitan hidup. Memang terdapat orang senang yang sulit hidupnya tetapi itulah pilihan mereka sendiri kerana dibebani hutang ataupun tamak dan juga tidak bersyukur.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar banyak program telah dibuat oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Namun demikian, penyelesaiannya tidak begitu jelas. Kita berharap kementerian dapat memberi penerangan, mengapakah golongan miskin ini masih ramai bilangannya seolah-olah tidak nampak penyelesaiannya. Apakah program yang dirancang dan dilaksanakan itu tidak menepati sasarannya. Mengapakah kawasan luar bandar masih mundur dan di kawasan bandar masih banyak setinggan yang sempit kehidupan penduduknya. Apakah program yang dibuat itu sesuai dengan keperluan golongan miskin ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mestilah mengkaji kerana masalah kumpulan penduduk miskin ini tidak sama. Golongan petani adalah di kawasan luar bandar, golongan nelayan adalah di kawasan persisiran pantai, pekerja-pekerja ladang dan estet adalah di kawasan-kawasan estet dan kumpulan-kumpulan setinggan berada di pinggir bandar dan juga di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti faham bahawa apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka ini susah. Misalnya, golongan petani amat bergantung kepada luas tanah yang dimiliki. Tanah mereka sekarang semakin kecil oleh kerana pembahagian atas waris dan sebagainya. Mereka juga bergantung kepada jenis tanaman dan juga pasaran serta harga tanaman tersebut. Misalnya kelapa sawit dan getah sekarang ini turun harganya. Mereka juga bergantung kepada bencana alam misalnya banjir dan juga serangga perosak. Mereka juga bergantung kepada jenis teknologi yang digunakan.

Golongan nelayan pula begitu bergantung kepada cuaca. Musim tengkujuh mereka tidak boleh menangkap ikan. Kawasan penangkapan mereka pula sekarang ini semakin sempit oleh kerana pencerobohan bom ikan, racun ikan dan sebagainya dan mereka juga tertakluk kepada pemasaran dan juga orang tengah, teknologi baru yang digunakan misalnya kolam dan ikan sangkar.

Pekerja estet pula begitu bergantung kepada sikap pemilik estet. Harga pasaran hasil getah dan juga kelapa sawit.

Kemudian, golongan setinggan di bandar dan juga di bandar raya begitu bergantung kepada pertumbuhan ekonomi, buruh binaan, kilang-kilang dan juga kemudahan di kawasan tersebut.

Oleh itu, punca masalah golongan ini mestilah dikenal pasti. Kerajaan dan juga kita tidak mampu melaksanakan program yang sama untuk semua golongan. Kita berharap kerajaan mestilah menilai perkara ini dan menyelesaikan satu persatu mengikut kumpulan. Walaupun penyelesaian satu persatu tetapi ia mesti dikendalikan ataupun dilaksanakan secara serentak supaya kumpulan petani apabila melihat nelayan dibantu mereka tidak merasa tercicir dan kumpulan nelayan pula bila dibantu, kumpulan setinggan di bandar tidak merasa tercicir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis dah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya gulung yang penghabisan.

Saya berharap kerajaan mestilah melihat perkara ini. Yang terakhir sekali iaitu soal pendidikan. Bahasa Inggeris adalah bahasa yang penting walau apa pun orang mengatakan, bahasa Inggeris ini memang perlu. Kerajaan haruslah melihat perkara ini secara serius kerana bahasa Inggeris adalah bahasa perantara, bahasa ilmu dan juga bahasa yang akan digunakan masa kini dan akan datang. Oleh itu, usaha untuk menyelesaikan masalah pendidikan bahasa Inggeris mestilah diambil dengan serius. Guru-guru bahasa Inggeris yang tidak cukup mesti dicukupkan. Kalau pelajar tidak boleh menguasai bahasa Inggeris, di tahun-tahun honeymoon, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu Tingkatan 2 di sekolah menengah, Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 Rendah mesti ditumpukan untuk menguasai bahasa Inggeris. Peruntukan khas hendaklah diberi untuk mengadakan kelas tambahan untuk menyelesaikan masalah bahasa Inggeris.

Di universiti tahun-tahun honeymoon, Tahun Dua yang tidak ada peperiksaan penting mesti digunakan supaya mahasiswa itu sebelum mencapai peringkat graduan, mesti boleh menguasai bahasa Inggeris. Jadi, inilah yang perlu dirancang oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi. Oleh kerana menghormati masa, saya ucap terima kasih di atas peluang yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Bandau.

4.34 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masa begitu singkat sekali, jadi saya pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangka bahawa antara implikasi keadaan ekonomi dunia kepada ekonomi Malaysia ialah penurunan permintaan dalam negeri, penurunan hasil eksport akibat kelembapan permintaan barangan eksport Malaysia di peringkat antarabangsa, kemerosotan keyakinan para pelabur asing dalam sektor pasaran modal serta penurunan pelabur asing (FDI) dalam negara dan pertumbuhan KDNK yang rendah. Maka kedudukan ekonomi negara pada masa kini sebenarnya belum pulih ke tahap sebelum krisis ekonomi bermula pada tahun 1997. Ini terbukti daripada keadaan NPL yang masih tinggi, kemerosotan keuntungan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL, FDI yang masih rendah dan jumlah NPL dalam tanggungan Danaharta yang masih sukar dilelong kepada pihak swasta. Jumlah tanggungan sebenar oleh pihak Danaharta berjumlah RM47.5 bilion.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak kita tertanya-tanya, apakah perkembangan terkini dan hasil mengenai cadangan kerajaan untuk membentuk blue print ketahanan ekonomi negara yang pernah dilaung-laungkan di Dewan yang mulia ini. Apakah jaminan bahawa ekonomi Malaysia akan berdaya tahan jika ancaman seperti yang dihadapi pada tahun 1997 itu wujud sekali lagi. Pandangan kita semua strategi dan tindakan yang dikeluarkan oleh NEAC ataupun MTEN ialah sekadar berbentuk jangka pendek dan strategi jangka panjang belum kelihatan.

Dalam soal ini, pada hari kelmarin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tambahan kepada peruntukan pembangunan sejumlah RM3 bilion dengan tujuan, dengan izin, preventive measures memandangkan hard landing ekonomi Amerika Syarikat. Kita senang melihat daripada senarai-senarai projek yang dikeluarkan itu bahawa kebanyakan projek tertentu adalah projek jangka sederhana dan panjang, dan dalam masa singkat kita

berpendapat akibatnya dari segi, dengan izin, public spending strategy tidak akan dirasai.

Pada masa yang sama juga kalau kita melihat dari senarai tersebut adalah projek-projek yang bukan senang dilaksanakan dengan cepat memandangkan ia berkaitan dengan soal tanah dan soal kontrak dan seterusnya seperti mana yang ditekankan itu termasuk dalam senarai projek-projek ialah 200 sekolah, 193 maktab, 4 universiti, 6,600 rumah untuk angkatan tentera dan seterusnya kita berharap bahawa pihak kerajaan perlu mengikiskan halangan-halangan (constrains) tertentu. Jika tidak, cadangan untuk menambahkan peruntukan dan juga senarai projek yang begitu banyak itu tidak akan membantu sebagai preventive action menghadapi ancaman yang timbul daripada hard landing, dengan izin, ekonomi Amerika Syarikat dan juga ekonomi Jepun yang telah disifatkan sebagai, dengan izin, has stop going - telah berhenti tumbuh.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita menerima dengan baik usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan khususnya sasaran untuk membasmi kemiskinan mutlak menjelang tahun 2005. Pada amnya peruntukan kewangan yang diusahakan oleh kerajaan kepada program pembasmian kemiskinan seperti PPRT adalah menggalakkan. Tidak boleh dinafikan bahawa ramai rakyat bertaraf miskin telah dibantu supaya mereka keluar daripada ikatan kemiskinan. Namun demikian, peruntukan yang begitu besar yang berbilion-bilion diberi setiap tahun bagi tujuan tersebut sering kali tidak tepat kepada sasaran seperti mana yang dibuktikan di tempat-tempat tertentu misalnya di Sabah di mana orang yang tidak layak diberi bantuan PPRT tetapi diberi seperti laporan di Lahat Datu, di kawasan Bandau dan seterusnya. Masalah ini timbul kerana data atau profil keluarga miskin di setiap daerah tidak wujud dan jika ia wujud pun data tersebut adalah tidak betul, tidak komprehensif ataupun defective, dengan izin, kerana ianya dicemari dengan banci yang rambang, perasaan politik yang tidak adil dan berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, di alaf baru ini kita merayu kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya melakukan perubahan yang positif sebagai pendekatan yang matang supaya memastikan bantuan PPRT betul-betul tepat kepada sasaran iaitu kepada mereka yang benar-benar miskin tanpa mengira bangsa dan fahaman politik. Adalah wajar bagi kementerian melabur masa dan kewangan untuk mendapat profil kemiskinan yang tepat dan melakukan kajian-kajian

tertentu ke atas program kemiskinan khususnya PPRT supaya keberkesanan program dapat dipastikan.

Dalam soal ini kita ingin bertanya berapa jumlah kajian impak yang telah dilaksanakan kepada program-program PPRT setakat ini dan apakah tindakan kementerian kepada aduan-aduan yang dikemukakan oleh pihak umum mengenai salah guna bantuan dan tindakan tidak adil oleh pihak pelaksana program di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, soal sistem pendidikan yang berkualiti turut dibangkitkan dalam Titah Ucapan Diraja. Cadangan mewujudkan pendekatan yang berbentuk menyeluruh dan bersepadu bagi teras utama pembangunan pendidikan adalah dialu-alukan. Dalam soal ini, pembekalan pendidikan yang berkualiti di luar bandar hendaklah diberi keutamaan. Pihak kementerian sering kali memberi jaminan supaya infrastruktur pendidikan tetap dibekal, perkataan selalu digunakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan ialah 'tetap dibekal' kepada golongan rakyat di luar bandar tetapi dikatakan mengikut keperluan.

Keperluan memang banyak, namun pembekalan dan pembinaan keperluan-keperluan asas pendidikan selalu tidak dilakukan seperti bangunan sekolah, bangunan asrama, rumah guru, pemberian biasiswa, pembekalan makanan yang senonoh, yang baik, yang nutritious, dengan izin, bagi pelajar-pelajar asrama, pemberian buku teks, perbekalan pusat-pusat sumber, pemberian generator dan lain-lain sering kali sebenarnya diabaikan, walaupun jaminan-jaminan terus diberi setiap kali soalan ditanya di peringkat Parlimen.

Harus dia kui bahawa jika usaha khusus tidak dilakukan bagi meningkatkan mutu pendidikan di luar bandar, maka jurang ketidakseimbangan di antara sektor bandar dan sektor luar bandar akan terus wujud ke tahap kritikal di mana golongan masyarakat luar bandar akan terus terpinggir, cerita tentang sekolah bestari, sekolah cemerlang, kelas komputer, Internet dan ICT akan sekadar menjadi seolah-olah cerita dongeng kerana golongan pelajar luar bandar tidak pernah melihatnya apatah lagi menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kami ingin bertanya kepada pihak kementerian berapa jumlah sekolah di luar bandar khususnya di Sarawak, Sabah dan Kelantan yang mempunyai guru terlatih dalam bidang komputer dan mata pelajaran komputer dalam sekolah. Berapa jumlah sekolah yang mempunyai makmal komputer di dalam ketiga-tiga negeri ini. Berapa sekolah yang telah menikmati

jaringan Internet. Ini soalan-soalan pokok yang boleh memberi gambaran ataupun indeks usaha kerajaan di dalam membekal pendidikan yang bermutu kepada sektor luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja juga telah menyentuh soal keselamatan negara dinyatakan berada di dalam keadaan aman dan stabil. Harus diakui bahawa walaupun negara kita berada dalam aman dan stabil, ancaman dalaman dan luar sentiasa wujud yang boleh menggugat kestabilan dan perpaduan nasional.

Dari segi faktor dalaman, masalah ekonomi, jurang perbezaan ekonomi antara kaum dan deprivation, dengan izin, boleh menimbulkan perasaan dengki, marah dan salah sangka di kalangan masyarakat dan antara kaum.

Perbincangan mengenai perpaduan nasional telah lama mengangapkan bahawa tidak ada masalah konflik di antara kaum-kaum di Malaysia. Namun demikian, para analis dan penyelidik telah lama memberi gambaran bahawa di akar umbi masalah tidak puas hati dengan symptom, dengan izin, tertentu tetap wujud dan masalah ekonomi di kalangan atau antara kaum boleh membakar perasaan tidak puas hati dan menimbulkan konflik. Masalah yang telah terjadi di Kampung Medan dan persekitaran ada kaitan besar dengan masalah kemiskinan, ekonomi dan sosial.

Dalam perkara ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat perlu mewujudkan pendekatan baru supaya lebih proaktif dalam soal menangani masalah jurang ekonomi di antara kaum supaya potensi masalah tersebut menjadi konflik boleh diatasi sebelum ia wujud.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, minta gulung ya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Panel perpaduan nasional perlu dirombak kembali supaya pendekatan dibuat daripada intellectual approach kepada pendekatan yang praktikal dan proaktif. Sudah sampai masanya bagi panel tersebut meningkatkan keberkesanan dari segi fungsi dan peranan serta membekalkan laporan tahunan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan kepada pihak Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya gulung, dengan mengatakan bahawa seperti mana yang telah pun terjadi di Sabah, nampaknya pihak Kerajaan Pusat telah terus meneruskan pergiliran jawatan Ketua Menteri, pihak kami dalam ketetapan sentiasa begitu jelas bahawa pihak kami berpandangan bahawa tindakan itu adalah tidak

tepat kerana pergiliran itu tidak menguntungkan kepada semua pihak. Namun demikian, pihak Kerajaan Pusat telah pun meneruskannya.

Pandangan kita ialah kalau ia diteruskan, teruskanlah dengan tindakan yang adil supaya tidak mengetepikan mana-mana suku kaum yang lain. Dalam tindakan yang terkini itu, suku kaum Kadazandusun tidak akan berpeluang memegang kerusi Ketua Menteri dalam enam tahun, selepas enam tahun baru ada peluang dan pandangan kita ialah, abolish the rotation, dengan izin, kerana tidak menguntungkan rakyat keseluruhan. Tetapi kalau you ingin meneruskan rotation, maka teruskan dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, saya melihat surat khabar kelmarin pagi ini bahawa ada mereka terlibat untuk cuba mengambil kuasa kononnya jawatan Ketua Menteri dan melibatkan nama PBS tersebut yang mengatakan di sini

Tuan Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak ada masa, terima kasih. ...bahawa pihak kami PBS tiada terlibat apa-apa dalam perkara ini. Kita berpendapat bahawa kita nanti rotation dan ini adalah tindakan-tindakan, kami hanya sekadar mendengar cerita dongeng dan ini tindakan politikus-politikus yang sudah masuk jerat Barisan Nasional dan itu masalah dalaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya yang terakhir satu halaman web bernama SandakandotCom, sangat serius kerana ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, dan di sini satu halaman web yang begitu canggih dilaporkan dan dibentuk yang menuntut Sabah sebagai negeri ataupun sebagai kawasan di bawah Kerajaan Filipina. Dan ia mengatakan di dalam ini, bahawa, dengan izin, Kuala Lumpur is just renting Sabah not Borneo from Sultan of Sulu. Dia mengatakan di sini ada 500,000 pendatang dari Filipina yang tidak beregister, yang sudah wujud di negeri Sabah dan dia mengatakan dalam halaman web ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kami akan berjuang untuk mengambil balik negeri Sabah, North Borneo sebagai tanah air orang-orang Filipina. Bahkan ia mengancam di sini, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata seperti begini: "bahawa mereka akan menghantar 10 juta orang Filipina ke negeri Sabah untuk mengambil negeri tersebut." Semua ini adalah ancaman. Perlu pihak Kerajaan Pusat mengkaji sedalam-dalam implikasi ini dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu demi menjamin keselamatan negeri Sabah dan negara keseluruhan supaya perkara macam ini tidak diambil ringan.

Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan. Oh, dia tak beri jalan pula ya. Hendak minta penjelasan ya. Ya, Penampang.

4.48 ptg.

Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas terhadap usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong.

Saya hanya membahar secara ringkas empat perkara yang saya fikir amat perlu pada masa sekarang dan selepas mendapat maklum balas dari akar umbi berkenaan dengan masalah yang berhubung kait dengan Jabatan Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengetengahkan masalah rancangan makanan tambahan Jabatan Pendidikan yang memberi makanan yang mengandungi monosodium glutamate (MSG) seperti yang terkandung di dalam mee segera yang dibekal ke sekolah-sekolah di luar bandar. Saya ada sample di sini, MSG ataupun mononitrium glutamate dikatakan boleh membantut pertumbuhan otak manusia terutama sekali kanak-kanak.

Kempen anti MSG terdapat pada beberapa laman web dan ada juga laman web yang anti MSG, saya ada senarai di sini dan yang saya dapati dari Kinabatangan. Walau apapun, benar atau tidak, saya fikir kita tidak boleh ambil risiko dan membiarkan anak-anak kita terdedah kepada bahaya MSG ini bila diberi makanan ini setiap hari di sekolah. Saya meminta pihak Jabatan Pendidikan memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini.

Saya juga ingin membawa masalah SRJK yang mana sekolah-sekolah ini dibebani dengan masalah-masalah penggajian tambahan seperti tukang kebun, tukang sapu dan mungkin

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rancangan makanan tambahan ini diedarkan di kawasan saya di sekolah-sekolah di Kinabatangan, saya pun tidak tahu bila MP ini ke kawasan saya, jadi saya meminta apakah Yang Berhormat bercadang kepada Kementerian Pendidikan untuk menghentikan dengan serta-merta pengagihan mee segera yang mempunyai MSG ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: MSG itu apa dia?

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Tuan Yang di-Pertua, monosodium glutamate. Saya memang mendapat ini dari Kinabatangan, sebab mungkin tidak

dapat cari Yang Berhormat di sinilah, jadi mereka hantar kepada saya dan memang terdapat juga di luar bandar, di tempat-tempat saya, di tempat-tempat yang terpencil di mana sekolah-sekolah itu jauh di desa dan saya difahamkan memang mee segera dibekalkan di sekolah-sekolah dan dimasak setiap hari untuk anak-anak kita di desa. Jadi, memang saya bertegas supaya pembekalan ini diberhentikan serta-merta.

Saya sambung dengan sekolah-sekolah, banyak sekolah-sekolah SRJK dibebani dengan masalah penggajian tambahan seperti tukang kebun, tukang sapu dan mungkin kakitangan-kakitangan yang lain di sekolah. Saya melihat masalah sesetengah PIBG dan pengurusan sekolah yang begitu tertekan sekali untuk mengurus kewangan sekolah yang terpaksa menanggung kos pembinaan bangunan baru dan juga penyelenggaraan sekolah.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading dalam perkara ini yang mana kerajaan perlu memberi bantuan kewangan tambahan untuk meringankan bebanan pengurusan sekolah dan seterusnya bebanan rakyat jelata. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan juga Yang Berhormat bagi Serdang murid-murid lepasan SRJK ni tidak kurang patriotisme ataupun nasionalisme mereka.

Seterusnya saya telah difahamkan bahawa lebih 40,000 murid sekolah sekarang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun walaupun hanya dimulakan dalam lingkungan lima tahun. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di dalam Dewan yang mulia ini atas keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap bahasa ibunda ini dan juga bahasa vernakular yang lain. Ini telah menyumbang kepada perpaduan rakyat Malaysia, di mana bahasa ibunda masing-masing dapat dikembangkan dan seterusnya memberi rasa sesuatu kebebasan dan keamanan dalam hati kaum tersebut.

Dalam memperkembangkan lagi Pupil's Own Language (POL) ini saya mengalu-alukan hasrat Kementerian Pendidikan untuk melatih guru bahasa di maktab-maktab perguruan. Saya harap ini dapat dipercepatkan kerana saya melihat guru-guru yang ada sekarang sedang menghadapi tekanan kerana tidak cukup kemahiran dan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, satu pengamatan yang saya lihat juga ialah masalah guru Bahasa Inggeris, guru itu sendiri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sipitang masalah Bahasa Inggeris ini tetapi saya tekankan kepada guru Bahasa Inggeris. Saya ada melihat, ada sekolah yang melantik seorang guru Bahasa

Inggeris di luar bandar yang bukan sahaja tidak terlatih tetapi pandai sedikit sahaja atau lebih daripada 'yes' 'no' sahaja. Ini amat memeranjatkan dan menyedihkan terutama sekali pada zaman sekarang di mana kita menekankan lebih kepada pertumbuhan ilmu seperti pada k-ekonomi.

Tidak dinafikan lagi Bahasa Inggeris yang memang wajib dalam komunikasi dan urus niaga juga menyimpan ilmu-ilmu yang hanya boleh diperolehi jika kita fasih dalam bahasa ini. Buku-buku dan jurnal-jurnal penting kebanyakannya ditulis di dalam Bahasa Inggeris. Saya sarankan supaya Jabatan Pendidikan segera mengambil tindakan melatih guru-guru bahasa ini sebagai strategi jangka panjang di samping strategi jangka pendek, seperti memanggil semula bekas guru yang mungkin sudah berpencen ataupun membawa guru luar untuk membantu.

Seterusnya saya ingin mengetengahkan mengenai dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Diucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana pembinaan Kompleks Persekutuan di Teluk Likas di mana upacara pecah tanah telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Mac yang lalu. Ini menunjukkan keseriusan kerajaan membangunkan negeri Sabah. Saya harap pembangunan fizikal ini disusuli dengan pembangunan *intangible* dengan izin, di mana masalah yang ada seperti perhubungan dan persefahaman kedua-dua kerajaan negeri dan Persekutuan dapat ditingkatkan.

Saya juga ingin sekali lagi mengingatkan supaya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil tindakan yang proaktif terhadap rungutan kakitangan Persekutuan dari Sabah yang bertugas di Semenanjung supaya dikaji semula elaun sewa rumah dan elaun lain supaya munasabah. Memang terdapat kepincangan dalam pemberian elaun-elaun seperti juga yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Satu masalah ketara sekarang ialah kerjasama pengendalian sesuatu tugas atau projek oleh Kementerian Persekutuan dengan kakitangan kerajaan negeri, masih ada dengan izin, '*grey area*' di mana diperlukan lebih banyak contact dan dialog antara kedua-dua pihak. Saya sarankan supaya KSN dan Setiausaha Kerajaan Negeri berbincang dengan lebih terperinci lagi dari segi pengendalian, pengimplementasian atau penganjuran sebarang polisi atau aktiviti di negeri Sabah.

Saya menyambut baik langkah-langkah proaktif dan tegas yang diambil oleh Perdana Menteri untuk meminta *progressive report* daripada kementerian-kementerian Persekutuan. Sehubungan dengan kecekapan kakitangan Persekutuan

di Sabah, saya memohon supaya lebih ramai anak watan Sabah diberi tugas untuk mengetuai jabatan, agensi atau badan-badan Persekutuan kerana mereka lebih faham dengan persekitaran dan adat resam negeri Sabah yang kadang-kadang *volatile*. Memang dialu-alukan pelantikan Pengarah Pendidikan dan Jabatan Penerangan tetapi masih banyak lagi badan lain yang mampu dipimpin oleh rakyat Malaysia dari Sabah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Okay, satu minit. Isu Perpaduan.

Dalam beberapa hari ini isu perpaduan amat hangat diperbahaskan dan ini tidaklah menghairankan selepas insiden Kampung Medan yang saya telah difahamkan belum lagi selesai. Ini juga disebabkan oleh pembunuhan yang berleluasa di negara jiran kita seperti di Kalimantan.

Kalau kita renung bagaimana paras emosi seseorang itu bila dia sanggup memancung kepala atau menetak seseorang bertujuan untuk membunuh, saya fikir generasi lama tidak terfikir bagaimana tahap kemarahan seseorang itu. Perpaduan, kedamaian dan keharmonian tidak lahir pada kita, hanya terjalin dan terjadi kerana visi dan perancangan yang begitu rapi oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ini juga disebabkan kita bebas beragama yang mana telah membuat kita lebih toleran, sedia berkorban emosi diri sehingga kita sanggup mempelajari agama, adat resam dan kepercayaan kaum yang lain.

Rakyat Malaysia sudah lama menerima agama Islam sebagai agama rasmi negara dan bangsa Melayu sebagai tulang belakang kepada perjuangan negara merdeka Malaysia. Jadi, dalam isu toleransi kaum memang diberi tanggungjawab kaum Melayu di Malaysia memberi arah dan memimpin kaum yang lain di mana ciri-ciri kepimpinan seperti permuafakatan, perbincangan dan ketegasan kepada keputusan amatlah diperlukan.

Saya yakin dan percaya bahawa forum untuk kita mendengar suara setiap lapisan masyarakat seperti MAPEN II dan forum yang lain sentiasa diberi keutamaan demi perpaduan rakyat. OPP3 yang akan dibahas pada minggu depan dan RMK-8 seterusnya amat *crucial* dan sebenarnya jika diizinkan seharusnya diberi lebih masa untuk perbahasan kerana OPP3 adalah untuk 10 tahun yang akan datang dan akan menentukan jika kita boleh capai Wawasan 2020.

Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit.

4.58 ptg.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong walaupun beberapa minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar kebelakangan ini dunia sedang sibuk mengeksploitasi wanita. Menjadi tanggungjawab kepada Yang Berhormat yang baru dilantik, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga yang baru untuk menyekat, menghalang dan membasmi gejala yang tidak sihat ini dari terus bermaharaja lela.

Wanita adalah ibu, wanita adalah kakak, wanita adalah isteri dan wanita adalah anak-anak kita. Mereka dicipta oleh Allah untuk menyempurnakan tugas, melahirkan zuriat, membimbing anak-anak, berbakti kepada suami dan bertanggungjawab kepada Allah. Mereka bukan dijadikan secara suka-suka atau sekadar untuk memuaskan nafsu kaum lelaki semata-mata. Firman Allah S.W.T. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud: *“Bagi lelaki ada bahagian yang diperolehi daripada Allah apa yang mereka kerjakan dan bagi muslimah atau wanita ada bahagian yang diberikan oleh Allah S.W.T.”*

Amat malang martabat wanita hari ini diletakkan di paras paling rendah. Soal moral mereka jarang diperhitungkan. Jika ianya berbau komersial dan jika tindakannya profesional mengikut acuan Barat dan adat Timur, pada hal jika diteliti dan dikaji berdasarkan Islam hari ini, banyak perkara yang dilakukan oleh wanita disanggah oleh Allah S.W.T. dan Rasulullah S.A.W. dalam Al-Quran dan hadis-hadis nabi. Mereka menjadi penghias barang-barang jualan kononnya untuk menarik perhatian. Moralnya tidak diambil berat dan sebahagian besarnya hampir dipamerkan. Perjuangan untuk memartabatkan wanita dalam erti kata sebenar tidak ternampak melainkan perjuangan untuk menaikkan taraf yang sama seperti apa yang ada pada lelaki. Moral mereka hancur tanpa disedari. Adalah menjadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga dengan kuasa dan peruntukan yang ada mengangkat kembali martabat wanita yang sudah tercemar.

Usahlah dipertikaikan soal kanak-kanak memakai tudung ketika pergi ke sekolah kerana soal bertudung dan menutup aurat ini bukan suruhan sesiapa, bukan

suruhan mana-mana parti politik tetapi adalah hukum Allah S.W.T. Saya berasa hairan mengapa ada pihak tertentu yang masih mempertikaikan soal kanak-kanak perempuan bertudung. Kononnya menjadi alasan mengapa anak-anak orang Cina dan India enggan ke sekolah. Oleh kerana mereka mempertikaikan kanak-kanak perempuan ini memakai tudung sebab itu anak-anak orang Cina dan orang India tidak mahu pergi ke Sekolah Kebangsaan sebab takut kerana mereka dipaksa pakai tudung. Alasan ini dibuat hanya kerana prejudis terhadap hukum Allah dan tiada bukti dikemukakan untuk menguatkan hujah tersebut. Ia diperkatakan sekadar hendak bercakap dan secara tidak langsung cuba menuding jari dengan menyalahkan pihak lain.

Statistik Julai hingga September 2001 menunjukkan 50 gadis terbabit dalam pelbagai kesalahan juvana mengikut kumpulan etnik utama iaitu 34 orang Melayu, 2 orang Cina dan 1 orang India, 4 orang beragama lain dan 9 orang lain-lain bangsa. Kes juvana membabitkan gadis cukup membimbangkan. Mereka terbabit dalam kes pelacuran, mengandung anak luar nikah dan kegiatan tidak bermoral seperti menjadi GRO. Kajian menunjukkan bahawa faktor institusi keluarga yang rapuh antara sebab mengapa kejadian ini berlaku. Rumah tangga tidak selesa, porak-peranda dan ibu bapa terlalu sibuk juga adalah salah satu faktor. Lebih malang ada yang berlaku sumbang muhrim, selain bohsia dan pelacuran. Ini semua ada kaitan dengan masalah dalaman individu dan terlalu kurang pengaruh sekitar.

Bagi yang ingin kemewahan, mereka akan terjebak dalam pelacuran kerana ini sahaja jalan mendapatkan duit secara mudah. Pada anggapan mereka menjadi tugas dan tanggungjawab Yang Berhormat Menteri, walaupun beliau tidak ada di Dewan ini yang baru sahaja diberi tempat supaya memberikan tumpuan kepada penyelesaian masalah-masalah ini kerana generasi muda ini adalah pemimpin masa depan negara. Jika mereka hancur ketika usia muda, maka akan hancurlah negara dan agama kita.

Saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai perpaduan. Jika kita bersatu atas nama bangsa kita, bangsa Melayu atau bangsa apa sekali pun, kita kenalah tahu bahawa bangsa Melayu sudah pecah sejak sekian lama. Perjalanan sejarah Melayu menunjukkan bahawa perpecahan tersebut ialah mengakibatkan kita dijajah hampir 500 tahun lamanya. Melayu bukan sahaja dipecahkan mengikut tempat tinggal, daerah, negeri, suku dan ideologi tetapi termasuk berbeza parti politik. Di

zaman pemerintahan Inggeris, bangsa Melayu dipisahkan oleh nilai dan sosial. Akhirnya Melayu berbeza antara Melayu urban dengan Melayu rural.

Melayu juga terpisah disebabkan latar belakang pendidikan iaitu pendidikan Barat dan pendidikan tradisional. Saya merujuk kepada tragedi Taman Medan sedikit apabila berlaku pergaduhan hingga ada yang mati dan cedera parah. Maka, kerajaan sibuk bercakap soal pembangunan yang hendak dilaksanakan di situ. Apa yang terjadi di Taman Medan mengingatkan saya kempen Barisan Nasional di Parit, tempat saya.

Kempen Barisan Nasional di Parit dalam Pilihan Raya Umum lalu kononnya jika pengundi-pengundi Parit memangkah bulan purnama, Parit akan huru-hara dan rakyat akan makan ubi kayu macam zaman Jepun sedangkan di Parit sekarang ubi kayu pun sudah tidak ada, sudah dimakan dek '*chelang*', makan dek khinzir [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua tahulah perkataan '*chelang*' itu. Jadi, Alhamdulillah PAS menang di Parit tiga berbalas kosong, secara sapu bersih, tiada huru-hara berlaku. Penduduknya aman damai dan makan makanan yang lazat-lazat, sedap-sedap dan berkhasiat. Tiba-tiba Taman Medan yang dikuasai oleh Barisan Nasional berlaku huru-hara. Kita amat sedih atas apa yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan, parti-parti pemerintah, pembangkang, NGO dan rakyat keseluruhannya untuk menolak keganasan, menolak pergaduhan dan berusaha mengembalikan keamanan. Soal keselamatan dan kestabilan negara bukanlah soal Barisan Nasional semata-mata tetapi kami dari parti pembangkang juga tidak ingin melihat keamanan dijual beli dengan harga yang murah.

Bagaimanapun, saya amat kesal dengan sikap pemimpin tertinggi yang meminta rakyat tidak menyebarkan khabar angin berkenaan tragedi Taman Medan tetapi beliau sendiri sibuk memberi kenyataan yang berbau khabar angin kepada media. Di kesempatan ini, saya meminta Ketua Polis Negara menyiasat beberapa kenyataan yang dibuat oleh pemimpin tertinggi berkaitan dengan isu sensitif keganasan dalam tragedi Taman Medan ini. Pihak polis harus menunjukkan bukti kepada rakyat bahawa tiada siasatan terpilih terlaksana dalam piagam Polis Malaysia.

Kenyataan yang disiarkan oleh akhbar *The Sun*, *The Star* dan *Utusan Malaysia* pada 16 Mac, 2001 telah melaporkan Perdana Menteri berkata, "Dato' Seri Dr. Mahathir hari ini berkata, khabar angin mengenai pergaduhan di Jalan Klang

Lama sengaja disebarkan supaya berlaku rusuhan agar kerajaan akhirnya dapat digulingkan. Perdana Menteri turut berpendapat khabar angin itu ada kaitan dengan parti pembangkang yang cuba menghasut dan menggunakan orang miskin untuk mencetus rusuhan”.

Lihat akhbar *Utusan Malaysia* halaman satu, tajuk berita “Khabar Angin Sengaja Disebarkan - PM”. Perdana Menteri juga dilaporkan berkata “Khabar angin yang disebarkan itu adalah satu yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu. Kita tidak tahu latar belakang mereka. Mereka sengaja membesar-besarkan cerita kononnya beratus-ratus orang Melayu telah dibunuh supaya orang Melayu naik marah dan saya tidak tahu mungkin di kalangan orang-orang India juga, cerita yang sama.” Kata Dr. Mahathir lagi, “Mereka seterusnya berharap rusuhan itu akan berterusan yang berkemungkinan menyebabkan kerajaan dijatuhkan seperti yang berlaku di sebuah negara lain.”.

Lihat akhbar *Utusan Malaysia* halaman satu, tajuk berita “Khabar angin sengaja disebarkan – PM”. Kenyataan di atas memang bertujuan jahat terhadap usaha memburuk-burukkan pembangkang. Oleh yang demikian, kami menyeru pihak polis membuat siasatan terhadap kenyataan ini kerana kami tidak pernah mendengar atau diceritakan oleh sesiapa pun, kononnya ada khabar angin yang menyebut beratus-ratus orang Melayu dan India telah dibunuh.

Apa yang menarik dengan Tragedi Taman Medan sudah dirumuskan sebagai implikasi dari faktor kemiskinan. Isu kemiskinan disarungkan untuk menyembunyikan isu sebenar yang tercetus di Taman Medan. Pelbagai janji orang politik dari BN ditaburkan, maka ramailah pemimpin-pemimpin negara berkunjung dan baru tahu ada kawasan miskin di Lembah Kelang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Boleh dikatakan tiada langsung usaha untuk membangunkan insan itu sendiri selain dari janji-janji pembangunan material seolah-olah kemiskinan tidak wujud di bandar-bandar terutama di kawasan Lembah Kelang. Kemiskinan hanya menjadi momokan pemerintahan terhadap dua negeri yang menolak mereka iaitu Kelantan dan Terengganu.

Pembangunan material memang penting. Jalan raya, rumah, balai raya dan kemudahan-kemudahan awam yang memang penting tetapi tumpuan juga harus

diberikan kepada soal pembangunan insan itu sendiri. Jika insan boleh dipenuhi dengan ilmu, percayalah tiadalah kejadian seumpama ini akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Ya. Oleh kerana banyak lagi, maka saya patuh kepada amaran Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Sepang.

5.12 ptg.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan dan kemajuan negara yang kita nikmati sekarang ini adalah hasil daripada keringat pemimpin-pemimpin terdahulu iaitu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sejak negara mencapai kemerdekaan lagi. Tanpa kepimpinan yang bijak dan wawasan yang jelas, generasi pelapis yang terdidik, ilmu yang mantap, keimanan yang teguh dan usaha-usaha yang berterusan, belum tentu kita dapat melihat ramai rakyat Malaysia hidup di dalam keadaan mewah dan senang, termasuklah rakan-rakan kita yang berada di pihak parti lawan.

Tuan Yang di-Pertua, model pembangunan negara memberi penekanan dalam berbagai dimensi termasuk pembangunan spiritual, ekonomi, sosial, kebudayaan, politik dan lain-lain yang perlu dipertahan dan dipraktikkan untuk membina kekuatan dan jati diri rakyat Malaysia di millennium baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga adalah merupakan satu lagi langkah positif yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional, bukan sahaja tanda keprihatinan bahkan pengiktirafan terhadap kemajuan dan kemampuan wanita dalam soal-soal pembangunan keluarga yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat dan negara. Wanita, khususnya, meletakkan harapan yang tinggi kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga supaya bukan sahaja menumpukan usaha ke arah memperjuangkan hak-hak wanita, malah melipatgandakan usaha di dalam melaksanakan program-program yang dapat memberi faedah kepada bukan sahaja wanita tetapi keluarga pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membicarakan soal keharmonian dan kesejahteraan keluarga ini, saya sering terbaca di dalam akhbar tempatan yang

menyiarkan tentang sikap haruan makan anak. Sifat kehaiwanan ini amatlah keji, malah dikutuk oleh Allah S.W.T. Lebih menyedihkan jika mangsa tersebut adalah seorang kanak-kanak yang di bawah umur atau kanak-kanak yang belum kenal erti kehidupan. Malangnya, harapan dan masa depan mereka telah dihancurkan oleh manusia yang bernafsu binatang. Besar kemungkinan kanak-kanak yang telah diperkosa ini akan gelap masa hadapan mereka.

Bagi mengelakkan kejadian ini semakin berleluasa, saya mohon mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan mengkaji semula tempoh hukuman penjara yang tidak konsisten yang lebih berat kepada penjenayah-penjenayah ini dari hanya 7, 8 atau 9 tahun kepada satu tempoh yang lebih lama atau terus dipenjarakan seumur hidup. Sebagai seorang wanita, saya merasakan kadar hukuman penjara yang sedia ada sekarang ini begitu singkat dan langsung tidak setimpal dengan derita yang bakal dialami oleh mangsa sepanjang hayat. Semoga dengan tindakan undang-undang yang lebih berat ini akan dapat memberi keinsafan kepada mereka yang telah melakukan dan juga mereka yang berniat untuk melakukan perbuatan terkutuk ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bangga apabila mendapati bahawa kemajuan pendidikan di kalangan wanita adalah semakin menggalakkan. Ini terbukti dengan ramainya bilangan pelajar-pelajar perempuan yang berjaya meraih keputusan kecemerlangan di dalam bidang akademik. Pusat-pusat pengajian tinggi terutamanya pusat pengajian tinggi awam menempatkan sebilangan besar pelajar perempuan. Bukan sahaja pelajarnya, malah pensyarah-pensyarahnya juga ramai terdiri daripada kalangan wanita.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan penglibatan wanita di dalam pengurusan tertinggi di universiti seperti jawatan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor serta pengarah institusi atau akademi masih belum boleh dibanggakan dan perlu dipertimbangkan. Berdasarkan kepada pertemuan saya dengan beberapa orang pensyarah universiti, saya difahamkan penglibatan wanita di dalam jawatan ini hanya boleh dianggap sebagai token sahaja, dengan izin. Jika ia benar, apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan bagi memberi ruang kepada wanita yang berkelayakan dan berpotensi diberi peluang menjawat jawatan yang dimaksudkan untuk turut menyumbang ke arah pembangunan institusi pendidikan negara. Kita pun tahu bahawa wanita juga mempunyai kredibiliti, potensi

dan komitmen yang tinggi di dalam melaksanakan tugas sebagai pentadbir yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pendidikan merupakan proses penerapan ilmu, kemahiran dan akhlak secara progresif ke arah jiwa manusia. Antara matlamat penubuhan Kementerian Pendidikan adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang taat setia dan bersatu padu, beriman, berakhlak dan berketerampilan. Objektif ini juga menjadi fokus utama hingga di peringkat negeri, daerah seterusnya di sekolah-sekolah. Bagi merealisasikan objektif ini, setiap peringkat sudah pasti perlu mempunyai struktur pentadbiran yang mantap dan lengkap.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyuarakan supaya Kementerian Pendidikan dapat menyejajarkan kewujudan pejabat pendidikan bagi daerah Sepang, khususnya, secara berasingan. Saya akui bahawa satu ketika dahulu, daerah Sepang hanyalah sebuah daerah yang jauh ketinggalan dan tidak mempunyai ramai penduduk dan jumlah sekolah yang secukupnya yang mendesak kepada perlunya pewujudan pejabat pendidikan daerahnya sendiri. Maka, terpaksa berkongsi dengan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini, daerah Sepang menempatkan 18,674 orang pelajar yang ditempatkan di 6 buah sekolah menengah, 9 buah sekolah rendah kebangsaan, 8 buah Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil) serta 6 buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan di daerah Kuala Langat pula terdapat seramai 39,267 pelajar sekolah yang ditempatkan di 14 buah sekolah menengah, 13 buah sekolah kebangsaan, 13 buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan 7 buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Ini bermakna, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat dan Sepang, terpaksa mentadbir sebanyak 104 buah sekolah dan 57,941 orang murid dari dua daerah yang berlainan.

Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat, Sepang sebanyak 22 buah sekolah telah dicadangkan untuk dibina di dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu 5 buah sekolah rendah dan 6 buah sekolah menengah di daerah Sepang dan angka yang serupa bagi daerah Kuala Langat. Jika ini berlaku, bermakna pertambahan pelajar juga tidak dapat dielakkan. Kerja-kerja mentadbir dan mengurus akan bertambah.

Sepang pada masa yang sama sewajarnya menunjukkan prestasi dan pencapaian yang baik dalam bidang pendidikan, sesuai dengan kedudukannya yang

terletak di dalam kawasan Koridor Raya Multimedia dan dikelilingi dengan pelbagai projek-projek mega seperti Putrajaya, Cyberjaya, KLIA, Litar Formula Satu, Wetland, E-Village, dengan izin, maka amat wajar Pejabat Pentadbiran Pendidikan Daerah Sepang yang berasingan diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Semoga.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta gulung, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Semoga dengan penubuhan Pejabat Pendidikan Daerah yang berasingan ini sistem pentadbiran akan dapat ditingkatkan dan usaha ke arah meningkatkan pencapaian akademik para pelajar daerah Sepang dapat diberikan tumpuan yang sepenuhnya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita turut dibimbangi oleh segelintir sikap anak-anak muda kita yang semakin terhakis nilai jati diri atau semangat patriotisme nya. Mereka semakin berani bertindak seolah-olah mereka lupa akan sejarah yang telah banyak mencatatkan pelbagai peristiwa pahit maung perjuangan generasi lampau di dalam membina keagungan tamadun negara dan bangsa yang mereka warisi.

Saya berpendapat ini mungkin berlaku kerana semasa usia muda pelajar ini tidak menghayati secara khusus kepada mata pelajaran Sejarah. Begitu juga sewaktu di Tingkatan 4 dan 5 di universiti, sejarah merupakan satu mata pelajaran elektif dan tidak diwajibkan dalam semua bidang kursus. Saya khuatir jika ini berterusan jumlah atau bilangan rakyat Malaysia yang tidak tahu menghargai sejarah akan semakin bertambah dan yang membimbangkan mereka akan lebih mudah dipengaruhi dan dibeli oleh anasir yang sentiasa menangguk di air yang keruh.

Memandangkan hanya melalui pendidikan secara formal sahaja penerapan semangat jati diri ini dapat diserapkan ke dalam jiwa anak-anak kita, maka saya mohon mencadangkan supaya mata pelajaran Sejarah Malaysia dapat dijadikan mata pelajaran yang wajib bagi semua peringkat pendidikan baik di sekolah menengah sehingga ke peringkat universiti. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

5.22 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin ramai yang sudah lupa bahawa Allahyarham Tuan Haji Hassan Adli yang merupakan Ahli Parlimen PAS pada waktu itu iaitu Ahli Parlimen Kuala Terengganu Utara telah mengemukakan satu usul ketuanan Melayu di Dewan yang mulia ini pada 4 Oktober tahun 1962. Beliau mencadangkan agar hak ketuanan Melayu dicatat dalam Perlembagaan. Teks usulnya berbunyi kurang lebih "*Persekutuan Tanah Melayu dipunyai oleh bangsa Melayu, dirakamkan dalam Perlembagaan Persekutuan*". Usul yang dibawa oleh Allahyarham Tuan Haji Hassan Adli ini telah mendapat kecaman hebat daripada wakil-wakil rakyat UMNO di Dewan yang mulia ini pada tahun 1962.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan perpaduan yang telah banyak diperkatakan dan saya ingin menambah apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Dungun kerana negeri Kelantan dan Terengganulah sebagai contoh yang terbaik bagaimana hipokritnya pemimpin-pemimpin yang ada di negara kita yang sekarang ini bercakap soal perpaduan.

Seperti yang kita ketahui negeri Terengganu adalah negeri yang kaya. Pendapatan per kapita semasa UMNO memerintah lebih daripada 40 tahun dan hasil minyak lebih daripada 22 tahun, pendapatan KDNK adalah kedua terkaya di Malaysia iaitu RM19,880 hanya di belakang Wilayah Persekutuan yang lebih kurang RM25,000. Pendapatan purata isi rumah negeri Terengganu pada waktu itu adalah RM1,497. Ini menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks negeri Terengganu negerinya adalah kaya tetapi rakyatnya adalah miskin. Kadar kemiskinan yang dicatat adalah 17.4% rakyatnya hidup di tahap kemiskinan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyingkap kepada persoalan perpaduan ini apa yang berlaku setelah Terengganu diambil alih sejak setahun yang lepas. Negeri Terengganu kalau dicampur dengan negeri Kelantan, rakyatnya adalah berjumlah 2.3 juta orang. 96% daripada rakyatnya adalah berbangsa Melayu tetapi rakyat negeri Terengganu dan Kelantan inilah yang paling didiskriminasi, ditekan dan dinafikan pelbagai kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir berlaku di negeri Terengganu adalah suatu yang begitu menyayatkan hati. Dua orang profesor pusat pengajian tinggi telah bertemu dengan saya dua hari yang lepas. Mereka terlibat dalam penyelenggaraan untuk memilih pelajar-pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi – pelajar-pelajar lepasan diploma. Dua profesor ini memberitahu saya bahawa mereka

telah diarahkan oleh pihak atasan iaitu pemimpin-pemimpin negara kita supaya pelajar-pelajar daripada KUSZA (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin) di "KIV" kan segala permohonan mereka ke pusat pengajian tinggi.

Ini adalah merupakan suatu pengkhianatan yang besar yang berlaku sehinggakan kedua-dua profesor yang bertemu dengan saya menyatakan kalaulah ini yang dikatakan perpaduan oleh pemimpin-pemimpin UMNO, Yang Berhormat, maka tolong beritahu pemimpin-pemimpin UMNO ucapkanlah selamat tinggal kepada UMNO dan kita bertemulah dalam pilihan raya 2004 ini. *[Sorak][Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang saya wakili sejak setahun yang lepas saya telah dapat mengenal pasti tahap kemiskinan yang begitu memeranjatkan dan begitu menyayatkan hati. Setakat yang telah saya kenal pasti ada 821 isi rumah yang kehidupan mereka di bawah tahap kemiskinan mutlak yang memerlukan pertolongan yang segera.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh bagi laluan, Yang Berhormat?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ada 557 anak-anak Melayu di kawasan saya yang...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tidak. Tidak bagi jalan kerana masa terlalu singkat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, sebelum itu saya hendak tahu nama ...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya hendak tahu nama profesor itu sahaja. Jangan kita buat tuduhan melululah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ada 557 anak-anak ...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh saya dapat nama profesor itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ada 557 anak-anak Melayu di kawasan saya yang perlukan bantuan persekolahan secara *basic* dan ada tidak kurang daripada 112 yang saya telah kenal pasti tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang memerlukan bantuan yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sikap ataupun cara UMNO dan Barisan Nasional memerintah. Mereka bercakap soal membantu orang-orang Melayu membela orang-orang Melayu tetapi contoh yang paling baik apa yang berlaku di negeri Terengganu Darul Iman ini bagaimana rakyat hidup merempat, pemimpin-pemimpinnya kaya raya dengan hasil kekayaan yang ada di negeri Terengganu. Hasil minyak sahaja lebih daripada RM7 billion lebih daripada 22 tahun tetapi rakyat hidup di dalam keadaan merempat terutamanya orang-orang Melayu.

Hutang yang ditinggalkan selepas PAS dan BA mengambil alih lebih daripada RM700 juta. Mereka membelanjakan secara mewah menggunakan segala kemudahan yang ada dan pemimpin-pemimpin UMNO di negeri Terengganu seolah-olah tidak mahu menerima bahawa mereka sudah tidak lagi memerintah di negeri Terengganu terutamanya. "Tak khabar" orang Kelantan kata. Mereka menggunakan segala kemudahan-kemudahan kerajaan termasuk sekolah-sekolah digunakan untuk kepentingan UMNO sehinggakan mesyuarat-mesyuarat UMNO diadakan di dalam sekolah, menggunakan premis sekolah dan juga maktab-maktab perguruan.

Saya menerima beberapa helai ataupun beberapa *list* daripada sekolah-sekolah yang digunakan oleh UMNO untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat mereka. Ini juga menunjukkan satu sikap hipokrit mereka apabila mereka menyatakan jangan menggunakan sekolah untuk kepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya sebutkan di sini ialah dari segi arahan yang diberikan oleh Kabinet terhadap semua jabatan-jabatan dan agensi-agens Persekutuan di seluruh...

Tuan Bung Moktar bin Radin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya point of order apa dia Yang Berhormat?

Tuan Bung Moktar bin Radin: 36(6) ini sangkaan jahat ini. Dia tuduh dia tidak ada bukti. Kita minta nama profesor dia tidak bagi, dia cakap dia tuduh sembarangan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Kalau ada bagi buktilah, kita selidik profesor ini, mana tahu dia bohong.

Tuan Yang di-Pertua: Okay, sila, sila. Sila teruskan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Siakap senohong, gelama ikan duri; bercakap bohong, lama-lama jadi perompak di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan

Tuan Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Ini sangkaan jahat melampau. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak kata kepada siapa, Yang Berhormat.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Sudah keterlaluan menuduh. Gunakanlah, seorang yang *graduate* - doktor, gunakan bahasa yang baik-baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat. Minta gulung Yang Berhormat. Masa tidak cukup.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sebagai akhirnya saya ingin merujuk kepada suatu arahan bagaimana gelabahnya UMNO sekarang ini, arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kepada semua kontraktor di mana semua papan tanda untuk projek Kerajaan Persekutuan, arahan Kementerian Kewangan supaya Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 25 Oktober telah bersetuju supaya semua projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dipamerkan dengan tanda yang bertulis "*Projek Kerajaan Barisan Nasional*" dengan lambang Barisan Nasional. Kementerian Kewangan memutuskan supaya semua projek fiskal Kerajaan Persekutuan yang mana kontraktornya sudah masuk tapak hendaklah dipasang dengan papan tanda yang saiznya hendaklah sebesar *billboard*.

Tuan Yang di-Pertua, inilah UMNO yang sedang menunggu saat untuk ditolak oleh orang-orang Melayu. *[Sorak] [Tepuk]* Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Mac 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Borneo), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,

S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

” **Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)**

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ **Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)**
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdam Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)

- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)

- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)

- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” uan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- ” Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johny Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)

- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- Yang Berhormat Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- ” Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yusof (Bachok)
- Yang Berhormat Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

DR.28.3.2001

153

Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid III

Bil. 5

Rabu

28 Mac 2001

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong
– *Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)* (Halaman 23)